



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 41

Khamis

17 Oktober 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 10)
USUL MENTERI DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 86(5): <i>– Penyata Jawatankuasa Dewan</i>	(Halaman 42)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 46)
USUL: Anggaran Pembangunan 2020	(Halaman 46)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 17 Oktober 2019**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah status permohonan 7,000 doktor perubatan umum untuk mengharmonikan fi perundingan di Jadual Ketujuh dengan Jadual Ketiga Belas, yang tidak dihiraukan sejak 1992, kira-kira 27 tahun dahulu sedangkan kos operasi klinik, kos ubat-ubatan serta kos peralatan klinik telah meningkat begitu ketara sekali.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bagan Serai yang bertanya dengan sangat bersemangat sebentar tadi.

Ya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai, saya amat peka dan prihatin dengan persoalan permohonan lebih 7,000 doktor perubatan swasta dalam hal mendapat pelarasan sebenarnya atau kenaikan dalam Jadual Ketujuh, jadual yang menentukan apa yang diistilahkan sebagai fi perundingan pengamal-pengamal perubatan swasta yang menentukan antara lainnya fi dikenakan kepada pesakit (*patient*).

Saya memahami perkara ini dan telah pun melibatkan libat urus yang kita adakan pada bulan seawal tahun ini dan telah pun memberikan maklum balas ini kepada Mesyuarat *Post Cab* saya. Lalu dengan itu, saya ingin nyatakan sebenarnya pada tahun 2013, *general practitioner (GP)* yang berkhidmat di hospital swasta mendapat kenaikan dalam *Schedule* Ketiga Belas mereka. Jadual Ketiga Belas adalah jadual yang menentukan fi di hospital-hospital swasta. Bersekali dengan itu, GPs swasta mendapat – yang bekerja dalam *emergency department (ED)*, mereka mendapat pelarasannya tahun 2013.

Sementara kawan-kawan mereka seramai 7,000 lebih, mereka ini dalam klinik-klinik swasta tidak mendapat pelarasan itu. Isunya adalah ketika mana perkara ini saya

perhatikan dan permohonan-permohonan dibuat, saya mengangkat perkara ini dalam satu memorandum kepada Jemaah Menteri pada 24 April tahun ini dan langsung diputuskan oleh Jemaah Menteri supaya cadangan ini diangkat kembali, dibincangkan secara lebih teliti dalam Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara sebelum sebarang keputusan dapat dibuat bagi mengkaji kalaulah diadakan kenaikan dari segi impak kepada rakyat.

Justeru itu, diputuskan susulan itu daripada keputusan Jemaah Menteri tersebut cadangan pindaan ini telah dibentangkan di Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Peringkat Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 1 Ogos 2019. Yang Berhormat, memutuskan supaya julat perundingan bagi pengamal perubatan am swasta dicadangkan antara RM30 sehingga RM125 dikurangkan sedikit kepada satu julat yang lebih munasabah. Kesemua ini dimahukan satu kajian impak akan kenaikan ini.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Menteri Kesihatan sangat peka dengan hal ini dan akan terus membentangkan perkara ini dalam Jemaah Menteri sekali lagi setelah satu keputusan dibuat di peringkat NACCOL. Begitu dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan mengapakah penyelarasan fi ini tidak dilakukan pada tahun 2013? Apabila KKM tersedar yang fi yang baru diluluskan itu digazet hanya untuk Jadual Ketiga Belas PHFSA dengan izin tahun 1998, Akta 586.

■1010

Adakah dengan membiarkan fi ini selama 27 tahun begini KKM berlaku adil dan prihatin kepada nasib doktor-doktor perubatan umum yang dikatakan *gatekeepers* dengan izin kepada perkhidmatan kesihatan negara. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai pastinya sedar betapa saya sangat prihatin dengan perkara ini sekali gus meletakkan penglibatan GP (*General Private*) swasta dalam Program PeKa B40, PeKa Game Changer saya yang mereka berikan penglibatan secara langsung untuk memastikan mereka juga mendapat dukungan daripada kerajaan baharu ini.

Lalu untuk menjawab itu secara lebih khusus saya ingat itu tahun 2013 sebelum daripada pentadbiran kita kerajaan baharu ini. Adapun bagi saya seterusnya *moving forward* saya sangat prihatin tentang perkara ini. Saya tahu ia akan meninggalkan kesan dan impak kewangan kepada rakyat andainya kalau ia tidak dikira dan diambil satu

kajian tentang *financial impact* ataupun kajian impak tetapi saya sebagai Menteri sangat mahukan penyelarasan sebenarnya.

Bukan juga kenaikan, pelarasan ketika tahun 2013 mereka di hospital-hospital swasta mendapat kenaikan tetapi ketinggalan golongan ataupun tujuh ribu lebih pengamal klinik swasta mereka tidak membuat penyelarasan itu. Jadi saya kira mengimbangi kedua-dua ini, saya sangat peka Tuan Yang di-Pertua untuk kenaikan ini diberikan kepada mereka sementara jumlah kenaikan itu diteliti dengan baik supaya kesan dan impak kepada Indeks Harga Pengguna (CPI) itu dapat kita memahami sejauh mana impaknya itu.

Jadi oleh kerana itu saya yakin pihak GP swasta juga memahami daripada perspektif saya dan memberikan saya sedikit waktu lagi setelah Mesyuarat Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) akan sekali lagi bersidang dalam bulan November ini, Yang Berhormat Bagan Serai. Saya yakin perkara itu akan dapat dirumuskan dengan baik dan berkesan. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau kita melihat bagaimana kos operasi yang meningkat menyebabkan banyak klinik swasta terpaksa ditutup terutama di bandar-bandar akibat daripada kenaikan harga sewa dan juga harga ubat-ubatan.

Jadi apakah pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan perkara ini tidak terus berlaku dan pemantauan terhadap caj yang dikenakan kepada pengguna yang menyebabkan pengguna terpaksa memikul beban yang tinggi. Minta penjelasan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang, dalam ulasan dan komentari yang sedikit itu pun menampakkan satu konflik antara mengizinkan kenaikan kepada pengamal-pengamal klinik swasta ataupun GP swasta ini, sementara cuba untuk mengimbangi dengan impak yang akan terkena akibat kenaikan itu.

Saya sangat prihatin dan saya sangat memahami kesemua Ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat ini tahu bahawa di situlah mengambil sedikit waktu oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Kami sentiasa bekerja bergandingan lalu di situlah masa diperlukan supaya julat RM30 ke RM125 itu dibuat kajian dan *financial impact study* dengan izin ataupun kesan impak kepada pengguna itu dapat benar-benar dicerakinkan dan difahami.

Itulah sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memakan sedikit waktu. Adapun atas isu klinik-klinik swasta itu saya sangat prihatin tentang perkara ini yang saya sebutkan lebih awal tadi itulah antara sebabnya mengapa dalam program Peduli Kesihatan B40 (PeKa B40) saya libatkan di samping klinik-klinik kerajaan, kita juga melibatkan klinik-klinik swasta yang menjadi istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi *the gatekeeper of the primary care*.

Saya mahu memperkuatkan dan memperteguhkan amalan *primary care* keduanya klinik-klinik swasta yang seharusnya memberikan *value based healthcare* ataupun dengan menaikkan nilai-nilai ataupun nilai kepada *patient* dalam urusan mereka dan juga klinik-klinik kesihatan kami di bawah KKM juga. Gandingan dua inilah Tuan Yang di-Pertua, yang akan benar-benar dapat berperanan sebagai *the gatekeeping role* untuk memastikan *prevention* ataupun pencegahan kepada penyakit-penyakit khususnya penyakit tidak berjangkit (NCD), kencing manis, diabetes, darah tinggi, tinggi lemak, tinggi kolesterol di sinilah peranannya.

Oleh sebab itu saya sangat peka tentang peranannya klinik-klinik swasta bersekali dengan klinik-klinik kerajaan untuk digandingkan, untuk memberikan *the best outcome* untuk menjaga apa yang diistilahkan sebagai penjagaan dan *prevention promotive* dan *predictive healthcare*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan status terkini perancangan untuk membina Muzium Alam Semula Jadi pertama di Malaysia dan adakah kementerian bercadang untuk membina muzium ini di Sabah.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Mohamaddin bin Ketapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ketika ini Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sedang dalam perancangan untuk membangunkan muzium ini secara bersama. Satu *task force* telah dibentuk bagi membincangkan pelaksanaan cadangan pembinaan bangunan muzium ini di peringkat Persekutuan.

Beberapa kawasan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dikenal pasti untuk tujuan pembangunan muzium ini termasuklah sebidang tanah di Presint 5, Putrajaya yang sememangnya diperuntukkan untuk pembinaan muzium ini. Namun, cadangan ini terpaksa ditangguhkan kerana terdapat kekangan kewangan. Ada juga cadangan Muzium Alam Semula Jadi di Sabah.

Kementerian berpendapat asas-asas berikut perlulah dipersetujui oleh kerajaan negeri. Pertama, kerajaan negeri bersedia menyerahkan tanah kepada Kerajaan Persekutuan dan yang kedua muzium ini bukan dikendalikan oleh kerajaan negeri tetapi oleh Kerajaan Persekutuan namun Muzium Negeri akan mendapat manfaat.

Ketiga, muzium ini akan bertaraf Persekutuan yang akan memaparkan kekayaan alam semula jadi negara Malaysia termasuk Sabah dan yang keempat, pertimbangan kerajaan negeri untuk turut bersedia menanggung sebahagian kos pembinaan muzium ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Hampir setiap negara di dunia mempunyai sekurang-kurangnya satu muzium bersejarah semula jadi dan ia merupakan sebahagian dari mercu tanda budaya, saintifik, pendidikan dan seni bina kepada negara tersebut. Ditambah pula Malaysia merupakan satu daripada 12 negara yang diiktiraf sebagai negara mega biodiversiti di dunia.

Sehubungan itu, mohon penjelasan kementerian dengan kerjasama yang dijalinkan di antara Jabatan Muzium Malaysia dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli adakah ditetapkan tempoh tertentu bagi pembinaan muzium ini dan sejauh manakah kita ketinggalan dari sudut muzium ini berbanding 11 negara lain yang memiliki mega biodiversiti di dunia.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Malaysia pernah memiliki Muzium Alam Semula Jadi sementara yang terletak di Presint Diplomatik, Putrajaya. Namun telah ditutup disebabkan oleh kekangan kewangan.

■1020

Walau bagaimanapun, Jabatan Muzium Malaysia telah mempunyai cadangan reka bentuk muzium, pelan lantai yang terperinci untuk pembinaan muzium bagi merealisasikan pembangunan Muzium Alam Semula jadi secara kekal. Sehingga kini, masih belum dibincangkan secara terperinci tempoh tertentu bagi pembinaan muzium ini bergantung kepada peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil maklumat apa usaha yang telah dibuat melalui jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Selain daripada usaha tersebut, soalan saya adalah apakah usaha yang dibuat oleh kementerian bagi mendapatkan pengiktirafan tempat-tempat menarik dan bersejarah di Malaysia, muzium salah satu daripadanya sebagai tempat Warisan Dunia oleh Pertubuhan Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu. Terima kasih.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon sekali lagi kalau boleh ulang semula soalan tadi. Tidak berapa jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Pendek sahaja, okeylah. Saya cuma hendak bertanya kepada pihak kementerian...

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, itu sudah paling pendeklah itu. Apakah usaha yang dibuat oleh pihak kementerian, pihak Yang Berhormat sendiri selaku Menteri untuk mendapatkan pengiktirafan tempat-tempat menarik dan bersejarah, dekat Malaysia ini banyak. Sebagai contoh macam muzium itu sebagai tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya menunggu jawapan itu dengan begitu *patience* sekali di sini.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih Yang Berhormat, ada jelas sedikit. Usaha kementerian ini daripada masa ke semasa mengenal pasti nombor satu, tapak-tapak warisan yang disebutkan diangkat ke peringkat kebangsaan. Selepas itu kita akan mengenal pasti lagi untuk sama ada ia layak diangkat ke peringkat seterusnya. Setakat ini banyak yang telah kita hantar untuk diangkat ke peringkat kebangsaan dan juga peringkat seterusnya. Ada di antaranya, baru-baru ini – MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara sentiasa menghantar beberapa pencalonan melalui UNESCO. Setelah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan dan akan direkodkan oleh pakar dan hantar ke pihak UNESCO untuk pertimbangan selanjutnya. Minta maaf, ada sangkut sedikit jawapan ini kerana tulisan pegawai saya ini tidak jelas, tidak terang [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan bertulis Yang Berhormat.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan bertulis.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Bagi jawapan bertulis jugalah Tuan Yang di-Pertua mengenai perkara.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: *Insya-Allah, Insya-Allah.*

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Pegawai – Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pegawai lain kali tulis betul-betul, kesian Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, minta satu lagi tambahan, satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Masa hampir sudah habis Yang Berhormat Santubong. Maaf ya. Oleh sebab MQT 30 minit sahaja. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Puncak Borneo.

3. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah diisytiharkan muflis dari tahun 2015 hingga Ogos 2019. Apakah pecahan umur, kelas dan kaum kumpulan ini dan strategi kerajaan untuk menolong mereka termasuk program "*financial literacy*".

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puncak Borneo atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia setakat bulan Ogos 2019, jumlah keseluruhan kes kebangkrapan yang telah pun direkodkan ialah sebanyak 300,908 kes. Berikut dikemukakan jumlah kes kebangkrapan mengikut pecahan umur, kelas dan kaum yang direkodkan oleh jabatan ini mulai daripada tahun 2015 sehingga Ogos tahun ini.

Kes Kebankrapan:

Tahun	Jumlah Kes
2015	18,497
2016	19,588
2017	18,027
2018	16,482
Ogos 2019	7,871
JUMLAH	80,625

Kes Kebankrapan Mengikut Jantina:

Tahun	Lelaki	Perempuan
2015	12,787	5,670
2016	13,364	6,224
2017	12,452	5,775
2018	11,760	4,722
Ogos 2019	5,810	2,061

Mengenai kaum-kaum yang lain saya akan membekalkan soalan ini kerana ia terlebih panjang Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat dia punya jumlah kes kebangkrapan mengikut kaum daripada tahun 2015 sehingga tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada masa ini telah pun melaksanakan pelbagai usaha bagi mengurangkan kadar kes-kes kebangkrapan di Malaysia. Tidak dinafikan golongan belia pada masa ini dipengaruhi oleh *trend* terkini yang menyebabkan

golongan ini berbelanja di luar kemampuan pendapatan. Jadi, kerajaan melalui Jabatan Insolvensi telah melaksanakan program bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang isu muflis seperti *outreach* program dan selain daripada itu, kerajaan juga melalui agensi kaunseling dan pengurusan kredit AKPK iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah juga mengadakan program-program untuk memberi kesedaran tentang isu muflis.

Selain daripada itu, pengurusan kewangan yang berhemah dan terancang akan menjamin kedudukan kewangan di tahap yang terbaik. Jadi melalui pendidikan ini akan dapat membantu golongan belia khususnya untuk berbelanja secara berhemah dan bijak dalam pengurusan kewangan bagi mengelakkan kebangkrapan. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bertanya kenapa jumlah rakyat Malaysia yang muflis kian meningkat dari tahun ke tahun. Manakala daripada statistik yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita melihat ramai golongan lelaki yang muflis daripada golongan wanita.

■1030

Saya juga ingin mengetahui bahawa ramai yang bankrap lebih daripada 15 tahun ke atas. Kenapa pihak MDI tidak mengambil langkah positif untuk bebaskan mereka ini daripada kebangkrapan?

Saya percaya dengan langkah proaktif, statistik kebangkrapan akan turun dan saya percaya KPI MDI ialah memastikan jumlah kebangkrapan ini turun dan bukan semakin menaik. Jika kita lihat, sekarang ini mereka tidak ada ruang serta peluang dan cara lain untuk keluar, jadi saya berharap agar ada satu mekanisme untuk membantu golongan mereka ini. Oleh sebab ada yang bankrap kerana RM 20,000, RM 30,000, jadi kalau ada pelan pembayaran semula yang distrukturkan untuk mereka ini keluar daripada senarai muflis ini dan saya rasa kerajaan patut campur tangan untuk membantu golongan ini. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puncak Borneo atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, pihak Jabatan Insolvensi telah pun berjaya membebaskan kurang lebih sebanyak 30 ribu kes daripada jangka yang saya telah pun berikan, daripada sebanyak 300,908 kes tadi. Ini bermakna sebenarnya kes yang bankrap ini berjumlah 330, akan tetapi pihak Jabatan Insolvensi telah pun berjaya untuk mengurangkan kurang lebih sebanyak 30 ribu kes.

Jadi, ini adalah satu jangka yang amat baik di mana langkah telah pun diambil untuk memastikan mereka yang telah pun layak untuk dikeluarkan daripada kebangkrapan ini dapat diberikan kebebasan. Jadi, selain daripada itu kerajaan juga dalam melalui Jabatan Insolvensi ini *actively* dengan izin Tuan Yang di-Pertua untuk mengemaskinikan rekod-rekod kebangkrapan ini daripada sebelum kemerdekaan, di mana mereka juga telah pun dibankrapkan dan ada juga yang telah pun dibankrapkan sejak 60-an, 70-an dan 80-an sehingga 90-an, sehinggalah hari ini.

Jadi, saya mengambil makluman bahawa memang terdapat ramai yang telah pun dibankrapkan mengikut jadual-jadual yang saya telah pun katakan tadi, ada yang lebih daripada 15 tahun. Akan tetapi untuk pihak MDI, Jabatan Insolvensi membebaskan mereka, pertamanya kenalah datang untuk berjumpa dengan pihak MDI dan membuat permohonan melalui peguam mereka untuk mendapatkan kebebasan. Pihak Jabatan Insolvensi boleh membebaskan mereka yang telah pun meninggal dunia mengikut peruntukan Seksyen 82 Akta Insolvensi 1967.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen 33B (2A) bankrap juga boleh memohon kepada pihak MDI untuk mendapatkan kebebasan. Akan tetapi ini tertakluk kepada syarat-syarat dalam Seksyen 33B ini dan juga tertakluk kepada *judgement creditor* sama ada akan membantah ataupun menyokong dengan permohonan mereka ini. Jadi, itu sahaja.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita maklum bahawa sebahagian besar ataupun sebahagian daripada si bankrap ini adalah terdiri daripada mereka yang merupakan penjamin, *guarantor* sebagai contohnya mereka merupakan *co-owner* kepada satu *property* yang dijadikan kolateral kepada satu-satu kemudahan pinjaman.

Soalan saya sejauh mana kerajaan melalui Jabatan Insolvensi dan juga melalui AKPK mengadakan perundingan perbincangan dengan persatuan bank-bank dalam Malaysia ini untuk mereka mempertimbangkan kes-kes jaminan seumpama itu dan mereka tidak membantah permohonan pelepasan kebangkrapan semasa di mahkamah. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu ke atas soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah seksyen 33B (2A) ini telah pun memberikan ruang kepada pihak Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi untuk menggunakan *discretion* nya untuk mengeluarkan mereka yang telah pun dijadikan sebagai *social guarantor*. Akan tetapi malangnya dalam kes-kes tertentu di mana mereka yang memohon kepada pihak MDI dan juga kepada pihak mahkamah, bank

telah pun datang membantah mengatakan bagaimana kita boleh menentukan bahawa mereka adalah *social guarantor* dalam kes-kes ini kerana banyak yang datang mengatakan mereka telah pun di jadikan *guarantor* kerana peminjam itu telah pun menyuruh mereka untuk menjadi *guarantor*.

Jadi, bank kadangkala tidak dapat memastikan bahawa dalam sesuatu kes itu, mereka yang menjamin itu adalah proses yang dikatakan sebagai sosial *guarantor*. Jadi, apabila bank membuat bantahan di mahkamah, pihak mahkamah kadangkala akan mempertimbangkan kes-kes daripada bank dan mengatakan bahawa pihak mereka yang memohon untuk mengeluarkan daripada *guarantor* untuk pihak MDI untuk memberikan lebih penjelasan. Kadangkala pihak mahkamah akan memberi *middle road* untuk memberikan mungkin masa dalam dua tahun untuk memastikan mereka tidak dapat bayar dan yang jadi *guarantor* itu dapat memastikan bahawa mereka telah pun di pergunakan, sekiranya kita boleh kata sedemikian.

Saya juga faham bahawa ramai juga wakil-wakil rakyat kadangkala menjadi *guarantor* atas sesuatu kes di mana di minta atau dipohon daripada pengundi-pengundi ataupun penyokong daripada kawasan. Jadi, kadangkala wakil rakyat dit tidak tahu Tuan Yang di-Pertua menjadikan *guarantor* dalam kes sedemikian, bukan sahaja perumahan akan tetapi kenderaan. Jadi, selepas itu peminjam ini dia tidak bayar oleh kerana bank kata *you* telah pun menandatangani perjanjian yang mana *you* telah pun setuju untuk membayarkan hutang daripada penjamin. *You as the guarantor you kena bayar, so* mereka mengikut perundangan untuk memastikan *guarantor* itu akan bayar. Adakala kes-kes tertentu di mana peminjam ini keluar daripada *responsibility* mereka dan tidak bayar, manakala penjaminlah yang menjadi mangsanya kebanyakan itu , Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Kesihatan menyatakan akhir-akhir ini beberapa penyakit yang telah lama dapat dibendung seperti TB, kini timbul kembali dalam masyarakat Malaysia. Besar kemungkinan penyakit ini dibawa oleh rakyat luar seperti pekerja asing. Adakah kerajaan bercadang untuk memastikan mereka yang dibawa masuk ke Malaysia benar-benar lulus pemeriksaan kesihatan yang diiktiraf oleh kerajaan negara asal pekerja atau Malaysia?

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Sungai Petani.

Kementerian Kesihatan sememangnya telah mewujudkan pemeriksaan kesihatan untuk memastikan pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk itu dalam keadaan sihat dan baik. Terdahulu daripada memasuki negara, mereka telah menjalani satu ujian dan ini bagi mencegah penularan penyakit berjangkit yang mungkin sahaja dibawa oleh pekerja asing.

Sejak 2006 lagi, pemeriksaan kesihatan ini walaupun telah dibuat di negara asal mereka, dituntut untuk dibuat satu bulan setelah mereka sampai ke Malaysia sekali lagi. Pekerja asing yang bekerja di Malaysia secara sah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan pekerja asing di klinik-klinik panel yang digelar sebagai FOMEMA ataupun *Foreign Workers Medical Examination* dengan izin termasuk pemeriksaan x-ray dada ataupun *chest x-ray* dan juga pemeriksaan makmal yang lain.

Melalui pemeriksaan ini, pekerja asing disaring untuk penyakit tuberculosis (TB), HIV, Malaria, Hepatitis, Leprosy, Syphilis, dan ataupun penyakit-penyakit berjangkit kanser, penyalahgunaan dadah, kehamilan dan yang lain-lain termasuklah NCD ataupun penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti diabetes dan juga hipertensi, darah tinggi dan juga kegagalan buah pinggang.

Bagi pekerja asing yang disahkan tidak sesuai bekerja ataupun gagal pemeriksaan, mereka diminta pihak majikan untuk menghantar mereka pulang dan hanya pekerja asing yang sihat akan diberikan apa yang diistilahkan sebagai pas lanjutan kerja sementara ataupun PLKS dari Jabatan Imigresen.

■1040

Sekiranya majikan tersebut gagal membuat demikian untuk menghantar mereka pulang, PLKS untuk pekerja-pekerja yang lain akan dikenakan penalti kepada majikan tersebut dan tidak akan diperbaharui oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Petani, kita perlu memahami bahawa sesetengah penyakit seumpama HIV dan hepatitis B dan juga *tuberculosis* mempunyai apa yang diistilahkan sebagai satu *incubation period*, maksudnya setelah mereka mendapat infeksi, belum ada simptom. Kalau TB itu antara dua hingga 12 minggu. Dengan kata lain, ketika mereka dibuat kaji uji, *chest X-ray* sebagainya di tempat negara asal mungkin sahaja mereka tidak akan dapat dikenal pasti *chest X-ray* mereka itu sebagai positif, *classification* dan apa semua.

Jadi, oleh kerana itu, ia kadang kali mereka terlepas di situ. Oleh yang demikian, ketiadaan apa-apa penyakit yang dikesan semasa pemeriksaan dalam masa sebulan selepas mereka tiba, barulah kita ulangi kembali, dan dengan itu kalau lah belum ada

contohnya dikesani *antibody*, maka dianggap sebagai *false negative*. Negatif tetapi sebenarnya *false*.

Jadi, oleh kerana itu, dalam hal ini sangat mustahak untuk kita lulus pemeriksaan yang diiktiraf oleh negara asal semestinya supaya dapat mencegah ataupun kita pastikan dalam mudahnya dua langkah. Di negara asal, dibuat pemeriksaan, setelah sebulan sampai pun akan diulangi beberapa ujian itu terutama dengan penyakit *tuberculosis* yang mutakhir ini menular kembali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya *zoom in* kepada TB ini, kerana seperti yang Menteri jawab tadi mereka mungkin telah menjalani pemeriksaan kesihatan di negara asal. Akan tetapi kita juga tahu permainan agen-agen yang membekalkan mereka ini pun satu hal juga.

Jadi, saya hendak tanya, adakah kita mendapat senarai klinik-klinik yang mereka lalui. Contoh negara-negara di Indonesia kah ataupun di Bangladesh kah, adakah klinik-klinik yang mereka lalui ataupun *labs* mereka ini disahkan oleh kerajaan mereka? Itu yang pertama. Maksudnya betul-betul wujud, kalau wujud betul-betul ada fasilitasnya. Takut-takut wujud TB tanpa fasilitas. Itu isu pertama kerana permainan agen pun boleh tahan juga.

Keduanya, soal di Malaysia juga, soal BCG- imunisasi ini. Dahulu hampir kita mengatakan hampir rakyat Malaysia ini tidak ada yang tidak buat BCG untuk anak-anak. Akan tetapi sekarang ini sudah ada trend untuk tidak menghantar anak-anak untuk BCG. Adakah kerajaan bercadang untuk memastikan mewajibkan melalui perundangan bahawa setiap anak yang lahir di Malaysia mesti melalui BCG. Kerana ini akan meredakan keadaan dan apabila kita terima TB ini, dia *very costly*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya kira jawapan itu ataupun komentar yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Petani itu sangat baik dan kita memang memastikan kewujudan *facilities*, makmal dan sebagainya di negara asalnya. Akan tetapi, tidak juga kita memberikan laluan begitu mudah, kita ulangi segala ujian dan uji kaji itu sebulan sebaik sahaja mereka sampai.

Adapun bersabit dengan BCG ataupun *tuberculosis* dan juga secara umumnya penyakit-penyakit berjangkit yang lain ataupun *vaccine-preventable diseases*, kita memang khususnya kebelakangan ini dan mutakhir ini, ketika wujud satu apa yang diistilahkan sebagai *immunisation hesitant*, dengan izin, ataupun *vaccine hesitant group* yang sangatlah mustahak untuk kita perhatikan bahawa walaupun kita belum dapat

mewajibkan tetapi kita sudah menimbang untuk akhirnya *immunisation* ataupun *National Immunisation Programme* (NIP), Program Imunisasi Kebangsaan itu ke arah mewajibkan- belum lagi kita laksanakan kerana kita sudah melihat kembalinya *vaccine-preventable diseases* yang telah berlaku terutama di negara-negara seperti Filipina dan negara-negara jiran yang lain dan juga negara kita. Kita juga mengesani *measles*, mengesani *diphtheria*, penyakit-penyakit yang dahulunya memang hampir kita lenyapkan. Di situ kepentingan untuk perkara ini diberikan pertimbangan seterusnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Minta tolong lihat sebelah sini juga lah Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang tempat ini ada *blackout* sedikit... [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ambil perhatian ya.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian bercadang membuat pemeriksaan rambang ataupun berskala di lokasi-lokasi pekerja terutama sekali di kawasan lokasi-lokasi pembinaan. Di mana, jelas kediaman pekerja-pekerja di kawasan ini amat daif dan keadaan *makeshift* sahaja, dengan izin, mungkin boleh dikategorikan juga sebagai *high risk* kerana terdedah kepada jangkitan TB, mungkin. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan apa yang diistilahkan mutakhir ini sebagai rintangan antibiotik atau lebih tepat lagi rintangan *antimicrobial resistance* dengan penularan kembali penyakit-penyakit berjangkit seumpama *tuberculosis* dan yang lain, adalah sangat mustahak-saya kira cadangan yang diberikan itu satu yang boleh kami ambil perhitungan dan pertimbangan kerana *we can do you know, test the monitoring surveillance* seperti itu atau *spotcheck* seperti itu kerana banyak yang dikatakan didakwa penyakit ini kembali kerana pekerja asing tetapi tidak secara tepat dan *empirical*, lalu kita tahu juga bahawa sememangnya pekerja asing adalah antara puncanya.

Terutama saya sebutkan tadi *tuberculosis* khususnya, dia ada *incubation period before symptom is seen*, dia *asymptomatic* dengan kata lain. Jadi, oleh kerana itu dalam keadaan dia telah ada infeksi, dia menjadi *contagious* tetapi dia tidak dikesani. Oleh kerana itu, sangat mustahak cadangan itu saya kira Yang Berhormat adalah baik yang boleh kami pertimbangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Sekurang-kurangnya ada lampu lah sedikit dekat sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, kajian telah dibuat oleh Profesor Dato' Dr Adeeba Kamarulzaman, Universiti Malaya 12/15, melihat bahawa pendatang asing yang legal dan *illegal, illegal* itu mungkin yang bawa juga perkara ini. Akan tetapi masalahnya ialah di penjara.

Umpamanya sebagai tempat kajian, Penjara Kajang sebagai *breathing area* untuk orang berjangkit penyakit TB. Kena tangkapan enam bulan, tiga bulan, empat bulan lepas itu dia bebas. Bercampur dengan anak, isteri. Selain daripada orang asing dicampurkan di tempat *detention centre*, kesemua orang akan merebak. Jadi, macam mana tindakan kerajaan supaya tempat-tempat penjara, tempat-tempat *detention centre* ini tidak menjadi satu tempat pembiakan TB di seluruh Malaysia.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Sangat relevan cadangan oleh Yang Berhormat Santubong. Kalau kita perhatikan, kalau di penjara itu lebih cemas dan lebih gusarnya. Terkadang kali bukan sahaja dalam *setting* seperti penjara yang tidak dapat pemerhatian yang lebih dekat, yang lebih tegas, yang lebih keras, kadang kala apa yang diistilahkan sebagai *hospital-acquired infections code* di hospital-hospital itu sendiri. Dalam *setting* seumpama itu pun berlaku infeksi seumpama ini.

Jadi, terutama di penjara kita memang mempunyai perkhidmatan seperti itu cumanya saya mengakui bahawa MO's, pegawai-pegawai perubatan yang ada di penjara-penjara itu dari sudut *numbers*, daripada sudut *resources*-nya, sangat berkurang. Baru-baru ini dalam *Post Cab Meeting* saya membangkitkan untuk kita memperteguh lagi *reinforce* kerana di situ lah, *this is the reservoir*, ini is a *time bomb* kalau kita tidak memerhatikan, dan saya tegaskan kembali TB *globally is coming back-reemergence of communicable disease* terutamanya *tuberculosis*. Bukan sahaja NCD, penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti diabetes dan kencing manis ataupun darah tinggi tetapi kita menyaksikan kembali apa yang diistilahkan sebagai kembalinya *communicable disease* terutamanya *tuberculosis*, dan dengan apa yang dikatakan sebagai rintangan antibiotik ataupun *the antimicrobial resistance*, satu *calamity as bad as climate change is coming back to be a scourge of the global humanity* ataupun satu malapetaka kepada dunia. Ini dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1050

2. **Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sejauh manakah tahap persediaan kementerian dalam membina dan mempersiapkan pelan ekosistem utama dan sokongan bagi industri kereta terbang di Malaysia memandangkan prototaip pertama kereta terbang pertama negara dijangka dilancarkan pada suku keempat tahun 2019 ini.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]:

Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengenal pasti industri *air mobility* yang merangkumi kereta terbang sebagai salah satu *game changer* yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan membangunkan PKS di Malaysia. Industri ini mempunyai potensi yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa terutama dalam sektor infrastruktur, keselamatan, pertanian dan lain-lain. *Air mobility* ini mengaplikasikan teknologi terkini seperti *artificial intelligence* dengan izin *big data mobility* dan *internet of things* yang sedang berkembang pesat terutamanya di peringkat antarabangsa.

Sehingga kini, terdapat reka bentuk kenderaan *air mobility* yang telah dicadangkan kepada kementerian dan pembangunan prototaip dengan penumpang sedang giat dijalankan dan dijangka akan dilancarkan pada penghujung tahun 2019. Projek ini akan diterajui oleh sektor swasta dan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat tempatan. Projek ini tidak melibatkan sebarang peruntukan daripada kerajaan dan kerajaan tidak akan menanggung sebarang kerugian sekiranya projek ini tidak berjalan seperti yang dirancang.

Majlis Pembangunan Negara pada 20 Disember 2018 telah mengenal pasti Cyberjaya sebagai platform *test-bed* untuk menguji teknologi dan inovasi baharu termasuk *autonomous, drone dan air mobility*. Platform *test-bed* akan memastikan wujudnya ekosistem yang kondusif bagi pembangunan *air mobility* di Malaysia. Pada tahun 2016, *the World Economic Forum* menjangkakan bahawa *air mobility* akan dijadikan mod utama pengangkutan menjelang tahun 2030 dan laporan daripada PricewaterhouseCoopers menganggarkan bahawa nilai industri *air mobility* udara dijangka meningkat sebanyak USD130 bilion menjelang tahun 2020.

Di Malaysia, pembangunan *air mobility* akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan negara bersedia memenuhi keperluan industri menjelang tahun 2030. Persoalannya adakah kita sudah bersedia? Kementerian telah mengadakan penyelarasan, telah mula mengadakan penyelarasan untuk membincang hala tuju dan keperluan industri *air mobility* bersama pihak berkuasa, penerbangan awam (CAAM),

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan selain daripada itu Kementerian Pengangkutan telah mengadakan sesi libat urus pada 5 September 2019 bersama agensi-agensi pelaksana untuk merangka dasar pelesenan dan garis paduan bagi memastikan kelancaran pembangunan ekosistem industri *air mobility*. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila Wawasan 2020 diperkenalkan, saya berumur 15 tahun dari pelbagai imaginasi para remaja pada waktu itu berkenaan apa yang ada di Malaysia pada tahun 2020 adalah kereta terbang. Jadi, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana sekurang-kurangnya impian kereta terbang itu tidak tertangguh sehingga Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Yang Berhormat Menteri seorang sahaja yang dapat menepati janji tahun 2020.

Soalan saya, kementerian ada sebut projek ini dipacu oleh sektor swasta tanpa melibatkan wang kerajaan. Kerajaan cuma jadi pemudah cara. Jadi, apakah inisiatif untuk menjadi pemudah cara kepada industri ini, pertama. Kedua, apakah pelan jangka masa panjang untuk membangunkan industri ini supaya Malaysia mempunyai *competitive advantage* dalam *industry air mobility*. Ketiga yang paling penting apakah tarikh spesifik seluruh rakyat Malaysia boleh menyaksikan Menteri naik kereta terbang seperti mana Neil Armstrong suatu ketika dahulu. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi, ini adalah usaha berterusan selari dengan pergerakan teknologi terkini ataupun inovasi terkini di seluruh dunia. Jadi, apa sahaja bentuk usaha kita untuk memastikan industri ini bergerak dengan lebih lancar dan boleh dipercepatkan untuk kegunaan saya. *Insyah-Allah* dalam masa terdekat menaiki kereta terbang sekiranya kita mengadakan satu undang-undang keselamatan, insurans dan sebagainya.

Perdana Menteri Malaysia kita yang Yang Amat Berhormat Tun Dr Mahathir pernah menyatakan "*Pak Wan tidak boleh naik selagi tidak ada insurans.*" Ini akan juga membangunkan ataupun ada *spine-off* dari segi pembangunan perniagaan itu sendiri, di mana kita boleh mengadakan bidang perniagaan dari sudut '*fee tax*', dari sudut pembinaan *artificial intelligence* dan sebagainya untuk memastikan hasrat yang Yang Berhormat Rembau dari umur 15 tahun dahulu sedar tahun 2020, kita *insyah-Allah* akan terbang.

Saya hendak menyatakan di sini, kalau kita pergi ke *Penang* selama empat jam mungkin membawa kereta, pihak-pihak swasta dan juga usahawan-usahawan sedang

berbincang dengan *high technology providers* untuk membolehkan kita ke *Penang* untuk satu jam menggunakan kaedah kereta terbang. Bukannya saya nyatakan benda itu akan terjadi, telah ada perbincangan awal untuk memastikan perkara ini boleh direalisasikan dalam masa terdekat dalam tahun 2020. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat teruja mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri kerana saya pun hendak tumpang juga, hendak balik kawasan dengan dia naik kereta terbang itu, *insya-Allah*. Jadi, soalan saya pada Yang Berhormat Menteri, setakat mana pencapaian kebolehan usahawan-usahawan kita di dalam industri *air mobility* ini gayanya di peringkat permulaan ataupun sudah ada kejayaan-kejayaan yang ingin dikongsi bersama rakyat Malaysia. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih orang kampung saya daripada Yang Berhormat Masjid Tanah. *Insya-Allah* esok kita boleh terbang bersama sebab prototaip itu boleh membawa dua atau tiga penumpang. Bolehlah dia duduk sebelah *insya-Allah*, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai pencapaian anak-anak dari Malaysia, sukacita saya memberi sedikit maklumat awal. Hari ini syarikat tempatan sedang beroperasi di dalam 24 negara di dunia. Dibangunkan teknologi kepakaran itu di negara kita tetapi relevan itu soalan yang dibangkitkan adakah kita bersedia? Maka kita tidak bersedia lagi untuk menerima pembangunan industri itu di negara kita.

Sebuah syarikat yang diterajui oleh anak muda hari ini telah pun keluar di sosial media dan telah pun membuat suatu *announcement* yang rasmi pengumuman yang rasmi Pricewaterhouse mengatakan mereka adalah sekarang ini bergiat dalam industri *air mobility* bertaraf ataupun di tingkatan nombor tiga di dunia dan dalam hujung tahun ini saya disarankan syarikat ini sendiri akan menjadi syarikat nombor satu di dunia, *insya-Allah*.

Mereka ini bergiat dalam keseluruhan industri *air mobility* termasuk sedikit yang disebutkan kereta terbang. Ini melibatkan contohnya UAV melibatkan servis-servis keselamatan, *intelligent* dan sebagainya. Jadi, pencapaian itu kita kena- saya sendiri berasa bangga kerana mereka telah pun sampai ke tahap yang boleh dikenali oleh negara-negara maju dan menjemput mereka untuk memberi servis-servis tertentu yang melibatkan *air mobility*.

Contoh pertama, yang kita tahu hari ini syarikat ini telah pun memenuhi ruang yang kosong begitu lama oleh sebuah syarikat yang besar, syarikat gergasi di negara Jepun dan juga mereka diiktiraf contohnya untuk mengadakan servis *air mobility* melibatkan keselamatan di sebuah negara di *South America* dan sebagainya. Itulah

yang menandakan kebolehan anak-anak dari Malaysia kalau kita tidak memberi mereka galakan, kalau kita tidak menyediakan ekosistem, kalau kita tidak menyediakan undang-undang dengan adanya naratif yang *simple* seperti kereta terbang, maka kita boleh memetik minda mereka itu untuk membangunkan usaha mereka lebih jauh lagi. Terima kasih.

3. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Belura] minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi memastikan prinsip “*non-militarization*” di kawasan Laut China Selatan dihormati oleh semua pihak khususnya kuasa-kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat.

■1100

Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Sebagai mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu Laut China Selatan merupakan isu yang sensitif dan kompleks, kerana itu ia memerlukan pendekatan yang juga komprehensif untuk mengelakkan ketegangan antara pihak-pihak yang berkaitan. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten untuk memastikan keamanan dan kestabilan serantau. Malaysia berpendirian semua pihak perlu menghormati undang-undang antarabangsa menyelesaikan sebarang pertelingkahan secara aman dan mengelakkan penggunaan kekerasan atau ancaman kekerasan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mencadangkan prinsip “*non-militarization*” di Laut China Selatan supaya ia menjadi satu perairan yang amat stabil dan kondusif untuk perdagangan. Perairan yang aman tanpa sebarang konflik secara tidak langsung akan mengukuhkan kerjasama antara negara-negara serta meningkatkan saling hubungan, di samping dapat mengeratkan hubungan antara komuniti serantau.

Laut China Selatan tidak seharusnya dijadikan sebagai punca konflik antara negara. Kita konsisten dalam forum-forum antarabangsa seperti ASEAN dan sebagainya serta telah mengetengahkan konsep kawal diri atau *self-restraint* dengan izin dan “*non-militarization*” di Laut China Selatan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyarankan untuk mengawal kehadiran kapal-kapal perang di Laut China Selatan. Pengawasan kehadiran kapal-kapal perang ini merupakan usaha-usaha antara usaha “*non-militarization*” di sana. Peningkatan kehadiran kapal-kapal perang

boleh menyumbang kepada keadaan yang tegang dan risiko konflik antara pihak-pihak yang berkaitan.

Namun, Malaysia tiada halangan terhadap hak kebebasan pelayaran, *freedom of navigations* dengan izin, seperti yang diperuntukkan di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 (UNCLOS 1982) dengan izin. Kita tidak mahu terperangkap dalam konflik kuasa-kuasa besar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Beluran.

Dalam hal ini, Malaysia dan negara-negara ASEAN sedang mengaplikasikan tatalaku pihak-pihak berkepentingan di Laut China Selatan atau dengan izin, *Declaration on Conduct of the Parties in the South China Sea* yang lazim disebut kependekannya DOC dan sekarang sedang merundingkan kod tatalaku di Laut China Selatan dengan izin, *Code of Conduct in The South China Sea (COC)* yakni antara ASEAN dengan China.

Pokok pangkalnya, kita akan sentiasa menegakkan kedaulatan dan kepentingan negara dalam semua urusan yang melibatkan kawasan tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ASEAN ditubuhkan di atas prinsip berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana negara yang bertelagah. Begitu juga kalau kita lihat apabila Indonesia-Malaysia dan Filipina termasuk Malaysia membentuk *Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN)* adalah atas asas bahawa negara Southeast Asia dan Laut China Selatan ini bebas daripada *presence of military*.

Akan tetapi, nampak sekali bahawa konsep dan prinsip ASEAN sekarang ini tidak diendahkan dan dicabuli oleh negara besar seperti Amerika Syarikat dan China. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah masa depan ASEAN dalam konteks kebebasan, *freedom neutrality* ini yang kini dicabuli oleh negara besar disebabkan oleh pertelingkahan di South China Sea. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara di sini. Pertama, kita sentiasa mengajak negara-negara ASEAN untuk mengekalkan prinsip dengan izin, ASEAN *centrality* termasuk apabila kita berurusan dengan kuasa-kuasa besar khususnya dalam konteks Laut China Selatan dengan China. Oleh sebab itu, kita tidak begitu cenderung untuk terlalu mengadakan hubungan unilateral dengan China dalam soal, isu-isu maritim, boleh dalam isu bilateral, perdagangan dan sebagainya.

Kedua, soal "non-militarization" ini yang kita harus sentiasa perhatikan ialah soal memastikan supaya tidak ada penambahan kekerapan aset ataupun kapal-kapal yang hadir – maksud saya ialah kapal perang yang hadir di kawasan tersebut tidak

membenarkan mereka bersauh, tidak membenarkan menambah jumlah anggota ataupun semakin menghampiri kawasan-kawasan pantai negara-negara ASEAN. Ada dua perkara di sini, pertama ialah dalam hal-hal tertentu yang boleh kita lakukan ialah dengan menghantar nota proses dan sebagainya sebagai sebuah negara dan juga membuat kenyataan sebagai sebuah ASEAN.

Cuma, persoalan kita, kalau bagi Malaysia Yang Berhormat Beluran ialah kita mahu berbuat lebih, misalnya, kawalan pantai tetapi sementelahan ini musim perbincangan bajet. Kekangan utama ialah aset. Jadi, saya minta sangat Yang Berhormat Beluran dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ketika membahaskan peruntukan untuk – bukan untuk Wisma PUTRA, untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia – Yang Berhormat sahabat saya dari Jasin, saya fikir lebih maklum. Beliau dari – ada latar belakang itu. Saya fikir penambahan aset untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia itu antara perkara yang sangat mustahak.

Soal ASEAN itu satu bab, ini soal kita sebagai – kalau Yang Berhormat Arau ada, saya tahu Yang Berhormat Arau akan setuju untuk menambahkan aset bagi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada kementerian kerana sentiasa mengadakan perbincangan, hubungan diplomatik dengan negara-negara yang berkaitan untuk menyelesaikan isu di Laut China Selatan.

Akan tetapi, kalau kita lihat, negara China begitu agresif di Laut China Selatan ini dan kehadiran mereka sangat dirasai di negara kita pun, terutamanya di Beting Patinggi Ali di Sarawak. Kita percaya, selepas *trade war* yang berlaku antara China dengan Amerika ini, saya percaya Amerika tidak akan membiarkan dan berdiam diri di Laut China Selatan melihat kepada China yang semakin agresif ini. Soalan saya, selain daripada perbincangan diplomatik untuk mengelakkan apa yang akan berlaku di masa akan datang, adakah pihak kerajaan membuat persediaan jika berlaku sesuatu yang tidak baik, *worst scenarionya*, terutama apabila berlaku pertembungan di Laut China Selatan. Jadi, pertembungan secara fizikal ketenteraan misalnya, di Laut China Selatan. Jadi, apakah persediaan negara kita untuk menghadapi senario buruk ini jika berlaku? Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Oleh sebab itu, kita baik Malaysia ataupun ASEAN kita meminta kedua-dua kuasa besar khususnya Amerika dan China untuk mereka mengurangkan atau tidak meningkatkan kehadiran kapal-kapal perang mereka.

Tahun lalu, saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini ada satu peristiwa di mana sebuah kapal perang Amerika dan sebuah kapal perang China, mereka berada di perairan antarabangsa tetapi jarak antara kedua-duanya bawah dari 50 kilometer. Bagi kapal perang yang besar, bawah 50 kilometer ini bukan perkara yang kecil. Kita memang – kerisauan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bera itu memang kerisauan yang sentiasa kita pantau. Beting Patinggi Ali dihadiri oleh *coast guard* dengan izin, *coast guard* China, boleh dikatakan 24 jam.

■1110

Kita ada bot-bot APMM tetapi Tuan Yang di-Pertua, kapal perang Malaysia pun yang di bawah TLDM lebih kecil daripada *coast guard boat* dari China. Berbalik sebenarnya soal aset Yang Berhormat. Kita boleh buat peta, kita boleh tuntutan kawasan tertentu. Saya yakin, saya rasalah pertama, kita minta dijauhkan daripada berlaku. Kalau berlaku kita tidak terlibat. Akan tetapi saya berbalik kepada soal yang saya jawab kepada Yang Berhormat Beluran tadi, soalnya ialah kemampuan aset kita memang perlu ditingkatkan untuk kita mengawal perairan khususnya dalam konteks berhadapan dengan kuasa-kuasa besar di Laut China Selatan. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu kita nak mengalu-alukan kehadiran anak-anak kita daripada Pusat Tingkatan Enam atau pra-U, Sekolah Menengah Tun Syed Zahiruddin, Air Tawar, Jasin Melaka dan daripada luar negara. [Tepuk]

4. **Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan menjelaskan dengan terperinci berapa jumlah pelancong yang datang ke Malaysia mengikut statistik setiap negara dan berapakah pulangan yang diterima oleh negara hasil daripada kehadiran pelancong-pelancong berkenaan setelah Kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pemerintahan selepas PRU-14 pada 9 Mei 2018 yang lalu.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia dengan kerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah ketibaan pelancong asing bagi tempoh Julai 2018 hingga Jun 2019 iaitu bagi satu tempoh yang ditadbir oleh Kerajaan Pakatan Harapan adalah seramai 26,456,561 orang dengan jumlah pendapatan RM86.9 bilion. Jika dibandingkan dengan tempoh yang sama iaitu dari Julai 2017 hingga Jun 2018, jumlah ketibaan pelancong asing adalah 25,751,934 orang dengan pendapatan RM83 bilion.

Ini menunjukkan bahawa ketibaan pelancong asing telah meningkat sebanyak 2.7 peratus pada tempoh tersebut. Manakala pertambahan pendapatan pula adalah sebanyak 4.7 peratus. Manakala bagi tempoh separuh tahun pertama iaitu daripada Januari hingga Jun 2019, jumlah ketibaan pelancong asing adalah seramai 13,394,575 orang, meningkat sebanyak 4.9 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Hasil pendapatan daripada perbelanjaan pelancong asing pada tempoh tersebut adalah sebanyak RM41.69 bilion meningkat sebanyak 6.8 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

Saya juga ingin sebut 5 pasaran utama bagi ketibaan pelancong asing ke negara ini bagi tempoh Januari 2019 hingga Jun 2019 berbanding tempoh pada tahun yang lepas.

Negara	Jumlah (orang)	Peningkatan (peratus)
Singapura	5,381,566	3.6
Indonesia	1,857,864	15
China	1,558,000	6.4
Thailand	990,000	4.2
India	354,486	15.2

Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok meja Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri jawab sebelah pagi. Sampai saya, tiba-tiba Yang Berhormat Timbalan Menteri pula, tak apalah terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah lama menjadi destinasi pelancongan kesihatan sama ada pelancong-pelancong di negara-negara Asia ataupun daripada Eropah dan sebagainya. Mungkin kerana perkhidmatan kesihatan negara kita ini baik. Jadi saya ingin tahu sehingga kini, berapa ramai daripada jumlah pelancong-pelancong yang hadir ke negara kita seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi adalah terdiri daripada pelancong-pelancong kesihatan? Berapa hasil yang diperoleh oleh kerajaan melalui pelancong kesihatan ini? Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Sebenarnya pelancong kesihatan adalah di bawah Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesihatan. MHTC adalah di bawah seliaan Kementerian Kewangan. Jadi saya tidak dapat menjawab. Walau bagaimanapun, saya akan dapatkan jawapan bertulis untuk Yang Berhormat. Cuma tadi Yang Berhormat Menteri ada di sini tetapi

Yang Berhormat Menteri daripada Warisan, kami daripada Pakatan Harapan. Warisan sahabat Pakatan Harapan.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Kementerian Pelancongan kerana telah berjaya membawa pelancong-pelancong melawat Malaysia. Cumanya pertanyaan saya ialah, sejauh mana industri pelancongan ini dapat memberi kesan kepada masyarakat desa yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan inap desa?

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih soalan tambahan tadi. Sebenarnya fokus utama Dasar Pelancongan Negara kita pada kali ini ialah memfokuskan kepada *eco* dan *cultural tourism*, *ecotourism* dan pelancongan budaya. Jadi, apabila kita sebut tentang *eco* dan *cultural tourism*, ia menjurus kepada *rural based tourism* ataupun pelancongan di luar bandar. Ini secara tidak langsung akan menjana ekonomi luar bandar. Kebanyakan ramai di antara pelancong-pelancong sekarang, mereka bukan datang untuk melihat monumen, bangunan dan sebagainya tetapi mereka datang untuk mengalami *experiential tourism*.

Jadi dengan adanya inap-inap desa yang menyediakan *homestay with experience*, kita telah banyak dapat pelancong-pelancong daripada China, Korea, Jepun dan Singapura. *Of course*, daripada mereka ini yang tinggal di inap-inap desa ataupun *homestays* yang didaftar oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Pada – tidak silap saya tiga minggu lepas, saya juga melancarkan satu platform yang dihasilkan oleh anak muda di mana dia mempromosikan *homestays* ataupun inap-inap desa di kampung untuk menjadikan ia sebagai satu tarikan baru kepada pelancongan Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, soalan tambahan yang terakhir. Soalan tambahan yang ketiga ini, ya silakan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya, adakah benar bahawa pelancong-pelancong dari negara China sudah kurang datang ke Malaysia? Mohon beri penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sebenarnya jumlah kedatangan pelancong negara China ke Malaysia bukan menurun tetapi meningkat. Pada tahun 2017, jumlah kedatangan pelancong negara China adalah sebanyak 2.28 juta. Akan tetapi pada tahun 2018, jumlahnya telah meningkat hingga 2.94 juta. Peningkatan sebanyak 29 peratus daripada tahun 2017. Ini menunjukkan bahawa pelancong negara China telah bertambah dan bukan mengurang.

Pada Januari hingga Jun 2019, pelancong daripada China ialah sebanyak 1.55 juta. Kalau kita darab dengan dua, ia akan melebihi tiga juta pelancong China yang datang ke sini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pelancong-pelancong daripada China adalah di antara *the biggest outbound market*, pasaran *outbound* yang terbesar. Pada tahun 2017, seramai 131 juta rakyat keluar negara mereka. Dijangka pada tahun 2020, sebanyak 160 juta orang akan keluar daripada negara China untuk melancong ke luar. Jadi, saya rasa ini adalah pasaran utama yang kita sasarkan dan *Insyah-Allah*, dengan bertambahnya pelancong daripada China dan mereka juga akan membelanjakan jumlah wang yang banyak juga di sini. Jadi kita akan membantu secara tidak langsung menjana ekonomi pendapatan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan liputan terkini sistem komunikasi selular di kawasan penempatan Orang Asli mengikut jenis sambungan 2G, 3G, dan 4G serta rancangan kementerian dan sasaran tarikh siap projek penambahbaikan sistem telekomunikasi selular ini.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat daripada Iskandar Puteri yang meminta kementerian saya menyatakan liputan terkini sistem komunikasi di kawasan penempatan Orang Asli mengikut jenis sambungan dan rancangan-rancangan kementerian dan sasaran tarikh siap penambahbaikan sistem telekomunikasi selular ini.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara ataupun dalam bahasa yang singkat NFCP. Kementerian Komunikasi melalui SKMM ataupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah dan akan terus melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan liputan komunikasi di kawasan luar bandar termasuklah kawasan perkampungan Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, daripada 853 perkampungan Orang Asli di seluruh negara, sebanyak 82 peratus ataupun dalam jumlah 702 buah kampung telah pun mendapati liputan 3G. Manakala, sebanyak 42 peratus ataupun dalam angka 365 buah kampung telah pun menerima liputan 4G.

Tuan Yang di-Pertua, SKMM juga sedang merancang untuk menyediakan infrastruktur dan penambah baik liputan perkhidmatan secara menyeluruh di seluruh kawasan perkampungan Orang Asli. Adalah dijangkakan bahawa penambahbaikan

perkhidmatan jalur lebar di kawasan-kawasan tersebut akan siap dilaksanakan secara berperingkat menjelang tahun 2023.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, pihak SKMM sedang merancang Rancangan NFCP 4 yang akan melibatkan penyediaan dan penambahbaikan liputan selular dan juga jalur lebar yang dianggarkan di sebanyak 151 kawasan penempatan Orang Asli di seluruh negara. Pelaksanaannya dijangka bermula tahun depan. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]: Apakah mekanisme dan kekerapan pemantauan untuk memastikan mutu perkhidmatan kepada kawasan penempatan Orang Asli tidak diabaikan, sentiasa bermutu dan boleh diharap? Adakah pegawai SKMM membuat audit secara berkala *on site* dan berapakah dan juga ada senarai *mobile base station* yang dibina melalui PPS atau USP yang penggunaan perkhidmatan data sudah melebihi berhasil 80 peratus dan mungkin jawapan untuk soalan kemudian boleh buat bertulis.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Iskandar Puteri. Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya apabila melihat kepada perkembangan infrastruktur, memang kita memberikan fokus kepada kawasan-kawasan Orang Asli juga orang asal. Ini adalah satu perkara yang telah pun kita menitik beratkan dan dalam belanjawan yang lalu, kita lihat bagaimana ada peruntukan khusus yang telah pun diketepikan sebanyak RM250 juta yang difokuskan kepada apa yang disebut sebagai sistem teknologi satelit.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang kita lihat untuk kita membolehkan adanya infrastruktur dikembangkan ke kawasan-kawasan luar bandar dan terpencil yang memang melibatkan kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli. Jadi, kita boleh lihat bagaimana kerajaan memang memberikan fokus kepada tempat-tempat dan kawasan-kawasan ini. Dalam rancangan kita, hendak melihat kepada bagaimana kita boleh dalam masa yang terdekat memastikan bahawa ada *connectivity* yang dibawa kepada kawasan-kawasan ini. Berkenaan dengan audit dan sebagainya, saya akan berikan melalui jawapan bertulis. Akan tetapi memang ada kita ada rancangan di mana kita lihat apakah sebenarnya kedudukan di semua perkampungan kawasan Orang Asli.

Berkenaan dengan jumlah-jumlah menara yang telah pun dibina khususnya dengan USP. Maklumat yang ada dengan saya sekarang Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat daripada Iskandar Puteri, sejumlah 92 menara-menara yang telah pun siap di beberapa negeri termasuk Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Perak, Johor, Pahang dan Kelantan. Dalam proses pelaksanaan, kita ada sebanyak enam menara

yang sedang dilaksanakan. Di dalam rancangan buat tahap sekarang Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita mengadakan perbincangan dengan semua Ahli Parlimen Dewan Rakyat ini yang akan saya uruskan tidak berapa lama lagi.

Jumlah menara komunikasi USP dalam perancangan adalah sebanyak sembilan menara. Jadi dalam keadaan tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kerajaan memang tidak meminggirkan mana-mana pihak. Kita melihat kepada bagaimana kita boleh kembangkan infrastruktur secara holistik di seluruh negara yang ini termasuk kepada setiap rakyat Malaysia sejauh mana yang kita boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, saya jarang puji. Tahniah dan syabas kepada Menteri yang agak profesional menjawab soalan. Soalan saya, melihat keluasan Malaysia 334 ribu kilometer persegi, berapakah liputan 4G dari segi peratusannya di Malaysia dan dengan adanya NFCP ini, nampaknya ekosistem 5G juga patut kita bina kerana kelajuannya 100 kali ganda.

Soalan saya, kenapa sedikit sangat RM50 juta hanya diberikan untuk belanjawan akan datang kerana ini sangat penting untuk pembangunan negara kita. Jadi, saya sokong Yang Berhormat kalau hendak peruntukan banyak, di sini kita boleh sokong kerana ini adalah satu agenda pembangunan nasional. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Ayer Hitam. Saya ada angka-angka berkenaan dengan *connectivity* dari segi 4G dan juga 3G untuk setiap negeri dengan saya. Saya boleh bekalkan, saya boleh tulis kalau tidak saya kena baca untuk semua kalau itu akan mengambil sedikit masa. *I have got it here with me.* Kita kena lihat kepada dua perkara Yang Berhormat, satu kalau kita lihat kepada jarak dari segi geografi. Itu kita boleh lihat dari sudut itu tetapi kerap kali kita lihat dari jarak kepadatan. *That means if you have geographical area,* tetapi kita kena lihat bagaimana kita boleh menghubungkan rakyat ataupun penduduk kawasan-kawasan tertentu.

Ini kerana kerap kali kita lihat ada kawasan yang luas, tetapi tidak ada mana-mana penduduk. Jadi, bila kita sebut berkenaan dengan *connectivity* dan berapa banyak kita telah berjaya dalam segi *connectivity* itu, kita lihat kebanyakan kekerapan kalinya daripada segi kepadatan penduduk. Kita hendak melihat bagaimana kita boleh pastikan *at least 90 percent* daripada penduduk-penduduk kawasan tersebut itu dapat hubungan *connectivity*. Akan tetapi, sebenarnya sekiranya ia 4G, 3G ataupun 5G akan datang, saya akan beri maklumat kepada Yang Berhormat selepas daripada ini.

Yang Berhormat, saya cukup setuju dengan Yang Berhormat. 5G ini adalah sangat penting dan saya telah pun memberi penekanan perkara-perkara ini dalam 18 bulan yang saya menjadi Menteri dan kita telah pun buat banyak rancangan supaya kita boleh menjayakan 5G ini khususnya di Malaysia supaya Malaysia boleh dilihat sebagai satu negara contoh di seluruh rantau ini. Untuk keadaan tersebut, memang kalau boleh kita dapat lebih peruntukan itu lebih baik.

Akan tetapi, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa apabila kita laksanakan projek-projek 5G ini, kita ada banyak bantuan daripada *the private sector*. Mereka ini khususnya *telco* dan sebagainya. Mereka kerjasama dengan kita, so mereka ini sedia untuk membiayai banyak daripada projek-projek rintis yang kita laksanakan. Jadi, ia adalah satu kerjasama di antara kerajaan dan *private sector* dan juga semua pihak-pihak yang terlibat.

So, memang kalau kita lihat dari segi dana yang kita terima untuk menjayakan projek-projek rintis ini, ia sebenarnya adalah hasil daripada kerjasama di antara semua pihak di mana kerajaan juga membuat setakat mana boleh, kita buat sumbangan kita. Jadi, kita kena lihat daripada sudut itu. Bukan setakat hanya jumlah itu yang kita akan gunakan untuk seluruh projek ini. Akan tetapi, yang angka itu saya minta maaf Yang Berhormat. Saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat selepas daripada ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan daripada 9 projek PPR yang telah diumumkan untuk diteruskan oleh Kerajaan PH berapa projek yang telah mula dibina.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 September 2019 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meluluskan sebanyak 15 projek Program Peruntukan Perumahan Rakyat (PPR) yang baru bagi tahun 2019. Namun begitu, projek-projek ini belum melalui proses perolehan untuk pelantikan kontraktor. Proses perolehan tersebut masih tertangguh kerana sebahagian besar tapak cadangan PPR tersebut adalah milik persendirian yang mana tidak membolehkan tender terbuka dilaksanakan.

Hal ini adalah selaras dengan arahan Kementerian Kewangan (MOF) bertarikh 29 Jun 2018 supaya setiap perolehan kerja bagi projek kerajaan hendaklah

dilaksanakan secara tender terbuka. Tender terbuka ini adalah untuk memastikan jimat kos dan juga ketelusan dalam pelaksanaan dan lebih banyak unit-unit PPR dapat dibina. Walau bagaimanapun, KPKT komited untuk meneruskan projek-projek PPR tersebut selaras dengan dasar Perumahan Mampu Milik Negara di mana keluasan baru PPR adalah 900 kaki persegi berbanding dengan terdahulu lebih kurang 700 kaki persegi untuk memberi lebih keselesaan dan juga kualiti hidup bagi penghuni.

■1130

Kementerian juga akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi mendapatkan cadangan tapak kerajaan negeri yang sesuai di dalam meneruskan projek PPR yang telah diluluskan. Adalah diharapkan juga kerajaan negeri bukan sahaja memudahkan dan mempercepatkan proses tetapi pihak berkuasa lain seperti TNB, bahagian air dan juga Telekom dapat menurunkan kos pelaksanaan supaya kos rumah mampu milik atau PPR ini boleh dijayakan dengan lebih ekonomik. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Sudah 18 bulan. Tadi Yang Berhormat Menteri Komunikasi kata 18 bulan beliau berusaha untuk buat 5G. Akan tetapi KPKT, sudah 15 bulan satu rumah pun tak boleh mula, sedangkan kelulusan telah pun dapat. Jadi sebab itu walaupun katanya arahnya ini *direct negotiation*, tapi daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan saya dengar dalam Dewan ini, ada projek-projek tertentu yang dibenarkan untuk *direct negotiation*. Tak perlu tender terbuka.

Jadi, bagaimana kementerian hendak tolong rakyat ini. Kelulusan sudah ada, tapi rumah tak boleh hendak buat. Yang kedua, saya memang setuju rumah ini dibesarkan 900 kaki persegi. Akan tetapi boleh bertahu berapakah harganya yang akan dijual kepada rakyat dan adakah sistem Rent-To-Own akan diteruskan apabila klausa rumah PPR ini ditambah nanti. Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Ya di antara sebabnya 18 bulan projek ini belum dapat dilaksanakan atau diteruskan adalah kerana kita perlu memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan bahawasanya *direct negotiation* tidak boleh dilaksanakan dan juga tender terbuka mesti dilaksanakan untuk tanah-tanah yang bukan dimiliki oleh persendirian. Ini adalah di dalam peraturan yang baharu yang telah ditetapkan.

Sebagaimana yang telah diumumkan juga dalam laporan Belanjawan 2020, skim sistem Rent-To-Own ini dilaksanakan melalui kerjasama institusi kewangan. Pembiayaannya sebanyak RM10 bilion dana akan disediakan oleh institusi kewangan

dengan sokongan jaminan sebanyak 30 peratus atau RM3 bilion daripada kerajaan. Skim ini juga adalah inisiatif kerajaan untuk menyediakan peluang peningkatan melalui penyewaan. Tempoh saranan di dalam lima tahun dan bermula pada tahun kedua dan diberi pilihan untuk membeli unit rumah berkenaan pada harga belian rumah yang sama mengikut perjanjian dan lingkungannya adalah lebih kurang RM300,000. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang 15 projek tahun 2019. Adakah untuk Bajet 2020 tahun depan nasib yang sama akan ditimpa oleh projek-projek ini dalam erti kata tak dapat dilaksanakan oleh sebab masalah tanah dan masalah peraturan dan prosedur kewangan.

Keduanya, apakah kerajaan ingin melihat semula kepada model PPR. Kalau dahulu ada rumah yang dijual pada harga RM40,000 kira-kira satu unit. Kosnya mungkin RM150,000 sehingga RM200,000. Adakah kerajaan akan mengkaji semula model ini? Kalau sudah dikaji semula, apakah model terkini berkaitan dengan penjualan rumah-rumah PPR ini kepada masyarakat. Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih atas soalan tersebut. Dari segi pelaksanaan, saya rasa *insya-Allah* untuk tahun 2020, pelaksanaannya tidak akan ditangguh begitu lama kerana dengan kefahaman bahawasanya sekarang ini projek PPR di bawah peruntukan ini disediakan di bawah tanah kerajaan tidak akan melambatkan pelaksanaannya. Saya rasa dengan *clarification* bahawasanya semua tender terbuka akan dilaksanakan, tidak lagi ada keperluan untuk mendapatkan persetujuan atau apa-apa permintaan istimewa untuk kelulusan bagi kelulusan tersebut.

Bagi kos untuk menurunkan kos rumah PPR ini, saya difahamkan bahawasanya kerajaan negeri diminta untuk memberi lebih banyak kerjasama bukan hanya untuk memberi tanah dengan harga yang lebih murah, tetapi juga untuk meminta semua agensi berkaitan seperti yang disebutkan lebih awal tadi; Telekom, syarikat air dan juga TNB untuk memberi penilaian untuk merendahkan lagi kos infrastruktur di mana ini membebaskan kos subsidi untuk kerajaan.

Jadi kalau kita dapat merendahkan kos per unit, *insya-Allah* kita akan dapat menambahkan lagi bilangan bangunan-bangunan PPR yang dapat disediakan untuk rakyat. Itulah yang kita ingin *target*-kan supaya kita dapat *value for money* dan juga bukan hanya kualiti, tetapi kuantiti bangunan yang disediakan dapat ditambahkan untuk dibagikan kepada rakyat yang betul-betul layak dan memerlukannya. Terima kasih.

7. Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah peranan Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. dalam pembinaan Lebuhraya Utara dan berapa banyak jumlah yang sudah dibayar oleh kerajaan kepada syarikat ini setakat ini dan berapa banyak lagi baki yang perlu dibayar sehingga projek ini selesai.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Sarikei yang berkaitan dengan Lebuhraya Pan Borneo. Beliau bertanya tentang peranan Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd. Saya sukacita menjawab, untuk pengetahuan yang saya percaya Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd telah dilantik sebagai rakan pelaksanaan projek, *Project Delivery Partner* (PDP) dengan izin, untuk melaksanakan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak berdasarkan *key performance indicator* iaitu tempoh masa, kos dan kualiti yang ditetapkan.

Sejak dari awal, sejak perjanjian dibuat, syarikat ini telah diberikan mandat untuk melaksanakan kontrak yang tersebut di negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua selaras dengan usaha kerajaan untuk mengoptimumkan kos projek-projek yang memberi implikasi yang tinggi kepada negara, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menamatkan rakan pelaksana projek, *Project Delivery Partner* (PDP) ini, dan kita telah menyerahkan surat penamatan pada PDP baru-baru ini pada September, dalam bulan September. Berikutan itu, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak yang akan mengguna pakai kepakaran teknikal sedia ada secara konvensional.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jumlah pembayaran yang ditanya oleh Yang Berhormat yang telah dibayar oleh kerajaan kepada syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd adalah sebanyak RM3.9 bilion yang disalurkan bagi tujuan pembayaran tuntutan kemajuan kerja oleh kontraktor, pakej kerja ataupun *Work Package Contractor* (WPC) dalam urusan-urusan pembinaan.

■1140

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya sukacita memaklumkan bahawa kerajaan menjangkakan penjimatan kepada kos pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak berjumlah sebanyak RM1.2 bilion apabila Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan Sarawak mengambil alih pelaksanaan projek sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Bagi kerja-kerja yang sedang dilaksanakan sekarang dan jika kerja ini perlu melalui proses pembidaan semula, adakah ia lebih murah berbanding melalui proses perundingan? Soalan saya adakah kerja bagi Fasa ke-2 atau Fasa ke-3 untuk Lebuhraya Pan Borneo akan melalui proses pembidaan semula atau kontraktor yang sedia ada ini yang terdahulu dilantik akan meneruskan kerja-kerja yang belum selesai? Minta penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian Kerja Raya, JKR khususnya, Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan Sarawak mengambil alih pelaksanaan projek ini sepenuhnya bererti ia akan berjalan dalam bentuk yang tidak sama, *exactly* seperti mana yang sebelumnya.

Kita akan memberikan perhatian kepada perjalanan projek ini yang akan menjadi *cost saving* dan akan memastikan bahawa tiada siapa pun yang tidak mendapat keadilan dan memastikan bahawa dia tidak akan jadi lambat lagi. Ini semua bergantung kepada kepakaran yang memang ada kepada Jabatan Kerja Raya, sebuah jabatan yang paling lama, paling senior, paling berupaya, yang paling punya pengalaman yang luas dan yang lama, ratusan tahun sebagai *one of the oldest department in this country*, dengan izin. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya, semua hal yang disebut tadi akan diambil kira dan saya percaya kita akan melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Soalan tambahan Tanjong Manis, Pan Borneo.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuaran bangun lebih awal. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa ini? Yang Berhormat Menteri telah menjawab soalan.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kamu belum jawab saya punya soalan. Itu Fasa ke-2 atau Fasa ke-3 akan ditenderkan kah?

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]: Siapa yang mahu tanya ini? Tuaran kah?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan sudah dijawab. Yang Berhormat Tuaran silakan.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih. Pertanyaan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa banyak sudah kerja-kerja yang telah berhenti pada ketika ini tidak berjalan dan memang ...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dengar Yang Berhormat, mikrofon. Kuat sikit.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa banyak kerja-kerja Pan Borneo ini di Sabah ini sudah berhenti, tidak berjalan dan sudah sekian lama. Adakah Yang Berhormat sedar? Bilakah Kerajaan Persekutuan akan menyerahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk mengendalikan Projek Pan Borneo ini? Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Ya, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuaran, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan saya sedar bahawa memang berlaku kelewatan dan semacam tidak – ketinggalan lah sebenarnya. Akan tetapi hal ini masih kita lakukan rundingan berterusan dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah untuk memuktamadkan pengambilalihan seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa Kementerian Kerja Raya dan JKR dan JKR Sabah akan mengambil alih sepenuhnya.

Akan tetapi masih ada sedikit lagi kita perlu berbincang dan kian kita harap perbincangan ini dan perundingan ini akan dimuktamadkan segera untuk mengelakkan kerugian kita kepada negara kerana program yang sepatutnya sudah lama terlaksana ini tidak lagi tertangguh. *Insyah-Allah* kita akan – dengan penuh kesabaran yang ada, kita yakin Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah memang dapat bekerjasama dalam hal ini.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua dari Sarawak, Pan Borneo juga. Penting, penting.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat Tanjong Manis, ringkas dengan kelajuan 5G. Silakan. [*Ketawa*]

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih, terima kasih, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyambung soalan daripada jiran saya daripada Parlimen Sarikei. Sebenarnya Sarikei dengan Tanjong Manis ini adalah berjiran sebenarnya, tetapi duduk jauh-jauh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Okey. Untuk makluman apabila ditamatkan perkhidmatan ataupun PDP projek ini, lebih daripada 500 orang pekerja yang akan kehilangan pekerjaan pada 20 Februari tahun 2020, cantik tarikh tersebut. Kebanyakannya pekerja dari Sarawak tetapi ada juga pekerja daripada Semenanjung.

Jadi, soalan saya, adakah langkah-langkah ataupun cadangan untuk mengambil balik pekerja-pekerja yang kehilangan kerja ini mungkin kepada dalam entiti baharu ataupun sebagai pekerja kontrak kepada JKR yang akan mengawasi projek ini selepas itu. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, saya yakin bahawa perkara ini tidak akan kami lepas pandang. Saya yakin nasib pekerja, saya sendiri pada zaman dulu memperjuangkan nasib pekerja. Oleh sebab itu, *information* yang selanjutnya daripada Yang Berhormat kita perlukan. Nasib 500 orang ini secara terperinci akan kita pertimbangkan, kita kan berbincang dengan semua pihak termasuk Kementerian Sumber Manusia dan semua pihak yang bertanggungjawab supaya janganlah mereka ini terbiar dan dibuang begitu sahaja. Habis madu, sepah dibuang. Jadi, *insya-Allah* kita akan berikan perhatian.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya Yang Berhormat Baling tidak dapat hadir pagi ini. Jadi, seterusnya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling dia pergi mahkamah dan dia mewakili saya soalan nombor lapan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Tidak boleh, tidak boleh Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara benarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dewan-dewan Undangan Negeri benarkan. Dalam Malaysia ini hanya Dewan Rakyat sahaja yang tidak benarkan wakil. Dia bukan sengaja-sengaja pergi tetapi dia urusan yang mesti diutamakan, antara mahkamah dan Parlimen. Jadi, saya sampaikan soalan nombor lapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Baling akan dapat jawapan bertulis ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, tolong dalam pembaharuan Parlimen itu tolong fikirkan benda ini. Tuan Yang di-Pertua tidak boleh? Jangan biarkan benda lama itu tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kita fikirkan. Akan tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat yang ada sekarang, kita tidak benarkan. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu.

[Soalan No. 8 – YB. Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim tidak hadir]

9. Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kelebihan skim "Rent-to-Own" (RTO), program Sewa Milik kediaman selama 10 tahun bagi pemohon yang berjaya dalam pengundian untuk Kediaman PR1MA tetapi gagal mendapatkan kelulusan pinjaman daripada bank panel PR1MA.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Kinabalu pun kadangkala tidak nampak ya, *blind spot*. Ya, silakan. Gelap sikit. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya *rent-to-own* adalah di bawah PPR sahaja sekarang. *Rent-to-own*, skim lama PR1MA tidak lagi dilaksanakan sejak PR1MA dipindah milik kepada KPKT daripada *Ministry of Finance* ya.

■1150

Untuk makluman Yang Berhormat juga, skim *rent-to-own* adalah skim yang ditawarkan kepada bakal pembeli B40 yang tidak layak mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Walau bagaimanapun, skim *rent-to-own* ini hanya ditawarkan kepada pembeli rumah Program Perumahan Rakyat atau PPR.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi membantu golongan B40 dan M40 untuk memiliki rumah PR1MA, suatu skim pembiayaan perumahan khas sedang dirangka iaitu *shared ownership*.

Melalui skim ini, pembeli dapat membeli rumah dengan pembiayaan serendah 60 peratus sahaja dari harga rumah dan penyelesaian bakinya 40 peratus boleh dibuat pada masa hadapan. Contohnya pada tahun ke-20 dan sebagainya. Apabila pendapatan serta kemampuan pembeli semakin bertambah baik. PR1MA juga sedang bekerjasama dengan beberapa institusi kewangan bagi menjayakan skim ini dan dijangka akan dilancarkan pada tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Menteri, sila jelaskan, apakah perbezaan di antara Projek Perumahan Rakyat bersama dengan skim *rent-to-own* untuk PR1MA. Ini kerana sefaham saya, untuk Projek Perumahan Rakyat yang sepanjang kita ada ini adalah sewa sepanjang hayat. Adakah ia akan ditukarkan kepada sewa-milik?

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya. Sewa sepanjang hayat ini adalah berbeza daripada yang dimaksudkan tadi *rent-to-own*. *Rent-to-own* ini ada skim yang diberi tempoh 10 tahun di mana ada opsiyen untuk

membelinya selepas lima tahun. Ada juga skim di mana selepas setahun diberi opsi untuk membeli seperti mengikut kemampuan yang didapati pada pembeli yang telah memiliki unit tersebut.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah memperkenalkan kaedah sewa untuk milik atau *rent-to-own* khusus bagi pemohon Program Perumahan Rakyat yang tidak layak mendapatkan pinjaman dengan institusi kewangan. Di bawah sewa untuk beli atau *rent-to-own* adalah seperti berikut, kaedah sewanya:

- (i) tempoh *rent-to-own* yang ditetapkan selama 20 tahun atau 240 bulan;
- (ii) kadar sewaan bulanan adalah sebanyak RM205 iaitu untuk 20 tahun dan tidak termasuk yuran penyelenggaraan bagi rumah PPR berbilang tingkat;
- (iii) caj perkhidmatan yang dikenakan adalah dua peratus setahun daripada harga jualan rumah;
- (iv) permohonan atau pemohon perlu membayar sewa bulanan kepada ejen pengurusan atau agensi yang bertanggungjawab yang dilantik oleh kerajaan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (v) pemohon yang layak akan diberi tempoh sewaan percubaan atau interim selama dua tahun atau 24 bulan untuk menilai tahap keupayaan pembayaran pemohon iaitu *the regularity* atau bagaimana regularnya atau tepat bayaran telah dibuat atau prestasi pembayaran; dan
- (vi) pembiayaan melalui *rent-to-own* ditawarkan pada tahun ketiga setelah kerajaan berpuas hati pemohon telah mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan dan tidak mempunyai tunggakan sewa.

Jadi seperti yang telah disebutkan tadi, beberapa skim ada sedikit perbezaan. Ada selepas dua tahun, ada yang lebih. Terpulang kepada skim yang ditetapkan dan juga dari segi keupayaan pembeli dan juga prestasinya. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Berapakah jumlah pemaju yang terlibat dengan *rent-to-own* ini, dan berapakah jumlah pembeli setakat ini? Seterusnya, apakah perbezaan *rent-to-own* dahulu ketika era Barisan Nasional dan apa perbezaan *rent-to-own* dalam Bajet 2020.

Seterusnya satu lagi yang *last*, akhir. Mengapa RM500 ribu? Bukankah unit itu harganya terlalu mahal untuk B40 untuk mendapatkan skim *rent-to-own* ini. Bukankah lebih elok jika unit-unit itu dikurangkan harganya mengikut kemampuan mereka.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya terima kasih atas soalan tersebut. Tentang soalan jumlah pemaju untuk *rent-to-own* dan juga projek, itu adalah satu soalan yang terlalu spesifik dan saya akan menjawab melalui jawapan yang bertulis.

Tentang harga kos RM500 ribu itu *rent-to-own*, saya rasa ini adalah untuk membolehkan mereka yang tidak layak atau tidak mampu untuk mendapat pinjaman daripada institusi kewangan untuk memanjangkan tempoh mereka meningkatkan lagi keupayaan atau *capability income* mereka ditingkatkan dengan waktu yang lebih selesa.

Jadi saya rasa mereka yang perlu waktu untuk menikmati atau membeli unit RM500 ribu ini boleh, dengan izin, *have a breathing space* untuk mendapat *promotion* atau juga peningkatan pendapatan mereka ketika tempoh dalam *rent-to-own* ini. Oleh kerana itulah ada perbezaan dari segi tempoh opsiyen untuk membeli di setiap skim *rent-to-own* yang berbeza-beza.

Juga untuk *rent-to-own*, baru bagi tahun 2020, tempohnya adalah disarankan dalam tempoh sewaan lima bulan. Bayaran sewa lebih rendah iaitu 20 peratus daripada bulanan pembiayaan biasanya. Pada tahun kedua pula, penyewa boleh memilih untuk memiliki rumah atau tidak atau meneruskan skim sewaan sahaja. Harga jualan rumah ditetapkan pada harga jualan asal dalam penyewaan iaitu kita akan *lock* atau tetapkan harga tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih. Merujuk kepada program *rent-to-own* yang dilaksanakan, berapakah jumlah kontrak penyewaan yang telah dibatalkan serta apakah syarat yang telah dilanggar sehingga kontrak itu dibatalkan. Mohon pecahan mengikut tahun.

Keduanya, berapakah jumlah pemaju yang terlibat dalam program *rent-to-own*. Adakah pihak kementerian melihat pemaju yang sedia ada cukup untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat sekarang. Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya terima kasih atas soalan tersebut. Tentang pemilihan pemaju yang layak untuk melaksanakan projek *rent-to-own*, sudah tentu prestasi atau keupayaan kewangan mereka untuk *sustain* projek *rent-to-own* ini akan menjadi satu kriteria yang utama kerana dari segi *cash flow* sudah tentu *rent-to-own* ini tidak akan menjana pendapatan yang segera seperti penjualan unit-unit seperti biasa.

Itulah sebabnya bukan hanya daripada segi *technical feasibility* atau *technical capability*, dengan izin, tetapi juga dari segi kekuatan kewangan kontraktor yang mampu

melaksanakan *rent-to-own* ini akan dibuat penilaian untuk dianugerahkan kontrak-kontrak tersebut.

Dari segi jumlah *rent-to-own* yang telah dibatalkan, saya perlu memberi jawapan tersebut dalam bentuk bertulis kerana tidak ada maklumat terperinci pada waktu ini. Setakat ini daripada segi pembatalan atau kontrak yang dibatalkan di bawah *rent-to-own*, kita tidak ada lagi apa-apa maklumat- atas apa-apa pembatalan yang telah dilakukan. Ini adalah mengikut kepada rekod yang terkini. Dan juga tidak ada pemaju yang terlibat dalam mana-mana projek *rent-to-own* yang telah mengalami masalah *cash flow* kerana kita telah memilih kontraktor di atas prestasi kewangan dan juga teknikal mereka. Sekian, terima kasih.

10. Tuan Anyi Ngau [Baram] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, status pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sistem grid di kawasan Sebu, Peking, Long Teran, Long Jegan dan kawasan Lapok Tinjar dan status projek BALB Di kawasan Lubok Nibong Marudi dan Long Laput Baram.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Baram yang bertanya tentang status pelaksanaan beberapa projek. Satu Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan dua Projek Bekalan Air Luar Bandar.

■ **1200**

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di kawasan Sebu, Peking dan kawasan Labuk, Tinjar dilaksanakan melalui projek BELB sambungan talian grid Zon 1 iaitu Limbang, Miri dan Bintulu di negeri Sarawak tahun 2015 ke 2016. Projek ini adalah reka dan bina yang mula dilaksanakan pada 16 September 2015 dan tarikh siap asal pada 15 September 2017, dengan kos berjumlah RM81.3 juta.

Projek ini telah diberi dua kali lanjutan masa dengan tarikh siap baru pada 15 September 2018. Skop kemajuan fizikal pelaksanaan projek ini yang melibatkan skop membekal dan memasang talian grid 33kv, 11kv dan 0.415kv adalah 18 peratus berbanding jadual 100 peratus. Untuk makluman Yang Berhormat juga, berlaku kelewatan dalam penyiapan projek ini disebabkan oleh masalah kewangan serius yang dihadapi kontraktor sehingga tiada sebarang kemajuan fizikal di tapak projek dan kontraktor ini sedang dikenakan denda bagi kelewatan penyiapan projek.

Pelbagai usaha dan perbincangan telah dilakukan oleh kementerian yang turut melibatkan Kerajaan Negeri Sarawak. Hasil perbincangan ini, Kerajaan Negeri Sarawak sekarang bersetuju untuk membantu kementerian dalam mengambil alih dan

menyiapkan baki projek yang mana kemajuan kerja adalah kurang daripada 80 peratus menggunakan peruntukan kerajaan negeri. Pengambilalihan alih projek oleh Kerajaan Negeri Sarawak dijangka selesai pada bulan November 2019 iaitu dalam bulan depan dan projek dijangka disiapkan pada bulan Jun 2020.

Berkaitan dengan BELB yang kedua itu, untuk makluman Projek Bekalan Elektrik Secara Talian Grid Long Teran dan Long Jegan, merupakan projek di bawah Kerajaan Negeri Sarawak menerusi Skim Pembekalan Elektrik Luar Bandar (RES). Projek ini dalam proses kajian fizikal dan dijangka dimulakan pada akhir tahun 2019. Kedua-dua projek ini dijangka siap pada suku tahun 2020. Untuk makluman Yang Berhormat bagi kawasan di Lubuk Nibong, Marudi terdapat projek bekalan air luar bandar di kawasan Marudi bahagian Miri, Sarawak.

Skop projek adalah pemasangan paip pelbagai saiz dan kos ialah RM38.4 juta. Kontraktor projek telah dilantik pada 15 Mac 2019 dengan kemajuan fizikal projek lebih kurang 14 peratus berbanding dengan 14 peratus mengikut jadual. Akhirnya berkaitan dengan projek BELB di kawasan Long Laput bahagian Miri, Sarawak. Kos projek ini adalah RM12.2 juta dan status projek ini adalah sedia untuk ditender. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat semasa peringkat akhir reka bentuk perunding yang dilantik memaklumkan *regional corridor development authority* atau dengan izin RECODA Sarawak telah membuat keputusan untuk menaik taraf jalan di sepanjang jajaran paip tersebut dan beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama dengan pihak terbabit bagi menyelesaikan isu ini dengan kadar segera, sebab kita tidak boleh jalankan projek BELB ini kalau jalan itu dinaik taraf pada masa yang sama. Sekian, terima kasih.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang saya rasa cukup lengkap. Saya percaya bahawa dahulu apabila BELB ini dilaksanakan, kerajaan pada masa itu ialah kerajaan terdahulu dan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa ada sesetengah ataupun beberapa projek BELB ini telah pun diambil alih oleh kerajaan negeri.

Jadi, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, sama ada berapa peruntukan untuk BELB ini dulu yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga berapa baki yang akan dibelanjakan oleh kerajaan negeri, itu berkenaan dengan BELB itu. Kedua, berkenaan dengan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ini, saya percaya bahawa kita sudah mungkin hampir tiap tahun sesi disebutkan berkenaan dengan Lubuk Nyibong ini.

Masa musim kemarau yang lepas yang berlarutan sehingga hampir dua bulan, masalah air di kawasan ini yang melibatkan saya rasa ada dalam lingkungan 20 ataupun 30 buah rumah panjang. Mereka ini telah pun dijanjikan projek ini dalam kerajaan yang terdahulu dan saya mintalah supaya projek ini dipercepatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ini untuk kebaikan rakyat dan ini untuk kesejahteraan, ini menunjukkan bahawa kita kerajaan mesrakan rakyat, itu soalan saya.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Baram atas soalan dan pandangan itu. Berkaitan dengan projek yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri Sarawak selepas perundingan yang maksud saya tadi dalam jawapan ialah hanya berkaitan dengan projek yang melibatkan BELB di kawasan Sebu, Peking sahaja sebab Long Teran dan Long Jeran itu memang sudah adalah projek kerajaan negeri.

Jadi sekarang sebab kelewatan itu kita berpendapat bersama dengan kerajaan negeri bahawa adalah lebih sesuai kerajaan negeri ambil alih dan siapkan itu. Saya tidak maksudkan projek lain dalam jawapan saya. Berkaitan dengan berapa yang telah dibelanjakan itu saya akan bagi secara bertulis sebab angka itu tidak ada dengan saya pada masa sekarang.

Berkaitan dengan projek Lubuk Nibong yang ditanyakan tadi, seperti yang saya sebut tadi projek itu sudah berjalan, kontraktor sudah dilantik, kemajuan fizikal sekarang 14 peratus ikut jadual dan ia akan disiapkan nampaknya mengikut jadual. Sekian terima kasih.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Menteri katakan projek ini diambil oleh kerajaan negeri. Soalan saya di sini adalah peruntukan daripada *Federal Government* apabila projek ini diambil alih oleh kerajaan negeri, adakah peruntukan itu daripada *Federal Government* ataupun *state fund*, sekian.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih daripada Yang Berhormat Kanowit atas soalan itu yang saya sebut dalam jawapan saya tadi, Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju untuk membantu kementerian dalam mengambil alih dan menyiapkan baki projek itu. Jadi, fahaman saya ialah Kerajaan Negeri Sarawak akan tanggung kos ini bukan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita boleh ambil satu lagi soalan sebab Yang Berhormat Menteri masih dalam Dewan. Untuk soalan 11 Yang Berhormat Permatang Pauh tidak dapat hadir. Jadi saya menjemput Tuan Mohd Shahr bin Abdullah.

[Soalan No. 11 – Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh) tidak hadir]

12. Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) perkembangan terkini syarikat-syarikat yang telah diberikan lesen CASP oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; dan
- (b) galakan kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat ini mendapatkan hak penyiaran dari luar negara seperti saluran HBO supaya rakyat memiliki lebih banyak pilihan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Paya Besar. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod terkini Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) terdapat sebanyak 54 buah syarikat Tuan Yang di-Pertua yang telah dianugerahkan lesen CASP untuk menjalankan perkhidmatan aplikasi kandungan seperti penyiaran TV secara digital, protokol internet mahupun satelit ataupun radio *terrestrial*.

Di antara tahun 2016 sehingga tahun 2018 Tuan Yang di-Pertua, terdapat 13 syarikat yang telah memperolehi lesen CASP dengan tujuan melancarkan perkhidmatan siaran TV digital. Di antara syarikat-syarikat tersebut Tuan Yang di-Pertua, tiga syarikat telah menyerahkan kembali lesen mereka dan satu syarikat telah melancarkan perkhidmatan IPTV.

■1210

Syarikat-syarikat lain dijangka melancarkan perkhidmatan selepas siaran TV Digital dilaksanakan sepenuhnya menjelang 31 Oktober 2019. Syarikat-syarikat ini akan memainkan peranan yang penting Tuan Yang di-Pertua dalam pelaksanaan TV Digital. Mereka akan memberi lebih banyak pilihan kandungan kepada rakyat dengan menyediakan kepelbagaian kandungan dan juga menawarkan jenis-jenis aplikasi baru seperti membeli belah dalam talian, informasi semasa, pendidikan interaktif dan juga rancangan-rancangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat penyiar yang memegang lesen CASP akan memperolehi kandungan yang bersesuaian berdasarkan sasaran penonton-penonton mereka masing-masing. Turut dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa hak penyiaran untuk kandungan atau sesuatu saluran termasuk kandungan daripada luar negara adalah berdasarkan rundingan secara komersial. Setiap syarikat penyiar

yang ingin memperoleh kandungan tersebut perlulah berurusan dengan pembekal kandungan secara langsung, tertakluk kepada terma-terma dan juga syarat-syarat yang dikenakan oleh pembekal kandungan.

Tuan Yang di-Pertua, sesetengah pembekal kandungan akan menyesuaikan kandungan mengikut keperluan syarikat-syarikat penyiar, manakala pembekal-pembekal kandungan yang lain pula hanya menawarkan kandungan secara eksklusif untuk tempoh masa yang tertentu. Isu-isu komersial seperti itu dikendalikan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat penyiar tanpa adanya campur tangan daripada kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana hadir sendiri untuk menunggu dan menjawab soalan ini. Saya ingat CASP ini amat penting sekali dalam kita *liberalize digital TV*. Cumanya persoalan saya Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, syarikat tempatan yang disebutkan tadi sebanyak 54 buah syarikat – Oleh sebab soalan ini soalan yang pernah saya tanya pada tahun 2018, ketika itu Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Apabila berlaku peningkatan 54 buah, syarikat ini adalah syarikat tempatan yang telah berusaha keras bergelut Yang Berhormat Menteri melabur kos yang tinggi. Akan tetapi, apabila mereka melepasi rintangan keyakinan pembekal kandungan televisyen khususnya di luar negara, ada usaha-usaha pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan penjualan *decoder* secara haram dan penjualan piring satelit secara haram. Apakah tindakan pihak kementerian dalam menangani dan membanteras isu ini, supaya keadilan harus diberikan kepada syarikat tempatan yang telah berusaha bersungguh-sungguh, itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, apabila RTM hendak bertukar daripada TV analog ke TV digital, kenapa bebankan rakyat terpaksa membayar sebanyak RM180 untuk tujuan tersebut. Ini kerana rakyat agak tinggi kos sara hidup dan kenapa ini tidak diselesaikan diberikan secara percuma kepada rakyat di bawah B40, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Soalan yang pertama berkenaan bagaimana kita hendak ambil tindakan terhadap *decoder-decoder* dan juga *satelite-satelite* yang sepatutnya tidak dipasarkan. Di dalam keadaan tersebut, memang kita lihat bagaimana SKMM ada sistem-sistem dan pemantauan-pemantauan yang dijalankan apabila ada laporan dan sebagainya, memang tindakan akan diambil oleh SKMM dan ini adalah satu perkara yang mereka lakukan sentiasa. So, memang ada pemantauan yang dijalankan.

Berkenaan dengan *decoder* yang dikeluarkan, sebenarnya kita ada syarikat yang bertanggungjawab untuk keluaran – ini berkenaan dengan soalan kedua. Ini adalah berkenaan pengeluaran *decoder* oleh syarikat tersebut iaitu myFreeview. Mereka telah pun mengadakan perbincangan dan kebanyakan daripada *decoder* ini dikeluarkan secara percuma. Mereka ini memberikan – ada senarai nama dan sebagainya dan kita ikut siapa yang sebenarnya penerima dan sebagainya. Ini adalah satu proses yang mengambil masa, sebenarnya Yang Berhormat ini bukan senang, kerana kita lihat kepada seluruh negara.

Akan tetapi juga dapat maklumat dan ada beberapa yang menyatakan mereka terpaksa beli dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang SKMM sedang melihat dan kita akan melihat kepada perkara tersebut dalam masa yang – seperti mana yang saya sebut kerana ramai sangat seluruh negara, banyak masalah di tempat-tempat yang lain, *but we are committed to solving the problem*. Ini kerana, seperti mana yang saya sebut 31 Oktober 2019 kita akan *shut down analog* dan kita akan teruskan dengan TV digital dan daripada situ kita boleh lihat perubahan di mana kandungan yang diterima oleh seluruh rakyat itu akan naik tingkat mutu dia. Kita juga ada lebih banyak saluran-saluran dan kita boleh memfokuskan kepada sebenarnya apa yang diminati oleh penonton-penonton dan kita boleh bawa kepada mereka kandungan-kandungan tersebut. Akan tetapi ini akan memerlukan sedikit masa dan kita dalam proses merangka satu *structure* yang baru untuk menjayakan projek ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu tamatlah sesi jawab lisan untuk pagi ini. Usul. Silakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL MENTERI DI BAWAH P.M. 86(5)

PENYATA JAWATANKUASA DEWAN

12.15 pg

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 85(5), Maka Penyata Jawatankuasa Dewan yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini, sebagai kertas D.R. 6 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan”.

Tuan Yang di-Pertua, Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Parlimen Ke-14 yang telah dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai kertas D.R.6/2019 adalah susulan daripada mesyuarat Jawatankuasa Dewan Bil.2, tahun 2019 yang telah diadakan pada Khamis, 4 Julai 2019 yang mengandungi beberapa syor Jawatankuasa dikemukakan untuk diterima oleh Majlis.

Pertama, penubuhan empat Jawatankuasa Pilihan Khas yang baru. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan penubuhan sebanyak empat Jawatankuasa Pilihan Khas seperti berikut:-

- (i) Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya (*Special Select Committee on Election*);
- (ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia dan Hal Ehwal Perlembagaan (*Special Select Committee on Human Rights and Constitutional Affairs*);
- (iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa (*Special Select Committee on International Relation and Trade*); dan,
- (iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Inovasi dan Alam Sekitar, (*Special Select Committee on Science, Innovation and Environment*)

Selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia dan Hal Ehwal Perlembagaan, 'Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender' yang telah ditubuhkan terlebih dahulu akan dinamakan semula sebagai 'Jawatankuasa Pilihan Khas Kesaksamaan Gender dan Pembangunan Keluarga' iaitu dalam bahasa Inggeris '*Special Select Committee on Gender Equality and Family Development*'.

Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap eksekutif yang bertujuan untuk memudah cara, menambah baik dasar-dasar kerajaan supaya menjadi lebih cekap dan pada akhirnya memberikan pengesahan, *legitimacy* dengan izin kepada tindakan dan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya untuk mengambil keterangan, fikiran dan pandangan tentang apa-apa yang berkaitan dengan bidang tugas yang dinyatakan dalam terma rujukan

Jawatankuasa tersebut serta tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sebarang laporan atau penyata yang dikeluarkan hasil daripada siasatan ataupun *enquiry* dengan izin oleh sesuatu Jawatankuasa Pilihan Khas hendaklah dibentangkan di dalam Dewan. Penyata yang telah dibentangkan boleh dicadangkan untuk dibahas, diterima dan dipersetujui oleh Majlis melalui usul di bawah Peraturan Mesyuarat 56(5), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat .

Kedua, penubuhan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) atau *All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM)*. Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) merupakan forum atau platform mengenai suatu topik kepentingan bersama iaitu *common interest* di kalangan Ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Senator Dewan Negara serta pihak luar yang boleh terdiri daripada ahli akademik, golongan profesional, organisasi bukan kerajaan ataupun *None Government Organization (NGO)* dan sebagainya yang menjadi rakan ataupun *partners* untuk membincang, meneliti dan mengemukakan laporan cadangan-cadangan kepada parlimen atau Jawatankuasanya.

■1220

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Dewan telah bersetuju dengan garis panduan dan peraturan bagi penubuhan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) seperti kertas cadangan yang dibentangkan. Setiap KRPPM perlu berdaftar dan mendapat kelulusan pejabat Setiausaha Dewan Rakyat dengan mengemukakan borang pendaftaran (KRPPM) yang disediakan.

Sebagai perintis kepada kumpulan ini, Jawatankuasa Dewan telah bersetuju dengan penubuhan (KRPPM) mengenai matlamat pembangunan lestari APPGM *on Sustainable Development Goal* dengan izin. Sekretariat KRPPM ini akan diketuai oleh Yang Berusaha Profesor Datuk Dr. Ganesan Jaya Suria yang juga sebagai pengerusi bersama bagi The Malaysian CSO-SDG Alliance merupakan organisasi masyarakat madani, *co-society organization* yang komited untuk mengadaptasi rangka kerja SDG sejak Oktober 2015. Organisasi ini memainkan dalam mewujudkan kesedaran menyokong serta memantau dasar dan juga program-program SDG yang berkaitan.

Ketiga, mekanisme kawalan dalaman bagi gantian dan bekalan tambahan lencana kereta dan kad Ahli-ahli Parlimen seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 14 dan juga perenggan 15 Kertas Statut 235 Tahun 1983. Seorang Ahli Parlimen hanya layak dibekalkan secara percuma satu lencana kereta dan satu kad Ahli Parlimen. Sekiranya Ahli Parlimen mahu memohon untuk menambah atau mengganti atau menukar lencana kereta atau kad Ahli Parlimen, maka kos penyediaan bekalan lencana

kereta atau gantian kad Ahli Parlimen untuk kali kedua dan seterusnya perlu ditanggung oleh Ahli Parlimen.

Bagi memastikan tahap integriti dan keistimewaan penggunaan lencana kereta dan kad Ahli Parlimen ini, pentadbiran Parlimen Malaysia telah mencadangkan kepada Jawatankuasa Dewan satu mekanisme kawalan seperti yang dinyatakan dalam Kertas DR.6 Tahun 2019. Jawatankuasa Dewan telah bersetuju dengan mekanisme kawalan dalaman bagi gantian dan juga perkara tambahan lencana kereta dan kad Ahli-ahli Parlimen seperti berikut:

- (i) seorang Ahli Parlimen dibenarkan tambahan satu sahaja lencana kereta selain daripada yang dibekalkan secara percuma;
- (ii) kos yang akan dikenakan kepada Ahli Parlimen adalah sebanyak RM60 sepasang bagi lencana kereta dan RM30 seunit bagi gantian dan permohonan kad Ahli Parlimen yang baharu;
- (iii) kad Ahli Parlimen yang baharu hendaklah dwibahasa iaitu dalam Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris; dan
- (iv) sebarang kehilangan atau kecurian lencana kereta dan kad Ahli Parlimen perlu dilaporkan kepada pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada penyokong?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ialah usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk di bahas. Ada yang hendak bahas? Tidak ada.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ada?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:...itu bukan masalah. Itu perkara baik.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Jadi tidak ada perbahasan.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Perkara 1 itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[16 Oktober 2019]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Kuala Nerus belum habis semalam, tinggal...

12.25 tgh.

Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: 10 minit. Baik.

Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah [Berucap dalam bahasa Arab].* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Semalam dalam ucapan, saya menyebut dan menyeru untuk kerajaan melakukan satu reformasi terhadap sistem percukaian negara dengan tujuan untuk menambah baik serta memperkasakan lagi pendapatan negara. Apa yang saya sebut semalam ialah tentang –pertamanya, berhubung cukai korporat. Bagi saya sistem yang diadakan sekarang membuka ruang manipulasi oleh...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Kuala Nerus? Sedikit sahaja.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Baru mula [*Ketawa*].

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat setuju kah bahawa ekonomi negara pada hari ini tidak menentu, tidak ada hala tuju disebabkan sistem percukaian kita juga tidak ada hala tuju, mundur ke belakang. Boleh.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya. Apabila politik tidak stabil, asyik bergaduh tentulah ekonomi pun tidak stabil. Maka, dalam isu bersama kita perlu duduk bersama dan antaranya berhubung dengan sistem percukaian negara ini.

Maka seruan saya pada hari ini ialah untuk kita buat reformasi. Ini kerana saya menyatakan bahawa cukai korporat sebagai contoh, terbuka untuk manipulasi oleh banyak pihak dengan menjadikan perbelanjaan yang besar daripada pendapatan hingga meninggalkan untung yang kecil untuk dikenakan cukai. Saya ambil contoh sebagai perhatian kita bersama, satu syarikat besar dalam negara kita – saya tidak sebut namanya. Syarikat ini rugi tiap-tiap tahun, lima tahun terakhir rugi akan tetapi aset semasanya bertambah sehingga berbilion-bilion. Di situlah saya lihat bahawa ruang-ruang untuk kita memperkasakan sistem ini ada. Dengan cara kita merujuk kepada sistem zakat yang diperkenalkan oleh Islam bukan dengan tujuan untuk kita mengambil sistem zakat yang menjadi sumber bagi negeri tetapi untuk kita melihat kaedah yang boleh kita aplikasikan di peringkat negara.

Begitu juga saya sebut tentang cukai import dan juga eksport yang kalau lihat dalam pendapatan negara kita dan dua hingga tiga tahun terakhir ini sangat sedikit. Bagi saya di sana ada ruang untuk kita memperkasakan menerusi penguatkuasaan undang-undang yang baik supaya tidak berlaku penyeludupan dan tidak berlaku rasuah menyebabkan hasil negara berkurang. Ini kerana kalau kita lihat dalam sejarah Islam, cukai import dan eksport memberi satu pendapatan besar bagi negara kita Islam. Kita boleh tengok Kerajaan Islam Uthmaniyah, Kerajaan Islam Abbasiyah, Kerajaan Islam Umawiyah, import dan eksport ini memberi satu pendapatan besar bagi negara.

Juga saya mengajak untuk kita melihat cukai kekayaan yang kalau baru-baru ini mula dibincangkan di peringkat England cukai kekayaan dua *percent*. Islam menyatakan selain ada cukai kekayaan yang boleh kita ambil daripada pegangan saham dan juga simpanan korporat. Perkara ini saya sebut berulang kali dalam ucapan saya daripada

tahun 2013 lagi kita sebut tentang perkara ini. Cuma kita mengharapkan respons daripada kerajaan.

Berhubung dengan simpanan korporat sebagai contoh, syarikat yang saya sebutkan tadi yang sentiasa rugi lima tahun terakhir ini, walaupun dia rugi tetapi dari sudut asetnya sentiasa bertambah. Kalau tahun 2017 sebanyak RM2.14 bilion, tahun 2018 sebanyak RM3.07 bilion. Bererti di sinilah adanya hak rakyat dalam kekayaan syarikat korporat yang dalam penyata untung ruginya dinyatakan sebagai rugi. Oleh kerana itu, saya mengajak untuk kerajaan melihat perkara ini dan menubuhkan jawatankuasa khas membincangkan reformasi cukai bagi negara dengan melihat kepada konsep cukai Islam yang dinamakan sebagai zakat.

Juga saya mengajak untuk kita melihat ruang menambah pendapatan menerusi wakaf yang hari ini kerajaan telah perkenalkan wakaf di universiti dan secara pendapatan bagi sebuah universiti. Akan tetapi kalau kita lihat dalam sejarah Islam Uthmaniyah, Abbasiyah dan sebagainya, wakaf memberi suatu pendapatan besar bagi negara menerusi pembiayaan bagi projek-projek seperti jalan raya, hospital dan apa sahaja melibatkan pembangunan. Hari ini kalau kita lihat dalam pembentangan bajet, anggaran perbelanjaan bagi pembangunan amat kecil. Hanya sekitar beberapa *percent* sahaja akan tetapi kita boleh besarkan menerusi konsep wakaf. Bagaimana? Terpulang kepada kerajaan untuk melihatnya. Saya mengajak untuk kita melihat ruang-ruang yang ada ini.

■1230

Itu berkaitan dengan diplomasi bagi hasil pendapatan negara. Saya ingin bertanya kepada kerajaan tentang isu mata wang yang kita lihat semakin menurun. Kalau kita biasa ke luar negara ada urusan luar negara, urusan *business* dan sebagainya kita akan terasa kesan kejatuhan mata wang. Saya mendapat *info* bahawa ia kadang-kadang memang satu strategi bagi bank negara untuk dengan sengaja menurunkan kadar mata wang kita dengan harapan masuk duit banyak lagi pendapatan atau pelaburan luar. Adakah ia benar satu strategi ataupun strategi itu makan tuan mengakibatkan kesan kenaikan harga barang.

Maka, saya ingin mendapat penjelasan dari kerajaan tentang perkara ini. Adakah mata wang kita yang semakin teruk dan semakin jatuh? Kalau kita biasa ulang-alik Malaysia ke Thailand sebagai contoh kita akan tengok kesan mata wang ini sangat besar kepada para peniaga di sempadan kita. Maka, adakah ia strategi bagi negara kita yang dibuat oleh Bank Negara ataupun satu strategi yang akhirnya makan tuan memberi kesan kepada pendapatan rakyat negara kita sendiri.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sedikit Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya tertarik apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang penurunan mata wang yang mempunyai kesan cukup besar terutama dari segi import dan eksport negara kita. Ini sudah tentu bukan semata-mata menjejaskan kesan kepada rakyat tetapi dari sudut ekonomi. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat apabila kebergantungan negara kita masih tinggi terhadap import, penurunan nilai ringgit memberi kesan besar kepada negara.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Oleh sebab itulah kita bincang tentang isu pelaburan FDI, kerajaan berbangga mendapat FDI begitu banyak tetapi isu yang timbul ialah tentang pergantungan kepada barang luar bagi negara kita. Ia juga akan memberi kesan kepada kos pekerja barangkali dengan sebab masuk banyak FDI ini menyebabkan tenaga luar datang dengan jumlah yang besar dan tenaga ini bukan tenaga mahir. Tenaga yang sederhana sahaja yang menjadi saingan kpd rakyat tempatan sendiri. Ini akan berlaku.

Oleh sebab itulah saya juga agak kurang bersetuju dengan usaha kerajaan menambah pendapatan, menambah pelaburan luar negara daripada luar negara tetapi dalam masa yang sama terpaksa mengorbankan hak rakyat kita untuk bersaing dalam pasaran kerja tempatan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedikit Yang Berhormat Kuala Nerus. Sikit mengenai wang ringgit kita berbanding US Dolar sebelum bajet USD1 sama dengan RM4.18. Selepas bajet hari ini misalnya USD1 turun RM4.14. Adakah di antara punca-puncanya adalah kerana pihak pelabur di luar sana dan mereka yang terlibat dalam perniagaan ini melihat ketidakstabilan politik yang ada dalam negara kita. Apa pandangan?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya saya sangat setuju. Saya selalu sebut bahawa mata wang jatuh dan turun disebabkan oleh politik. Oleh sebab politik Malaysia tidak stabil. Yang Berhormat Menteri pun bercakap dikatakan menipu memberi maklumat yang tidak lengkap tentang royalti sebagai contoh. Maka, ketidakstabilan politik ini menyebabkan memberi kesan kepada ekonomi negara dan juga mata wang kita. Jadi, kita menyeru untuk satu penubuhan kerajaan yang lebih stabil dan lebih baik. Kita mengajak mana-mana Ahli Parlimen jika cukup bilangan 112

untuk membentuk kerajaan yang baharu *Insyah-Allah* jika ini boleh menjadikan kestabilan kepada negara kita.

Berhubung dengan mata wang juga, saya hendak pergi kepada isu yang seterusnya berkaitan dengan levi pelepasan. Kerajaan untuk memohon pendapatan, kerajaan mengenakan levi pelepasan. Akan tetapi kalau kita lihat pandangan-pandangan awam terhadap isu ini, saya melihat begitu banyak bantahan daripada industri sendiri serta melibatkan pelancongan.

Kalau kita lihat pelaksanaan ini yang bermula September bakal menyumbang kepada kegagalan negara untuk menyasarkan 30 juta pelancong tahun 2020. Kalau kita lihat pada dua tahun lepas, jumlah pelancong kita hanya 25.8 juta sahaja setahun. Itu dalam keadaan tiada levi pelepasan. Sekarang kita perkenalkan pula tentulah akan memberi kesan.

Kalau kita lihat kajian yang dibuat oleh Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) pada tahun 2018 menjangkakan enam peratus penumpang ataupun dua juta pelancong akan berkurangan dengan sebab levi pelepasan ini. Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) pada tahun ini juga menjangkakan jumlah penumpang akan berkurang sebanyak 835,000 setahun.

Sepatutnya kerajaan kena ambil pengajaran. Kalau sebelum ini kita lihat dalam pelaksanaan cukai ini sumbangan sektor penerbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar menyusut sebanyak USD411 juta menyebabkan kehilangan 5,300 pekerjaan serta menghakis daya asing Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Pada tahun 2017, kalau kita lihat cukai pelancongan diperkenalkan oleh kerajaan kepada pelancong asing yang menginap di hotel. Pada tahun 2018, caj perkhidmatan penumpang (PSC) dinaikkan. Pada Mac tahun ini pula tahun 2019 Malaysia Airports Holdings Berhad mula melaksanakan caj RM8 bagi bas persiaran dan RM4 bagi van-van pelancongan untuk mengambil dan menurunkan penumpang di KLIA2.

Kemudian, sekarang hari ini kita perkenalkan levi pelepasan. Oleh sebab itulah saya mengajak kerajaan untuk menimbang kembali hasrat ataupun pendekatan levi pelepasan ini kerana ia akan memberi kesan kepada keadaan pelancongan kita serta akan kesan kepada rakyat yang mendapat sumber pendapatan daripada pelancong yang masuk ke negara kita.

Saya hendak sebut sedikit tentang mahasiswa kita yang datang pada pagi tadi membuat satu demo dan menghantar memorandum untuk diambil perhatian oleh kerajaan. Saya bacakan hasrat mereka daripada kumpulan yang menggelar diri mereka sebagai "Desak" iaitu mendesak kerajaan:

- (i) mendesak peluang pekerjaan;
- (ii) mendesak gaji minimum RM1,500;
- (iii) mendesak mengawal kenaikan harga barang;
- (iv) mendesak menghapuskan tol; dan
- (v) mendesak pendidikan percuma.

Ini hasrat anak-anak muda kita, generasi ke depan kita dan bakal memimpin kita. Mereka merasai keperitan hasil ekonomi sekarang dan mereka mengharapkan suara mereka didengar. Maka saya tolong bacakan hasrat mereka dalam Dewan yang mulia ini untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dan diambil perhatian oleh kita semua.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya ucapkan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuaran. Sila.

12.36 tgh.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut membahaskan Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada Jumaat yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan pada tahun ini, pada tahun depan ini adalah sangat penting bagi negara. Pertamanya, ia adalah di akhir Rancangan Malaysia Kesebelas. Keduanya, pada tahun 2020 ini adalah tahun di mana berakhirnya apa yang dikatakan sebagai Wawasan 2020 dan sepatutnya negara kita Malaysia sudah mencapai sebagai status negara maju.

Apabila melihat pada pencapaian ekonomi keseluruhannya Malaysia sudah mencapai sehingga RM1 trilion GDP. Akan tetapi apa yang kita lihat penyumbang-penyumbang dari segi negeri-negeri dan sebagainya yang kita lihat bahawa negeri-negeri yang mempunyai infrastruktur yang lebih hebat seperti negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor kita lihat inilah negeri-negeri yang telah memberi sumbangan yang besar pada GDP tersebut.

Negeri Selangor memberi sumbangan sebanyak lebih kurang hampir 27 peratus, Wilayah Persekutuan lebih kurang 16 peratus dan Johor lebih kurang 17 peratus. Semuanya melebihi 50 lebih peratus. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua sumbangan negeri-negeri ini berkait rapat dengan infrastruktur yang ada. Contoh negeri Selangor pembangunannya di sini kerana adanya Pelabuhan Klang. Kalau dari Johor pembangunannya kerana adanya Pelabuhan Tanjung Pelepas dan sebagainya.

Berbalik kepada sumbangan negeri Sabah kepada ekonomi keseluruhan Malaysia, sumbangan kita hanya lebih kurang enam peratus. Apabila kita lihat lagi dari segi per kapita GDP, pada keseluruhan Malaysia per kapita GDP kita sekarang sudah pun mencecah sampai RM40,000 lebih. Negeri Selangor sahaja sudah sampai lebih kurang RM50,000 lebih per kapita GDP. Akan tetapi, apabila kita melihat Sabah hanya lebih kurang RM25,000.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat ini kerana sumbangan Sabah yang begitu kecil ini kerana infrastruktur yang ada di negeri Sabah. Kita masih ke terbelakang. Bila kita lihat dari segi sumbangan industri kepada GDP negeri Sabah contohnya, sumbangannya hanya lebih kurang 7.2 peratus. Keseluruhan GDP kita Sabah lebih kurang RM80 bilion dan sumbangannya begitu sedikit. Kenapa Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana kita tidak mampu menarik pelabur-pelabur khususnya pelabur-pelabur yang berasaskan pada pembuatan. Ini kerana adanya cabaran logistik yang ada di negeri Sabah. Logistik yang paling penting di sini adalah pelabuhan. Sudahlah Sabah begitu lama dikenakan dengan dasar kabotaj. Tiga tahun yang lalu apabila negeri Sabah dikecualikan daripada dasar Kabotaj sehingga pada hari ini apa yang diharap-harapkan agar *mainland shipping operator* sebagai contoh untuk datang ke Sabah untuk mendaftar ke Sabah masih lagi belum sampai, belum lagi datang.

■1240

Oleh sebab itu, kita memerlukan peruntukan yang begitu besar untuk mempertingkatkan lagi, menyediakan lagi infrastruktur logistik seperti...

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Yang Berhormat Tuaran boleh minta laluan?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Ranau.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Terima kasih di atas ucapan Yang Berhormat Tuaran. Yang Berhormat Tuaran banyak menyentuh tentang permintaan Sabah ini yang nampaknya memerlukan banyak pembangunan supaya lebih seimbang pembangunan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Saya mendapat laporan daripada Menteri Ekonomi bahawa daripada tahun 1966 sehingga tahun 2018, di Semenanjung mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM464.8 bilion. Sementara, Sabah pula hanya mendapat sebanyak RM71.65 bilion dan Sarawak hanya mendapat sebanyak RM61.9 bilion. Apakah pandangan Yang Berhormat Tuaran sama ada ini seimbang atau tidak?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Sudah sekian lama kita...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh, mencelah?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Sebentar, saya jawab ini dulu. Saya ulas dahulu. Sudah sekian lama kita mengatakan bahawa peruntukan diberikan memang tidak seimbang. Tidak seimbang walaupun di Dewan yang mulia ini kita balik-balik mengatakan bahawa Sabah dan Sarawak itu adalah tanah besar Malaysia.

Oleh sebab itu, apabila orang luar datang ke Sabah kita mengatakan "*Welcome to my land, Malaysia*", kenapa? 60 peratus daripada tanah Malaysia ini adalah Sabah dan Sarawak yang Semenanjung ini hanya lebih kurang 40 peratus. Jadi, kalau dilihat dari segi peruntukan yang diberikan, memang tidak setimpal. Oleh sebab itu, apa yang kita minta selama ini, permintaan kita dari segi peruntukan itu berbalik-balik kita mengatakan kemudahan asas dan sebagainya. Dalam bajet pada kali ini...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bolehkah Yang Berhormat Tuaran? Sikit?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Silakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran.. Saya amat bersetuju, oleh sebab itu saya hairan rakan-rakan saya dari Sabah di sebelah sana mengatakan bajet ini terlalu baik, memberikan manfaat kepada seluruh rakyat Sabah. Sedangkan, peruntukan yang diberikan 30 peratus daripada sebahagian daripada peruntukan, seharusnya 30 peratus untuk Sabah dan Sarawak, kita mendapat lebih kurang sebanyak RM70 bilion atau RM90 bilion. Akan tetapi, kita diberikan sebanyak RM5 bilion, apalah yang Kerajaan Negeri boleh buat dengan RM5 bilion?

Yang Berhormat Menteri Undang-undang pun tidak bersuara. Minta pandangan Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tidak apalah Yang Berhormat Kinabatangan, perkara ini memang sudah lama kita katakan. Walau bagaimanapun pada tahun ini, bajet untuk tahun hadapan kita berterima kasih kerana pemberian khas telah ditambah daripada RM26 juta kepada RM56 juta. Kita berterima kasih kerana ini ditambah.

Walaupun bagaimanapun, kita ingin tahu apakah asas-asas dan pertimbangan yang telah dibuat. Apakah mekanisme untuk menentukan perkara-perkara ini? Oleh sebab itu, kita mengatakan bahawa supaya mengelakkan daripada persoalan-persoalan

seperti ini, maka tuntutan kita ialah melaksanakan sahaja apa yang diperuntukkan dalam artikel 112(c) dan item 2(b) bahagian 4, jadual 20 iaitu 40 peratus hasil bersih daripada Sabah itu hendaklah diberikan kepada Sabah.

Permintaan kita ialah biarlah ia diberikan *out source* maknanya, tidak perlu lagi hasil-hasil itu dikutip oleh Kuala Lumpur, diberikan terus kepada negeri Sabah. Oleh sebab itu kita minta sebab hal-hal seperti pelabuhan yang disebutkan tadi, ini memang adalah hal negeri. Memang hal negeri, memang kita yang berkuasa. Walau bagaimanapun, dalam pada ketika itu kita minta peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan walaupun dalam *reimbursable* dan sebagainya – selama inilah yang kita buat...

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Minta jalan? Boleh?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Nanti, sebentar, sebentar. Saya cuma beri perbandingan...

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya cuma beri perbandingan tentang kedudukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak bagi laluan.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Tuaran boleh minta jalan?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Nanti dulu, nanti dulu saya selesaikan ini dulu. Minta maaf Yang Berhormat Keningau, nanti saya akan berikan laluan. Kalau saya ada masa.

Secara perbandingan sahaja...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Keningau, jalan belum siap.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Secara perbandingan sahaja ya, ini Pelabuhan Sepanggar. Pelabuhan Sepanggar ini dia punya panjang, *wharf* baru lebih kurang 500 meter, ke dalamannya lebih kurang 11 meter. Kemudian kren baru ada empat biji kren. Perbandingan berbanding dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas. Tanjung Pelepas ini lebih kurang – kren dia hampir 60 meter dan *wharf* nya lebih kurang 5 kilometer. Boleh *handle* lebih kurang, sekarang ini hampir-hampir sebanyak 10 juta TU dalam setahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kita untuk menarik *mainland shipping operators* ke negeri Sabah untuk mendaftar di Sabah, pelabuhan ini perlu diperbaiki. Kita perlu *wharf* yang lebih panjang dan sebagainya. Oleh sebab itu, peruntukan yang telah pun

diberikan sebanyak lebih kurang RM1.1 bilion untuk Pelabuhan Sepanggar itu saya minta supaya ia dilaksanakan sebab di dalam kerajaan terdahulu, sebenarnya pelaksana telah pun dilantik.

Kalau peruntukan seperti ini tidak dapat dipercepatkan, kita minta supaya hal-hal dalam hal pelesenan sebagai contoh, lesen untuk contohnya, *the legal landing place* untuk Pelabuhan POIC Lahad Datu. Kita telah menunggu selama satu tahun semata-mata untuk mendapatkan lesen sahaja daripada Kementerian Kewangan Persekutuan. Jadi, kita minta supaya ini dipercepatkan dan kita juga minta supaya perkara yang saya sebutkan tadi itu dapat dipertimbangkan. Ya, Yang Berhormat Keningau. Apa pertanyaan yang tadi Yang Berhormat Keningau?

Apa pertanyaan tadi? Saya bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tadi jalan tutup sekarang jalan buka. Sila Yang Berhormat Keningau.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Saya hanya mahu tanya, dalam pengiraan Yang Berhormat Tuaran sebanyak 40 peratus itu sekiranya dibayar pada hari ini adalah berapa? Berapakah tunggakan yang selama ini yang belum dibayar?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Keningau saya fikir perkara-perkara seperti itu – saya tidak mempunyai *figures* itu. Akan tetapi yang penting itu ialah apa yang dibuat pada hari ini? Kalau dia ditingkatkan, kita tidak tahu apa mekanismenya. Apa mekanismenya? Kalau kita laksanakan 40 peratus itu, tiada lagi persoalan. Itu sahaja. Itu yang paling penting.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita juga ingin melihat dalam hal-hal senario global kita. Kita lihat bahawa keadaan ekonomi global ini tidak menentu dan banyak kesan terhadap harga komoditi kita. Begitu juga hal-hal yang berkaitan dengan logistik di sekitar kita. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita mesti melihat peluang-peluang yang ada. Peluang-peluang untuk mempertingkatkan lagi pelaburan negara kita, sebab itulah yang dinyatakan di dalam bajet.

Kita mahu supaya mempertingkatkan lagi pelaburan – kita lebihkan tarikan pelancongan pelabur ke negara kita ini lebih meningkat. Oleh sebab itu saya ingin cadangkan supaya Kerajaan Persekutuan melihat peluang yang wujud apabila kita melihat *Lombok and Makassar Straits*. Selat Melaka ini sudah *congested* sebenarnya. *Lombok and Makassar Straits* ini begitu berimpak tinggi, apatah lagi apabila Kerajaan Indonesia membuat keputusan untuk memindahkan ibu negara mereka dari Jakarta ke Kalimantan, Timur.

Dalam hal ini sebenarnya Malaysia, Sabah khususnya di Pantai Timur di negeri Sabah ini, kita mempunyai kedudukan yang sangat baik. Pelabuhan POIC Lahad Datu sebagai contoh adalah di antara pelabuhan yang paling dalam di negara kita. Kita boleh katakan ia sebagai [*tidak jelas*] dan sebagainya. Akan tetapi pada masa yang sama apabila kita melihat semua ini, kita juga perlu memastikan supaya infrastruktur-infrastruktur dan juga *utilities* yang ada tersedia. Kita mempunyai cabaran dalam hal-hal seperti bekalan elektrik, bekalan air dan sebagainya. Dalam hal bekalan elektrik ini, kita sedang berbincang dengan Kerajaan Persekutuan bagaimana sebaik mungkin kita dapat uruskan pengambilalihan SESB dan sebagainya. Inilah di antara perkara yang akan membantutkan...

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Yang Berhormat Tuaran ada sedikit pertanyaan, sedikit sahaja pertanyaan. Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, yes Yang Berhormat Ranau.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Ranau.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Kita dapati bahawa pihak pembangkang banyak memperlekehkan industri buluh di Semenanjung. Sedangkan industri ini sudah dimulakan oleh Barisan Nasional sejak tahun 2011 sehingga tahun – mereka yang rancangkan, mereka yang tubuhkan jawatankuasa ini.

■1250

Apa kata Yang Berhormat Tuaran jikalau sekiranya YB-YB Pembangkang di Semenanjung ini tidak mahu industri buluh, kita minta supaya Menteri Industri bawa industri buluh kita ke Sabah supaya kita majukan di Sabah. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Tuaran?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Ranau banyak peluang-peluang untuk pelaburan di Sabah. Kita mempunyai banyak bahan-bahan mentah tetapi akhirnya penghalangnya ialah *enablers* yang ada, hal-hal bekalan elektrik, dan sebagainya. Kita berbincang dengan banyak pelabur semua datang. Akan tetapi akhirnya apabila berhadapan dengan perkara yang pokok ini- ini lah cabaran-cabaran yang kita ada. Kita boleh bawa, sesiapa juga mahu bawa, industri buluh kah, apa-apa industri tetapi ini lah perkara pokok yang perlu kita atasi.

Satu lagi perkara ialah berkenaan dengan menyediakan sumber-sumber manusia yang terlatih. Dalam hal ini, saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini bahawa dari segi pentadbiran urus tadbir Jabatan Pendidikan di negeri Sabah, kita mempunyai lebih 500 sekolah-sekolah daif di negeri Sabah termasuk 52 sekolah di

kawasan Parlimen saya di Tuaran. Terima kasih lah hari ini, dalam bajet ini diperuntukkan sebanyak RM783 juta untuk baik pulih sekolah-sekolah daif dan kita berterima kasih sebab lebih banyak yang dibagi.

Walau bagaimanapun, perlu saya nyatakan di sini bahawa perkara ini perlu dipercepatkan ya. Selain daripada itu, saya juga ingin nyatakan tentang infra yang lain, contohnya *Pan-Borneo*. Jangan lah mengambil masa yang begitu lama untuk membincangkan penyerahan kepada negeri Sabah. Kita minta supaya dipercepatkan sebab sekarang ini sudah sekian lama tertangguh- hampir setahu sudah kerja-kerjanya. Kita minta supaya Kerajaan Persekutuan mempercepatkan perkara ini.

Satu lagi perkara yang sangat penting bagi negeri Sabah ialah berkenaan dengan keselamatan. Keselamatan ini juga menghalang usaha kita untuk membawa pelabur sebagai contoh di Lahad Datu, pelabur-pelabur dari negara Jepun memang tidak mahu lagi dah ke sana. Satu-satunya syarikat dari negara Jepun yang melabur di Lahad Datu sudah pun balik hanya kerana hal-hal keselamatan.

Sebab itu, keselamatan di Pantai Timur ini sangat-sangat penting untuk dipertingkatkan. Ambillah langkah-langkah bagaimana kita mahu memastikan supaya tidak ada lagi insiden-insiden seperti penculikan dan pelbagai lagi. Saya minta supaya ini diberi keutamaan dan dalam pada masa yang sama hal-hal berkenaan dengan kebanjiran pendatang tanpa izin di negeri Sabah ini perlu diselesaikan dengan cepat.

Saya ambil contoh Timbalan Pengarah Jabatan Pendaftaran ada menyatakan bahawa jumlah Surat Beranak ataupun Sijil Kelahiran yang telah dikeluarkan di negeri Sabah selama ini sejak dari mula sampai sekarang baru 2.8 juta. Sedangkan penduduk Sabah yang digunakan dalam perangkaan adalah 3.9 juta. Jadi, yang 700 ribu lebih itu di mana, siapakah mereka ini? Sebab itu, langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah ini sangat penting, dan sekali lagi saya ingin nyatakan bahawa kesemua *recommendation*, semua cadangan yang telah dinyatakan dalam...

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Tuaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tuaran, sila menggulung.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...Suruhanjaya Pilihan Khas Parlimen mengenai dengan pendatang tanpa izin hendaklah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa amat cemburu.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...Dilaksanakan dengan cepat. Apa yang dibuat setelah RCI mengenai pendatang asing tanpa izin di

Sabah ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini sudah sekian lama, kita mintalah supaya dilaksanakan dengan cepat supaya kita dapat tangani masalah ini dengan cepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tuaran. Masa sudah tamat.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Okey. Jadi, oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih ini dapat peluang ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran atas kerjasama yang diberikan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krau. Sila.

12.54 tgh.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh dapat Dato' nanti. *Insyaa-Allah*. Saya ingin turut serta untuk membahaskan Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan daripada Parti DAP. Saya mewakili Parti UMNO. Tuan Yang di-Pertua juga mewakili Parti DAP. Saya baca...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: DAP kah Pakatan Harapan?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya kata Parti DAP. Saya daripada Parti UMNO tetapi kalau hendak sebut...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tidak ada bincang pun.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: ...Kerajaan Pakatan Harapan. Kerajaan kita 'Kerajaan Muafakat Nasional'.

Belanjawan ini Yang Amat Berhormat sebut sebagai satu belanjawan yang semua rakyat gembira. Kalau P. Ramlee kata, "gumbira". Ini cikgu dan pelajar ini gembira kah? Mana ada baucar tuisyen dah. Pelajar sekolah menengah, guru-guru tidak ada pergerakan gaji- dua pergerakan. Penjawat awam tidak ada pergerakan dua pergerakan gaji. Apa yang ada pergerakannya, gaji Menteri Undang-undang.

Yang Amat Berhormat sebut lagi, hampir semua dapat *something*, dapat sesuatu. Saya kira Belanjawan 2020 ini bukan dapat *something*, dapat hancing agaknya. Ini yang saya sebut.

Kalau disebut belanjawan ini masih meminggirkan rakyat biasa, peneroka, pekebun kecil, nelayan, anak muda- M40 yang berpendapatan sederhana, pelajar, penjawat awam, polis, tentera.

Kalau sebut peneroka, kawasan saya ada 14 rancangan peneroka. Jumlah 60 peratus pengundi saya adalah di kalangan warga peneroka dan DNA peneroka. Kalau saya tidak sebut ini, nanti ahli-ahli pengundi saya di kalangan peneroka ini akan marah.

Ini terpapar, “India mula henti beli minyak sawit Malaysia dan beberapa lagi barangan buatan Malaysia....”... *[Menunjukkan sehelai kertas berkaitan]* Ekonomi ini Menteri Undang-undang, bukan berdasarkan hasil yang kita hasilkan, produk yang kita hasilkan, tetapi kena bijaksana kita menjalankan hubungan baik dengan negara-negara yang mana menjadi negara baik bagi kita memangkinkan ekonomi negara kita...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: India dan sawit.

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, sila.

Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa?

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Negara India ini penduduknya 1.366 bilion, 1.366 bilion dan ia adalah penduduk kedua terbesar dalam dunia selepas China, 1.4 bilion. Apa yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat Seputeh? Ini yang kita hendak tanya. Bila dia hendak jual sawit ini kepada Pakistan, Brazil, Nigeria, Bangladesh, Rusia, negara yang dalam lingkungan 200 juta dan 100 juta penduduk. Kalau kita kehilangan market 1.366 bilion ini. Ini satu perkara yang cukup serius.

Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sabar. Yang Berhormat Kuala Krau. Kita telah kehilangan tiga buah negara yang selalu membeli kelapa sawit kita - China, Eropah dan sekarang India. Jadi, agak-agaknya ke mana hala tuju Kementerian Industri Utama ini hendak bawa, hendak jual sawit kita ini? Dia maklumkan Brazil dan macam-macam tetapi bila hendak bermula ataupun bermakna usahawan kecil kelapa sawit ini akan terus merana hidup mereka.

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya. Saya setuju dengan kedua-dua pandangan, dan saya minta kedua-dua ucapan daripada Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Kinabatangan ini dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Sawit sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, saya sebut “Dato’”, saya doa supaya Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]* “Tan Sri” tidak boleh lah. Tuan Yang di-Pertua dah ada Tan Sri. Ini Tuan Yang di-Pertua adalah Timbalan supaya parti DAP ini boleh terima semula, kalau ada anugerah daripada Yang di-Pertuan Agong - kerana ucapan

Belanjawan 2020, Menteri Kewangan kata, “Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong..”...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Indah bahasanya.

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Jadi, Parti DAP kena berubah, boleh terima anugerah daripada Yang di-Pertuan Agong.

Minyak sawit ini adalah satu pendapatan yang sebahagian besar daripada rakyat di dalam negara kita...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Seramai 650 ribu.

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Seramai 650 ribu penduduk...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pekebun kecil.

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: ...Pekebun kecil, FELDA, peneroka FELDA, 150 ribu. Sekarang Yang Berhormat Kuala Lipis dah sebut harga kelapa sawit RM300 ke bawah. Apabila India memberhentikan pembelian-import kelapa sawit Malaysia, apa hendak jadi kepada pekebun kecil? Apa hendak jadi kepada peneroka FELDA? Bangun pekebun kecil, bangun peneroka FELDA. Kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa amat cemburu. Selaras dengan Usul 12(1) jam 1 tengah hari...

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: ...Hentam habis-habisan Kerajaan Pakatan Harapan ini.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Kuala Krau ini macam dah kempen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kuala Krau boleh sambung semula pada waktu petang.

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi 10 minit.

Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Memang lah kerja kita berkempen.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan. Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Krau.

2.32 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Datuk *handsome*. Rumah satu, dua Datuk? Sebab *handsome* sangat hari ini. Saya sambung fasal FELDA. Hanya RM250 juta untuk program meningkatkan pendapatan 11,600 orang peneroka. Sedangkan dalam negara kita ada 112,635 peneroka yang kalau kita campurkan warga FELDA keseluruhan di dalam negara kita lebih daripada 2 juta. Akan tetapi kenapa kita hanya mendapat program untuk meningkatkan pendapatan hanya kepada 11,600 orang peserta FELDA. Yang bakinya apa nasib mereka? Kalau dulu mereka ini dapat bantuan-bantuan yang lain, bantuan untuk menyambut hari raya, bonus lagi dan dulu dijanjikan kalau Kerajaan Pakatan Harapan memerintah, maka 50 peratus hutang peneroka akan dihapuskan, Yang Berhormat Sungai Petani.

Akan tetapi tidak menjadi kenyataan. Ini yang dikatakan apakah yang menggembirakan rakyat di dalam negara kita. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, janji-janji palsu Pakatan Harapan. Yang Berhormat Batu Kawan, ini janji fakta ini. Harga minyak tetap naik, kadar tarif air akan naik, kadar tarif elektrik naik, barang-barang tetap tidak turun walaupun GST dimansuhkan, SST diperkenalkan. Ada *shortfall* RM20 bilion. Belum lagi kata *tax holiday* yang RM11 bilion kerajaan menanggung kerugian. Ini semuanya adalah untuk rakyat. Bantuan Rakyat 1Malaysia dimansuhkan kerana dedak. Dedak. Kami orang dituduh dulu. Yang Berhormat Sungai Petani sebut dedak kah dulu?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak sebut ya, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Orang lain.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Orang lain sebut. Yang Berhormat Batu Pahat rasanya memang tidak sebut dedak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak sebut.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak sebut. Terima kasih. Sekarang bantuan BSH, Bantuan Sara Hidup sama saja dengan BR1M

tapi nilainya kurang, dedak juga. Ada sebut BR1M ini rasuah. Apa beza BR1M dengan Bantuan Sara Hidup, rasuah juga. Akan tetapi kenapa dapat dedak yang kecil, dedak BSH daripada Kerajaan Pakatan Harapan. Ini tidak menimbulkan keadilan kepada rakyat di dalam negara kita. Kalau kita sebut lagi tol. Ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan ini daripada Simpang Renggam. Saya baca dalam *Facebook* dia, adalah jumlah RM248 adalah jumlah yang dapat dijimatkan sebulan jika anda bekerja ulang-alik dari Simpang Renggam ke Johor Bahru setiap hari. Janji yang keenam menghapuskan kutipan tol.

Bangunlah orang Pontian, orang Johor Bahru sampai ke Simpang Renggam, pergi ramai-ramai ke rumah Yang Berhormat Simpang Renggam, tuntutan RM248 ini. Ini Yang Berhormat Batu Pahat pun sama, pergi tuntutan. Mana duit saya RM248 ini yang dikatakan janji yang keenam menghapuskan kutipan tol.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu laluan saya hendak pergi Pontian dan laluan kawan-kawan hendak pergi kempen ke Tanjong Piai.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Berapa kali sudah pergi rumah Yang Berhormat Menteri Simpang Renggam untuk tuntutan?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Dia lari, dia lari.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Begitu juga janji Pakatan Harapan untuk menghapuskan PTPTN, anak-anak kita, anak-anak saya, anak Yang Berhormat Pontian, anak Yang Berhormat Batu Pahat, anak Yang Berhormat Sungai Petani, anak buah, anak *menakan*, anak semua anak kita ini rakyat Malaysia, bukan saja Melayu, Cina, India dan bangsa-bangsa yang lain Sabah, Sarawak dijanjikan, dimomokkan. Ini bekas Pengerusi, saya pun bekas Pengerusi PTPTN dimomokkan untuk pendidikan percuma. Tidak ada. Malah mana-mana pelajar, bekas graduan yang gagal membayar hutang, akan dihadapkan ke mahkamah.

Zaman kita, hanya *blacklist* untuk ke luar negara dengan tujuan untuk menyekat mereka ini ke luar negara. Kalau hendak ke luar negara, bayar dulu kadar minimum hutang PTPTN itu dan kadar kutipan hutang sekarang ini semakin menurun dan di manakah kelestarian kewangan PTPTN untuk menampung anak-anak kita yang berapa juta sekarang, 3 juta?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ada 3 juta lebih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ada 3 juta lebih. Yang Berhormat, minat?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Minat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Okey sila.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan saja janji yang mereka tabur sebelum pilihan raya tidak tertunai. Kalau dengar Yang Berhormat Menteri bercakap dalam Dewan ini, dia hendak bentangkan Kertas Konsultasi Rakyat, kononnya mendapat idea daripada pemegang taruh, daripada pakar-pakar untuk merangka satu strategi baru kepada PTPTN bagi mengangkat kedudukan. Sampai hari ini tidak dibentang. Tidak dibentang. Kutipan merudum. Ini kesan daripada tidak adanya insentif-insentif yang dibuat oleh kerajaan dalam bajet ini. Apa pandangan bekas Pengerusi PTPTN?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Itulah bezanya di antara orang bijak pandai. Bijak pandai bercakap dengan bijak pandai untuk melaksanakan kerja-kerja yang baik untuk rakyat khususnya untuk pelajar kita di dalam negara. Seterusnya saya hendak sebut berita buruk untuk para petani, berita buruk untuk nelayan, belia desa dan sektor hartanah. Kenapa saya katakan demikian.

Kita bandingkan peruntukan industri padi dan beras dipotong daripada RM69.2 juta kepada RM66.1 juta. Ini Yang Berhormat Sungai Petani yang sentiasa memperjuangkan nasib petani. Peruntukan pertanian dipotong daripada RM194.1 juta kepada RM180 juta. Peruntukan perikanan dipotong daripada RM178.5 juta kepada RM177 juta. Peruntukan pembangunan usahawan desa dipotong daripada RM2 juta kepada RM1.6 juta. Peruntukan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dipotong daripada RM156 juta kepada RM143 juta.

Peruntukan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dipotong daripada RM190 juta kepada RM164 juta. Peruntukan KEMAS dipotong daripada RM143 juta kepada RM138 juta. Peruntukan PR1MA, Perbadanan PR1MA Malaysia dipotong daripada RM25 juta kepada RM20 juta.

■1440

Paling merisaukan apabila Menteri Kewangan daripada parti DAP ini tidak berunding dengan Yang Berhormat Menteri KPKT iaitu boleh membeli hartanah harga RM1 juta diturunkan kepada RM600,000. Ini sangat berbahaya daripada segi pemilikan warganegara asing di dalam hartanah kita, Yang Berhormat Sungai Petani. Saya nak sebut ini, industri padi, pertanian, perikanan, pembangunan usahawan desa, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Lembaga Pertubuhan Peladang, KEMAS, PR1MA, siapa dia? Orang kampung. Bukan saya kata rasis, bukan saya kata perkauman tetapi 90 peratusnya adalah nasib orang kampung, orang Melayu bumiputera di dalam negara kita.

Oleh sebab itu bila saya hadir dalam Kongres Maruah Melayu bukan 'barua' Melayu, Kongres Maruah Melayu. Saya jelas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Langkawi sebut sekarang ini semangat kemelayuan di dalam kerajaan semakin berkurangan. Adakah ini sebab dia? Ini yang disebutkan oleh kerana hak Melayu Bumiputera sekarang semakin terhakis di dalam negara kita. Jadi sedarlah petani, nelayan sebelum kita terus dipotong, marilah kita potong Kerajaan Pakatan Harapan yang menerajui kerajaan sekarang ini.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Setuju, setuju.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Akhirnya, saya nak sebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Enam saat lagi.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:...Kos sara hidup ini, ini Mat GST lah, daripada GST kepada SST ada *short fall* RM20 bilion. Saya nak sebut Mat GST, RM22 bilion. Saya nak sebut, saya nak sebut, ini saya sempat tengok *Facebook* Mat GST ini. Elok di kumpul resit seperti ini dan sebar supaya rakyat sedar tentang kewujudannya. SST lima peratus, enam peratus, 10 peratus. Ini dua lagi contoh resit *service tax* SST enam peratus bermula 1 September. Saya tengok contoh seterusnya. Teh tarik, harga RM3.50 Yang Berhormat Sungai Petani. Kena pula *service charge* 10 peratus, 35 sen, kena pula SST enam peratus, 21 sen. Sebanyak 16 *percent*, 10 campur enam. Ini contoh. Kenapa dinafikan SST ini lebih murah? Lebih mahal.

Kita dahulu GST enam peratus. Dulu Yang Berhormat kawasan Tumpat, sekarang mana ya? Yang Berhormat kawasan Bandar Tun Razak. Jadi, saya pelik kenapa perkiraannya kata harga bertambah, kurang. Saya pelik sehinggakan Yang Berhormat Port Dickson sebut tolong cari formula yang baik, kaji bagaimanakah untuk kita mengurangkan kos sara hidup. Bagaimana kita hendak mengurangkan harga barang-barang di dalam negara kita. Ucapan Yang Berhormat Port Dickson, bakal Perdana Menteri yang kelapan. Oh, Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Kuala Krau, boleh tanya soalan sikit?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Okey, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh Yang Berhormat Kuala Krau tanya Mat GST tadi, di manakah resit itu diambil? Adakah restoran ataupun kedai biasa ataupun di *night club* ataupun di hotel? Nak tanya yang keluar SST semua sekali tadi. Boleh tanya sebelah, Mat GST? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nak sambung ini, nak sambung.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Mat GST jangan jawab. Ini *floor* Yang Berhormat Kuala Krau. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Kuala Krau, boleh saya mencelah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nak sambung, nak sambung ini.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh. Kalau Mat GST hendak tolong, sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dia *tax* SST ini sebenarnya ada dua cukai. Satu, cukai perkhidmatan. Enam peratus itu ada dalam resit. Apa yang tak ada dalam resit ialah cukai jualan. Itu 10 peratus dan lima peratus tidak ada dalam resit. Jadi apa juga yang kita beli, barang-barang yang 6,400 jenis itu yang dikenakan SST cukai jualan itu kita tak nampak 10 peratus dan lima peratus cukai jualan. Itu tak nampak, apabila tak nampak tidak semestinya tidak ada.

Kemudian, ada *service charge*. *Service charge* 10 peratus untuk restoran-restoran yang tertentu. Jadi kalau kita campur 10 peratus *service charge*, lepas itu enam peratus cukai perkhidmatan atau *service tax*. Lepas itu ada lagi 10 peratus ke lima peratus cukai jualan, maka harga akan berganda. Ini maksud Yang Berhormat Kuala Krau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krau, minta rumuskan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, saya nak rumuskan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma nak tanya sebab Yang Berhormat Pontian tidak menjawab soalan saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya nak tanya ini sebab Yang Berhormat *pi* sebut tadi, ini bukan melawak, ini serius ya. Yang Berhormat sebut tentang PM kelapan tadi dan juga bakal Menteri Besar Kedah. Jadi saya nak tanya, bila Yang Berhormat Port Dickson telah menyebut bahawa tarikh-tarikh tertentu, tentang maksimum dua tahun, apakah Yang Berhormat nak minta respons daripada Yang Berhormat Langkawi berhubung keadaan sebenarnya. Oleh sebab sekarang ini kita dah *confuse* sikit tentang keadaan ini. Sebab apa? Oleh sebab muncul juga nama-nama lain seperti Yang Berhormat Gombak, seperti siapa lagi ya? Banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya harap perbincangan terus kepada Yang Berhormat Kuala Krau. Jangan lari daripada topik ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, Yang Berhormat Arau. Saya terbaca dan saya dengar satu sidang video atau PC Yang Amat Berhormat Langkawi. Mudah. Boleh cuba, dalam bahasa Melayu. Cubalah, ha *you can try*. Jadi, dalam bahasa Melayu, boleh cuba. Jadi siapa yang berminat nak cuba, sila cuba. Muafakat Nasional nak cuba? Yang Berhormat Bintulu nak bersama? Boleh cuba. Sama ada untuk kita menentukan kerajaan kita yang akan datang. *Last* sekali Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Last*, masa dah habis dah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *Last, last* sekali. Saya nak sebut isu keselamatan negara ini Yang Berhormat, isu penting. Bukan sahaja Melayu, bukan sahaja Cina, bukan sahaja India yang ditangkap. Kalau kita tengok dahulu kenapa kita ada satu usul khas untuk pengganas Daish Islam di dalam negara kita. Siti Noor Aishah Atan ditangkap memiliki 12 buku cenderung kepada gerakan militan IS. Lepas itu, ada tangkapan lagi terhadap Kumpulan Militan Negara Islam pada tahun 2015. Lepas itu, Noordin Mohammad Top dan lepas itu Azahari Husin. Ini semua Melayu.

Sekarang ini kebetulannya bukan baru isu ini, saya baca sidang video Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay. Kita dah tangkap tahun 1990, makna kita dah tangkap pada tahun 1990 lagi. Kita tangkap dan kita rampas satu kapal yang penuh dengan senjata api di Penang, di Pulau Pinang. Apa maknanya? Ancaman besar kepada negara. Satu kapal yang penuh dengan senjata api dan kebetulannya nama LTTE ini dipalitkan, dikaitkan dan kebetulannya ada pemimpin DAP yang telah ditangkap. Jadi kalau dahulu ada ahli UMNO yang ditangkap, dihukum dan ditembak, kita tak bising kerana isu keselamatan negara. Salah tetap salah!

Bukannya soal kita hendak pilihan raya kecil di Tanjong Piai tetapi ini isu keselamatan negara. Saya menyeru rakan-rakan saya dalam Dewan ini, marilah kita bersama-sama mendukung apa yang telah diputuskan tindakan oleh Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia dalam menangani keganasan dan juga menjamin keselamatan di dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, peranan JAKIM. Saya sedih kerana saya sebut JAKIM mestilah jadikan sebuah kementerian. Ini nak memperkasakan syiar Islam. Kenapa dipengerusikan oleh Timbalan Menteri MOF? Menteri JAKIM ada, biarlah Menteri JAKIM mempengerusikan

untuk mempertingkatkan syiar Islam di dalam negara kita. Itu saya harap ini dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Johor Bahru kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Keningau.

2.49 ptg.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada Johor Bahru untuk bersama-sama membahaskan Belanjawan 2020. Selama 15 minit ya Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Saya ingin merakamkan – jam itu tak betul. Penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah merangka sebuah belanjawan yang mempunyai objektif yang lebih jelas bagi mengemudi negara menghadapi cabaran ekonomi baru, ekonomi digital di samping menggembeleng keupayaan tenaga kerja tempatan. Ini merupakan satu pendekatan yang berani dan secara berdepan dengan masalah sebenar. Namun, ianya tidak bermakna kita boleh merasa selesa dan sebaliknya sentiasa mempunyai pemikiran reformasi.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba merungkaikan kesan Belanjawan 2020 secara konstruktif dan membina dengan memfokuskan kepada ekonomi rakyat termasuk menyentuh golongan anak muda. Tiga perkara utama; pertama, soal pekerjaan dan gaji. Kedua, soal perbelanjaan rakyat dan ketiga soal pentadbiran dan tata kelola yang baik. Dalam perbahasan ini, masa ini emas. Saya gunakan Peraturan Mesyuarat 37(1) untuk tidak memberikan sebarang celahan. Kalau ada yang hendak membantu ataupun tersinggung, masukkanlah dalam ucapan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pekerjaan saya telah bangkitkan dengan konsisten beberapa pertimbangan dalam Dewan yang mulia ini. Secara ringkasnya, jumlah tenaga kerja di Malaysia dianggarkan sekitar 15.7 juta orang. Kadar pengangguran pula adalah sekitar 3.3 peratus. Maksudnya, lebih setengah juta rakyat Malaysia yang menganggur ataupun masih aktif mencari pekerjaan. Manakala, kadar pengangguran di kalangan belia tiga kali ganda iaitu 10.9 peratus.

Bagi membandingkan dengan jumlah pekerja asing, saya telah menanyakan soalan Parlimen bertarikh 7 Oktober 2019 kepada Menteri Sumber Manusia. Yang Berhormat Menteri telah jawab bahawa statistik Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan bahawa seramai 1.994 juta orang telah diberikan pas lawatan kerja sementara sehingga 31 Ogos 2019. Dasar pentadbiran kerajaan sebelum ini mengehadikan penggajian pekerja asing di Malaysia tidak melebihi 15 peratus daripada jumlah tenaga kerja. Akan tetapi, kalau kita bandingkan dengan jumlah pekerja kita semua, maksudnya jumlah tenaga asing yang dibenarkan dalam negara adalah sekitar 2.3 hingga 2.4 juta orang.

Jadi, berdasarkan takrifan ini jumlah pekerja asing sebenarnya masih terkawal. Malah, kita boleh ambil lagi 300 atau 400 ribu pekerja asing. Sedangkan, masih ramai rakyat tempatan di luar sana tidak ada kerja. Oleh sebab itu, saya berpandangan had penggajian pekerja asing wajib dikurangkan daripada 15 peratus daripada jumlah tenaga kerja kepada 10 peratus dalam tempoh lima tahun. Penguatkuasaan juga perlu diperketat. Adakah ini boleh dilaksanakan? #Malaysia@Kerja. Yang Berhormat Menteri cakap kita akan wujudkan 350 ribu peluang pekerjaan. Kerajaan Pakatan Harapan kata hendak bagi peruntukan RM6.5 bilion dalam tempoh lima tahun. Pelbagai insentif disediakan untuk graduan yang menganggur, wanita yang hendak kembali kerja. Malah, majikan juga dapat galakan ada juga imbuhan tambahan sekiranya menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Johor Bahru, hendak tanya boleh?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Tidak apa, saya betul hendak tumpukan kepada perbahasan.

Belanjawan ini juga menyalurkan sejumlah dana yang besar atau *significant* dengan izin, ke industri ekonomi digital, pendidikan R&D, geran perniagaan usahawan dan pelbagai lagi. Kesungguhan usaha meningkatkan peluang pekerjaan tempatan serta penggunaan teknologi dan IT perlu diikat dengan komitmen negara mengurangkan pekerja asing. Maka, saya sarankan sekali lagi agar kerajaan menetapkan dasar untuk mengurangkan jumlah pekerja asing sebanyak 400,000 hingga 500,000 orang atau lima peratus dalam tempoh lima tahun selari dengan #Malaysia@Kerja.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita perlu akui bahawa padanan antara kelayakan dan peluang pekerjaan pada ketika ini adalah tidak seimbang, *mismatch*. Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016 berkaitan pengangguran belia di Malaysia menyebut 23 peratus daripada belia yang menganggur terdiri daripada

belia yang berpendidikan *tertiary*. Tawaran kursus dan pinjaman pendidikan perlu berteraskan data dengan kejayaan padanan kerja, *matching data driven*, dengan izin. Kalau peratusan pekerjaan untuk graduan sesuatu bidang adalah rendah, nasihatkan untuk ambil bidang yang lebih sesuai.

Jadi, jangan bebankan anak muda dengan hutang PTPTN. Sedangkan bila mereka tamatkan pengajian, tiada peluang pekerjaan yang berkaitan. Ironinya, kolej-kolej swasta terus menjana keuntungan berganda sedangkan mereka gagal menyediakan graduan kita untuk pasaran kerja. Kaedah PTPTN menerbitkan dana dengan membuat pembiayaan komersial atau berhutang dengan peminjam swasta adalah tidak mampan atau *sustainable*, dengan izin. Setiap tahun PTPTN terpaksa berdepan dengan tambahan RM2 bilion hingga RM3 bilion tanggungan terkumpul. Sekiranya tidak dirombak dengan menyeluruh, saya percaya hutang pendidikan ini akan menjadi *time bomb* kewangan kepada negara yang boleh meletus dalam tempoh sedekad.

Saya bersetuju dengan langkah kerajaan untuk mengangkat pendidikan TVET atas kerana kebolehpasaran lepasan TVET yang sangat baik. Akan tetapi, saya merasakan kita semua perlu ada *political will* untuk merangka dasar penggajian tinggi yang baru. Jangan politikkan atau bersentimen semata-mata dalam isu ini. Bagi saya, kaedah PTPTN perlu dirombak semula dan digantikan dengan kaedah pembiayaan pendidikan yang lebih holistik, yang tidak membebankan anak muda atau menguntungkan kolej swasta. Bukan mudah, tetapi kita perlukan *structure reform*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan rakyat atau poket rakyat berkait rapat dengan harga barang. Saya ingin melahirkan kekusaran terhadap pelaksanaan subsidi bersasar dan mengapungkan petrol RON 95 mengikut harga pasaran. Kebergantungan negara kepada subsidi petrol sudah menjadi lumrah, di mana subsidi minyak bukan sahaja mengekalkan kestabilan harga petrol, tetapi juga mengurangkan kos sara hidup dan menstabilkan harga barang.

Saya mohon penjelasan tujuh perkara berikut yang pasti rakyat di luar sana turut tertanya-tanya. Pertama, subsidi bersasar akan melibatkan kumpulan B40 dan M40. Secara logiknya, hanya T20 yang akan terkeluar. Berapa kos subsidi bersasar dan berapa pengurangan kos berbanding dengan kaedah sekarang? Mengapa tidak selaraskan pembayaran subsidi melalui satu kaedah Kad 95? Kalau hendak masukkan ke dalam akaun bank, lebih mudah tingkatkan sahaja jumlah pemberian BSH. Akan

tetapi, sekiranya subsidi ini betul-betul untuk petrol, kita boleh dapatkan data penggunaan petrol melalui Kad 95.

Ketiga, bukankah hasrat kementerian untuk *data driven*? Maka, sekali lagi selaraskan kaedah pemberian subsidi melalui satu sistem sahaja.

Keempat, walaupun RON 95 akan diapungkan secara berperingkat, dua sen sekali naik. Peniaga juga akan menaikkan harga barang secara berperingkat atau terus mendadak. Kawalan harga hanya boleh dibuat untuk barangan tertentu sahaja dan kebiasaannya untuk tempoh terhad iaitu ketika musim perayaan. Manakala, anti pencatutan mungkin tidak relevan dalam keadaan ini kerana alasan harga barang naik sebab harga minyak naik.

Ketujuh Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian akan memperkenalkan mekanisme baru untuk mengawal kenaikan harga barang ataupun inflasi? Bagi jangka panjang, saya menyambut baik saranan Yang Berhormat Port Dickson agar kebergantungan import makanan perlu ditangani secara total. Kita perlu merangka dasar pertanian negara bagi mewujudkan rantai bekalan makanan yang lebih stabil dan kos efektif, menggalakkan penggunaan teknologi dan memodenkan industri pertanian untuk kemandirian dan kelangsungan petani-petani kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya adalah berkaitan dengan pentadbiran dan tata kelola yang lebih baik. Kita menyokong usaha Kerajaan Pakatan Harapan membanteras rasuah dan memerangi salah guna kuasa. Namun, ia seharusnya tidak terhenti kepada isu 1MDB sahaja. Di sini saya kongsi dalam Dewan yang mulia ini, dua contoh projek lain yang wajar dinilai semula bukan sekadar penjimatan wang kerajaan dan wang rakyat tetapi juga demi keselamatan dan kemakmuran negara.

Pertama, adalah berkaitan dengan projek menaik taraf *Klang Valley Double Track (KVDT)* atau Landasan Berkembar Lembah Klang. Projek naik taraf ini ada dua fasa. Fasa pertama nilai kontrak RM1.41 bilion telah dianugerahkan November 2015.

■1500

Fasa kedua, baru-baru ini umum turun nilai projek kepada RM4.475 bilion. Kedua-dua projek ini diberikan kepada syarikat yang sama iaitu Daya Maju Infrastruktur Asia atau DMIA. Apa masalahnya? Masalahnya kontrak Fasa 1 yang sepatutnya siap bulan lapan tahun ini, dua bulan yang lepas telah diberikan penangguhan EOT ditunda ke Julai 2020. Adakah pihak pemaju ini akan dikenakan dengan denda disebabkan kelewatan tersebut? Mampu kah Fasa 1 ini siap berdasarkan tarikh baharu? Bagaimana pula dengan fasa yang kedua?

Saya sambut baik jawapan Yang Berhormat Menteri pada sesi yang lepas bertarikh 9 Julai 2019 bahawa nilai kontrak Fasa 2 ini setelah dirunding balik telah dikurangkan sebanyak RM700 juta dari RM5.175 bilion ke RM4.475 bilion. Malangnya saya difahamkan bahawa pihak KTMB telah memberitahu bahawa prestasi DMIA untuk Fasa 1 ini adalah sangat-sangat kurang memuaskan dan menimbulkan kesukaran operasi tren kepada KTMB. Antaranya adalah berkaitan kelemahan pengurusan projek, peralatan pembinaan yang tidak lengkap, pembekalan material yang tidak memenuhi standard yang mana rel yang dipasang di sektor Rawang ke Kuang telah di dapati berkarat walaupun belum sampai setahun digunakan.

Ada pandangan daripada perunding bebas di luar sana yang menyatakan kos naik taraf Fasa 2 ini adalah sekitar RM3.11 bilion iaitu penjimatan RM2 bilion daripada kos asal dan sekiranya dikurangkan skop kerja, kos boleh dikurangkan lagi ke RM1.89 bilion, penjimatan tambahan sebanyak RM1.22 bilion. Sekiranya kerajaan teruskan hasrat tender terbuka untuk projek ini yang diumumkan tahun lepas, saya percaya kita mampu gandakan penjimatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir sekali...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Soalan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Bagi saya habis.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: DMIA.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Okey, boleh.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Baru, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan persoalan ini, saya sendiri pernah bangkitkan. Cuma soalannya Yang Berhormat Johor Bahru adakah Yang Berhormat Johor Bahru bersetuju bahawa memandangkan pada waktu ini kontrak telah diteruskan dan apakah cadangan yang boleh Yang Berhormat Johor Bahru lontarkan agar masalah yang berlaku dalam projek KVDT Fasa 1 tidak berulang dalam KVDT Fasa 2? Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya akan masukkan selepas saya sebut contoh yang kedua ini sebab saya rasa ada jalan keluarnya. Terima kasih.

Perkara terakhir Tuan Yang di-Pertua, izinkan. Contoh yang kedua adalah berkaitan salah sebuah syarikat pegangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera ataupun LTAT iaitu Boustead Heavy Industries Corporation Berhad ataupun BHIC. Bagi mereka yang tidak biasa dengan BHIC ini, BHIC adalah anak syarikat Boustead di mana LTAT

memiliki saham majoriti 59.4 peratus yang terlibat dengan projek-projek kejuruteraan terutamanya sektor pertahanan maritim dan udara.

Pada tahun 2011, BHIC melalui Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) telah dianugerahkan kontrak membuat enam buah kapal tempur pesisir pantai ataupun *litoral combat ship* (LCS) dengan nilai kontrak RM9 bilion Tuan Yang di-Pertua. Bila sepatutnya siap? Kita patut terima kapal LCS yang pertama KD Maharajalela pada Mac tahun 2019. Sudah terima? Belum. Bila sepatutnya semua enam kapal ini siap? Tahun 2023.

Jadi, soalan saya apabila kapal pertama sudah lewat, adakah kesemua kapal ini boleh disiapkan tahun 2023? Bolehkah BHIC memberi jaminan bahawa harga kontrak ini tidak dinaikkan? Benar kah ada saya dengar cakap-cakap dalam industri mengatakan bahawa kerajaan bakal terpaksa menyelamatkan projek ini dengan tambahan RM2 bilion lagi. Boleh tanya Menteri yang lepas dalam soal BHIC ini.

Akan tetapi ada satu lagi perkara BHIC ini, saya difahamkan satu *special group internal audit report* telah pun dibuat beberapa tahun yang lalu. Antara penemuan yang mengejutkan ada pembayaran yang dibuat kepada beberapa syarikat, tiga syarikat puluhan juta ringgit tetapi bila disemak kembali syarikat tersebut tidak wujud. Ini yang disebut dalam *special group internal audit report*.

Maka, seperti saranan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, saya ingin mencadangkan kepada Parlimen untuk mengarahkan Ketua Audit Negara masuk buat *forensic report* terhadap projek KVDT dan BHIC. Sebagai merumuskan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, tambahan masa.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Saya ingin mengulangi pendirian iaitu cadangan untuk mengurangkan kebergantungan pekerja asing daripada 15 peratus kepada 10 peratus daripada jumlah tenaga pekerja di Malaysia ini.

Kedua, kita kena rungkai kembali bebanan pinjaman pendidikan, kita perlu kemukakan model pembiayaan pendidikan tinggi yang lebih mampan ataupun *sustainable*.

Ketiga, ketirisan yang kita warisi daripada pentadbiran yang lalu perlu ditangani di semua peringkat. Semak balik semua syarikat-syarikat pegangan kerajaan ini. Kita hendak selamatkan pesara-pesara tentera, kita hendak selamatkan rakyat Malaysia ini. Kalaulah saudara Rafizi masih berada di dalam Dewan ini, *insya-Allah* banyak perkara yang kita boleh rungkaikan. Maka dengan ini Johor Bahru menyokong RUU Perbekalan 2020. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Keningau.

3.06 ptg.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini saya mohon mengalu-alukan kehadiran pelawat kita daripada SMK Desa Tun Hussein Onn, pelajar Tingkatan 3 daripada Parlimen Setiawangsa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya keizinan membahaskan Bajet 2020. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana pembentangan Bajet 2020 yang menarik dan mengandungi beberapa inisiatif untuk membawa Malaysia ke arah ekonomi digital dan Revolusi Perindustrian 4.0.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberikan pandangan mengenai Belanjawan 2020 daripada dua sudut. Pertama daripada sudut Sabah dan Sarawak dan yang kedua daripada sudut rakyat Malaysia amnya.

Dari sudut Sabah dan Sarawak, Bajet 2020 amat mengecewakan kerana bertentangan dan tidak selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Perlembagaan Persekutuan, janji-janji Pakatan Harapan dan aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak dan harus diberi pertimbangan semula. Namun begitu, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memberi Sabah beberapa peruntukan khas untuk menangani beberapa keperluan masalah dari segi pendidikan, pembangunan luar bandar dan sebagainya. Peruntukan RM5.2 bilion untuk pembangunan adalah dialu-alukan.

Akan tetapi kita harus ingat bahawa Sabah dan Sarawak ketinggalan jauh daripada 30 tahun di belakang Malaya dari segi pembangunan dan kemajuan kerana selama 50 tahun Sabah telah diabaikan dan dilucutkan sumber-sumber kewangan mereka dan menjadikan mereka bergantung kepada Kerajaan Pusat dari segi ekonomi, politik dan keselamatan. Kebergantungan ini telah membantutkan keupayaan dan kapasiti kami untuk berkembang maju. Hanya pada baru-baru ini, di bawah Kerajaan PH, kami sangka melihat *the light at the end of the tunnel* tetapi *the light is not bright enough*.

■1510

Jumlah peruntukan RM5.2 bilion merupakan hanya 9.3 peratus daripada peruntukan keseluruhan iaitu RM56 bilion peruntukan pembangunan. Bersama dengan Sarawak, RM4.4 bilion ini hanya merupakan 17.1 peratus sahaja. Ini bermakna

sebahagian besar peruntukan pembangunan ataupun 82.9 peratus adalah bajet pembangunan untuk Malaya. Ini menunjukkan bahawa Sabah dan Sarawak masih lagi dilayan seperti dahulu, bukan seperti rakan kongsi tetapi mempunyai *exploitative relationship* sebagai koloni. Di mana keadilan? Di mana kesaksamaan, *equal partnership* dan di mana *shared prosperity* yang diuar-uarkan? Bilakah kerajaan akan mengambil tindakan untuk menangani ketidakseimbangan wilayah ataupun *regional disparity* di antara Malaya, Sabah dan Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam dua video yang di-*viral*-kan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berucap bahawa Sabah dan Sarawak adalah rakan kongsi sama rata dengan Semenanjung dan tiada Sabah dan Sarawak, tiada Malaysia. Dalam video yang kedua, Yang Berhormat Menteri juga berjanji membayar 20 peratus royalti minyak dan 50 peratus daripada segala kutipan hasil dari Sabah akan dikembalikan. Bukan main hebatnya, tetapi sampai sekarang tiada, *nyarun* kami bilang.

Yang Berhormat Menteri masih lagi melayan Sabah dan Sarawak sama dengan kerajaan yang lalu. Dalam bahasa kami, dua kali lima juga, cakap tidak serupa bikin. Kamu mungkin akan berkata bahawa, "*hell no, we are reviewing and giving you the financial grant under Article 112(c) of the Federal Constitution yang tidak diberi oleh kerajaan yang lalu.*" Akan tetapi bila kita lihat peruntukan yang diberi dalam Bajet 2020, hanya RM53.4 juta sahaja yang diberikan dan bukan seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan. Apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri atau kerajaan sebenarnya hanyalah mengambil angka yang berkuat kuasa pada tahun 1973 dan menggandakannya. Itu sahaja.

Jadi di manakah hasil bersih 40 peratus yang kami selama 56 tahun ini menunggu supaya boleh digunakan untuk membangunkan negeri Sabah dan Sarawak. Bagaimana dengan bayaran tunggakan selama 46 tahun, sejak tahun 1973. Sebelum ini, sebelum PRU 14, Yang Berhormat Penampang dan Yang Berhormat Semporna yang sekarang sudah masing-masing menjadi Menteri Persekutuan dan Ketua Menteri Sabah telah berkata dan berjanji untuk menuntut tunggakan yang dikatakan berjumlah RM1 trilion dan akan menuntut 80 peratus royalti minyak untuk Sabah. Yang Berhormat Sepanggar juga tidak ketinggalan melaungkan bahawa hak Sabah dalam MA63 dan Perlembagaan tidak perlu lagi dikaji-kaji tetapi perlu dilaksanakan dengan serta-merta. Hari ini, di manakah sudah janji-janji ini?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan harus juga ambil perhatian bahawa pada sebelum ini, pada kerajaan telah membayar 40 peratus dalam kajian yang pertama seperti berikut;

- (i) tahun 1965 sebanyak RM4.96 juta;
- (ii) tahun 1966 sebanyak RM8.19 juta;
- (iii) tahun 1967 sebanyak RM13.27 juta; dan
- (iv) tahun 1968 sebanyak RM22.178 juta.

Pada *review* yang pertama 1969, jumlah dasar RM20 juta diambil kira untuk dibayar pada tahun 1969 dan setiap tahun berikutnya ditambah naik sebanyak 7.5 peratus setahun sehingga RM26.7 juta yang dibayar pada tahun 1973. Walaupun *review* mandatori setiap tahun tidak diadakan sejak tahun 1974, amaun pembayaran harus dinaikkan mengikut formula ini iaitu 7.5 peratus setiap tahun sehingga sekarang. Akan tetapi ini tidak dilakukan selama 45 tahun.

Maka itu, kerajaan mempunyai dua pilihan. Satu, membayar seperti mana termaktub dalam Perlembagaan iaitu 40 peratus *net revenue*, tidak payahlah 50 peratus. Hanya *comply with the Constitution* dan berasaskan kepada hasil Sabah, RM37 bilion sehingga RM60 bilion setahun. Jumlah yang perlu dibayar sepatutnya adalah di antara RM15 bilion sehingga RM24 bilion.

Pilihan yang kedua ialah bayar amaun mengikut formula yang telah dipersetujui pada tahun 1969 dengan kenaikan 7.5 peratus setahun. Sekiranya kerajaan memilih yang kedua, kerajaan perlu membayar dua komponen. Komponen pertama ialah komponen pembayaran setiap tahun. Amaun yang dikira sekarang adalah RM799.3 juta untuk tahun 2020 di mana saya sudah membantu mengira jumlah ini daripada RM26.7 juta, naik 7.5 peratus, 45 tahun. Inilah angka yang seharusnya dibayar pada bajet ini, RM799.3 juta. Bukan RM53.4 juta.

Komponen yang kedua adalah tunggakan sebanyak RM9.84 bilion setelah kita tolak pembayaran RM26.7 juta selama 45 tahun. Kedua-dua pilihan tersebut adalah jauh lebih bermakna berbanding pembayaran RM53.4 juta yang tidak mempunyai asas dan tidak mematuhi keperluan Perlembagaan seperti mana dalam Artikel 112(c) dan *review* mandatori Artikel 112(d). Saya kurang pasti sama ada Ketua Menteri Sabah bersetuju dengan angka ini dan tidak ada *review* atau tidak. Akan tetapi sekiranya beliau bersetuju, terpaksa berhadapan untuk memberikan penjelasan kepada rakyat. *So please* Yang Berhormat Menteri Kewangan, *take this as an important information that should be taken into account in this budget.*

Tuan Yang di-Pertua, selain 40 peratus itu, di bawah item satu dan item tiga Bahagian IV, Jadual 10 Perlembagaan Malaysia, Sabah juga berhak menerima segala duti dan eksais ke atas bahan petroleum dan duti eksport juga ke atas petroleum dari Sabah sebagai pengganti royalti minyak berjumlah sepuluh peratus nilai ad valorem.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, duti eksport dan eksais untuk tahun 2020 adalah melebihi RM1 bilion dan duti eksport mengganti sepuluh peratus royalti minyak adalah RM3.2 bilion, berdasarkan anggaran lima peratus CUS *payment* di dalam Bajet Negeri 2019.

■ 1520

Kedua-dua peruntukan Perlembagaan ini sepatutnya diambil kira di dalam Bajet 2020 tetapi tidak diambil kira dan saya tanya kenapa? *Where is the rule of law?* Di mana keadilan?

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada subjek yang lain. Betul kah Malaysia ini hanyalah untuk orang Melayu? Dalam Kongres Maruah Melayu baru-baru ini, inilah laungan yang kita dengar. Maka tidak salah kita bertanya, apakah pendirian rasmi Kerajaan Pakatan Harapan mengenai hal ini? Kalau ini benar, di manakah tempat rakyat Malaysia yang lain? Macam mana pula Sabah dan Sarawak? Nampaknya Malaysia semakin *racist* dan fanatik agama di bawah Malaysia Baharu dan kerajaan hilang kawalan ke atas *racist and religious hates speeches*. *Do you think this is good for Malaysia?*

Maka saya mohon penjelasan daripada kerajaan memandangkan terlalu banyak keluhan di luar sana terutama sekali daripada Sabah. Mereka mengatakan kami rasa terpinggir dan tertindas. Di manakah masa depan kami orang-orang Bumiputera, Orang Asal di Sabah? Sepatutnya yang dilindungi oleh kerajaan dan Yang di-Pertuan Agong sama dengan orang Melayu di dalam Artikel 153, Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan juga bahawa di Semenanjung, ramai juga orang Bumiputera, Orang Asal daripada Sabah dan Sarawak menyumbang kepada ekonomi dan kemakmuran Malaya dan Malaysia. Status dan taraf mereka adalah sama dengan Melayu di bawah Artikel 153, Perlembagaan. Orang-orang Bumiputera Sabah dan Sarawak ini di Malaya harus juga diberi layanan setaraf dengan Bumiputera di sini seperti dalam bidang pelajaran, biasiswa, peluang kerja, jawatan kanan, perumahan awam, lesen perniagaan, taraf kontraktor dan sebagainya untuk mencerminkan status *equal partnership* di antara Sabah dan Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, minta rumuskan Yang Berhormat. Masa telah tamat. Sila rumuskan.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Rumus? Ada lagi sedikit. Saya ingin menyentuh tentang isu pas yang dicadangkan oleh kerajaan iaitu pas sementara Sabah. Ini kerana walaupun kita menghormati hak asasi manusia, tak kan kita membelakangkan

undang-undang kita dan kedaulatan negara kita juga sensitiviti penduduk tempatan demi orang asing, pelarian daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, *the rule of law must apply*. Apa rasionalnya memberi keutamaan yang pas sementara kepada warga Filipina sedangkan kerajaan mereka bersedia menerima dan memberikan dokumen kepada pemegang IAM13, kad burung-burung dan kad banci yang tidak mempunyai dokumen. Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur menghantar pasukan konsulatnya di Sabah setiap dua tiga bulan untuk memberikan perkhidmatan pembuatan pasport, pemberian dokumen-dokumen dan sebagainya untuk rakyatnya.

Beberapa hari ini mereka telah datang ke Sabah, di Kota Kinabalu dan kehadirannya membanjiri *venue* itu tersebut membuktikan warga Filipina menyambut baik tindakan ini. Kenapa dan apa motif pemberian pas sementara yang memberi warga asing ini keizinan dan kebebasan tinggal di Sabah selama tiga tahun dan boleh dilanjutkan setiap tiga tahun. Kenapa bukan tiga bulan? Kenapa bukan 12 bulan?

Tindakan pemberian PSS untuk warga asing ini juga tidak masuk akal kerana membelakangkan rakyat Malaysia dari Semenanjung, dari Sarawak di Sabah. Pemegang PSS akan diberi kebebasan berada di Sabah untuk tiga tahun dan hanya boleh dilanjutkan. Manakala warga Malaysia daripada Semenanjung, daripada Sarawak hanya boleh dan dibenarkan berada di Sabah selama tiga bulan sahaja dan sebelum tamat perlu balik. Jadi di manakah tumpuan dan keutamaan serta keprihatinan kerajaan terhadap warga Malaysia di negara ini? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menambah sedikit tentang isu minyak subsidi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat Yang Berhormat.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Bolehkah? Ini dari segi minyak ini sepatutnya subsidi minyak ini bukan sahaja dikenakan kepada mereka yang tertentu yang RM10, RM30 tetapi janganlah membebankan rakyat, menarik balik subsidi yang lain kepada rakyat yang tidak tergolong di dalam RM10 dan RM20 itu.

Saya juga harap kerajaan akan mempertimbangkan semula untuk memastikan janji mereka untuk harga khas minyak diesel di Sabah ini RM1.50 seliter kerana di Sabah dan Sarawak adalah pengeluar terbesar gas dan petroleum di Malaysia. Kelantan dan Terengganu juga pengeluar minyak juga harus diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan saya ingin mengatakan bajet yang ada di dalam 2020 ini adalah walaupun progresif tetapi tidak dapat menangani masalah MLA63 dan Perlembagaan Persekutuan. Layanan terhadap Sabah dan Sarawak masih sama

seperti dahulu dan pendekatan baru iaitu melalui *equal partnership* dan *shared prosperity* juga tidak memberikan kesan positif kepada Sabah dan Sarawak. Ada pula *unequal partnership, loop sided development dan shared misery* kerana penyakit ketuanan Malaya dan politik agama dan bangsa juga merebak kepada tanah Sabah.

Jadi saya harap kerajaan akan mengambil iktibar daripada maklum balas ini dan menyemak semula keperluan kita di Sabah dan Sarawak. Sepatutnya berasaskan kepada pendekatan baru iaitu *shared prosperity, rule of law* dan juga memastikan keseimbangan dari segi peruntukan pembangunan. Kenapa 82.9 peratus untuk Malaya dan Sabah dan Sarawak hanya 17 peratus. Kenapa bukan 30 peratus kepada Sabah dan Sarawak. Mungkin 40 peratus dulu untuk Semenanjung. Bilamana kita sudah seimbang, barulah kita buat keputusan mengikut keadaan semasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Keningau. Difahamkan Yang Berhormat Keningau akan ambil *flight* cepat. Jadi semoga *safe flight*. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Lanang. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Bintulu yang hendak minta *flight* awal juga. Silakan Yang Berhormat Lanang.

3.28 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2020. Saya akan menggunakan Peraturan 37(1) supaya tiada celahan dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyentuh isu tiket penerbangan dari Semenanjung ke Sibu yang terlalu tinggi pada musim perayaan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kerana telah melaksanakan inisiatif yang baik dengan mengadakan penerbangan tambahan ke Sabah dan Sarawak tetapi harga tiket masih terlalu tinggi dan ini amat dirasai terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah untuk pulang ke kampung mereka.

Pada awal tahun 2019, Air Asia melalui rundingan dengan Menteri Pengangkutan telah memperkenalkan tiket kadar tetap untuk penerbangan tengah malam. Ini berjaya membantu orang ramai menikmati tambang yang lebih murah untuk mereka pulang ke kampung.

Walau bagaimanapun, saya juga mencadangkan agar Yang Berhormat Menteri mencadangkan kepada syarikat penerbangan yang lain untuk melakukan perkara yang sama seperti mana Air Asia. Saya juga meminta supaya Air Asia dapat mengadakan

lebih banyak lagi tiket kadar tetap bagi penerbangan biasa dan bukan hanya bagi penerbangan waktu tengah malam sahaja.

Saya berharap supaya tiket kadar tetap diadakan pada waktu biasa pada harga yang kompetitif supaya orang yang tidak dapat terbang pada tengah malam boleh memilih waktu biasa.

■1530

Kita perlu ingat bahawa sesetengah daripada mereka bukan sahaja kembali ke Sibu tetapi juga ke kawasan seperti Kapit, Sarikei, Kanowit, Julau dan sebagainya yang tidak mempunyai banyak pilihan penerbangan.

Untuk membendung keadaan yang sedemikian, saya mencadangkan supaya mempunyai lebih banyak penerbangan dengan harga yang tetap atau jika boleh dilakukan kesemua tiket penerbangan dijual pada harga tetap.

Kita sedar bahawa semasa musim perayaan, kesemua penerbangan pada kebiasaannya akan penuh. Jadi kenapa tidak menjual tiket penerbangan pada harga yang tetap agar semua orang mendapat peluang yang sama untuk membeli tiket penerbangan yang kompetitif.

Seterusnya saya mencadangkan supaya memberi keutamaan tiket pada harga tetap berdasarkan kumpulan bersasar yang berbeza, di mana peratusan tertentu kepada pelajar dan peratusan selebihnya kepada kumpulan B40.

Saya juga berharap agar tiket penerbangan *MAS Wings* juga mengadakan tiket kadar tetap terutamanya pada musim perayaan, memandangkan rakyat Sarawak tidak mempunyai pilihan untuk laluan RAS. Selain itu, pada bulan Ogos tahun ini MAVCOM telah meluluskan laluan penerbangan langsung Sibu-Singapura tiga kali seminggu. Akan tetapi setakat ini tiada tindakan atau rancangan selanjutnya. Apakah status perkembangan mengenai perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, *Personal Protective Equipment* (PPE) adalah sangat penting di setiap industri yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau dikenali *Occupational Safety and Health* (OSH). Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) telah melaksanakan banyak program kesedaran mengenai kepentingan penggunaan PPE di setiap organisasi.

Usaha ini telah berjaya di kalangan organisasi MNC dan GLC kerana mereka telah menyedari kepentingan penggunaan PPE dan telah meningkatkan penggunaan PPE. Sebagai hasilnya, mereka dapat melihat penambahbaikan yang ketara di bidang OSH di organisasi mereka. Walau bagaimanapun, ia tidak sama dengan syarikat-

syarikat SME dan mikro. Organisasi yang kecil masih lagi tidak menyedari kepentingan penggunaan PPE dan akibatnya mereka masih kurang menggunakannya.

Kebanyakan PPE dihasilkan di luar negara seperti Amerika Syarikat, Jerman, China dan Korea. Kos PPE yang berkualiti tinggi boleh mencecah dari ratusan hingga ribuan Ringgit. Topi dan kasut keselamatan boleh mencecah sehingga RM2,000. Alat bantuan pernafasan atau respirator yang banyak digunakan di industri berasaskan kimia atau bahan beracun boleh mencapai harga dari RM200.00 sehingga puluhan ribu Ringgit Malaysia. Jadi, kita boleh melihat bahawa kos untuk membeli PPE adalah sangat mahal. Ini mungkin salah satu sebab bagi organisasi yang lebih kecil untuk tidak menggunakan PPE.

Untuk membendung masalah ini, saya ingin mengemukakan dua cadangan kepada pihak Kementerian Kewangan. Cadangan pertama, adalah untuk memperkenalkan insentif percukaian berganda, *double taxation incentive* kepada majikan yang membelanjakan sejumlah wang peruntukan untuk membeli peralatan PPE, dan cadangan kedua, ialah tiada cukai dan SST yang dikenakan untuk bahan PPE yang diimport supaya harga PPE yang diimport lebih murah. Ini akan menggalakkan majikan terutamanya mereka yang kurang berkemampuan seperti dari kumpulan industri kecil dan sederhana, untuk menyediakan bajet PPE kepada pekerja mereka yang kerja di bahagian yang berisiko.

Tuan Yang di-Pertua, statistik NIOSH menunjukkan bahawa peserta wanita di kursus NIOSH secara puratanya hanya di dalam lingkungan lapan hingga sembilan peratus setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa bilangan wanita dalam bidang OSH sangat kurang. Ramai yang masih mempunyai persepsi bahawa OSH adalah bidang dominan lelaki. Walau bagaimanapun, mereka gagal melihat bahawa terdapat juga wanita yang berkhidmat sebagai pegawai keselamatan di sesetengah organisasi. Saya menyokong usaha kerajaan melalui insentif wanita kerja di bawah inisiatif Malaysia@Kerja. Ini adalah antara usaha terbaik yang diperkenalkan bagi menggalakkan wanita terlibat dalam perkembangan ekonomi negara.

Pada masa yang sama, saya juga ingin menggalakkan wanita untuk memainkan peranan yang penting di dalam aspek OSH kerana keselamatan dan kesihatan tidak mengenal jantina.

Saya sebagai Pengerusi NIOSH akan mengambil inisiatif untuk menambah bilangan pekerja di kalangan wanita pada masa akan datang. Kami akan menggalakkan dan menarik lebih ramai wanita untuk menyertai kursus OSH dan sasaran saya ialah 15 peratus untuk jangka pendek dan 30 peratus dalam jangka panjang.

Usaha ini secara langsung akan memberikan wanita peluang kerjaya dalam bidang OSH. Saya berharap kerajaan juga boleh bergabung tangan bersama NIOSH untuk mewujudkan kesedaran di kalangan wanita dan juga melatih lebih banyak wanita untuk menceburi bidang OSH...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Menyampuk]*

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, Sabah dan Sarawak memerlukan lebih ramai tenaga pengajar bagi membantu sektor industri berisiko tinggi seperti minyak dan gas, perusahaan petrokimia, industri pembinaan, kelapa sawit dan banyak lagi terutamanya di bidang OSH. Walau bagaimanapun, tenaga pengajar OSH yang terlibat sebagai pakar perunding bersekutu NIOSH hanyalah 120 orang iaitu 14 peratus di Sarawak dan 85 orang iaitu 10 peratus di Sabah. Menjelang tahun 2020, saya berharap Sabah dan Sarawak akan terdiri daripada 30 peratus secara keseluruhannya.

Pakar ini amat diperlukan bagi membantu industri di Sabah dan Sarawak dalam mematuhi keperluan perundangan. Usaha ini memerlukan sokongan dari semua pihak termasuk kerajaan negeri. Sesungguhnya inisiatif NIOSH ini akan dapat mengurangkan kos yang ditanggung oleh majikan dalam memastikan keperluan pematuhan perundangan dan sasaran mengurangkan kemalangan di tempat kerja secara tidak langsung akan dapat melancarkan pertumbuhan ekonomi di Sabah dan Sarawak.

Dalam Belanjawan 2020, Menteri Kewangan telah membentangkan sebanyak RM5.9 bilion untuk program TVET dan saya mengalu-alukannya. Saya berharap NIOSH juga dapat memanfaatkan sebahagian daripada peruntukan ini. Sejak tahun lepas, NIOSH telah bekerjasama dengan pelbagai Institusi TVET untuk melatih pelajar dari jurusan TVET dengan Program Persijilan Profesional bagi menambah nilai sijil kemahiran mereka.

Inisiatif OSH *For Future Workers* yang diperkenalkan khususnya kepada pelajar TVET dan Institusi Pengajian Tinggi telah mendapat sambutan yang baik. Lebih daripada 5,000 orang pelajar dari seluruh Malaysia telah mengikuti program ini. Kami yakin dengan sijil kompetensi profesional OSH yang dipadankan dengan sijil kemahiran dan diploma yang mereka ada, akan menambah peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu, pihak kerajaan juga telah memperuntukkan dana khususnya untuk latihan. Oleh itu, saya meminta supaya kerajaan untuk mempertimbangkan NIOSH sebagai pelatih yang mahir kerana kami telah membuktikan rekod yang baik setakat ini dalam latihan dan juga telah menyediakan tenaga kerja yang berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, Industri Pembinaan dan Pembaikan Kapal, *Ship Building and Ship Repair di Malaysia* memberi peluang kerja kepada 15,000 orang. Pada tahap tahun 2018, industri ini menjana pendapatan hampir RM7 bilion dengan nilai eksport sebanyak RM1.29 bilion berbanding nilai eksport sebanyak RM1.08 bilion pada tahun 2017, iaitu peningkatan sebanyak 20 peratus. Secara purata, sebanyak 265 buah kapal baharu dibina setiap tahun di Malaysia.

Terdapat 100 buah limbungan kapal di Malaysia di mana 72 peratus iaitu 72 buah adalah terletak di Sarawak. Sibu adalah lokasi terbesar industri ini dengan penglibatan 42 buah syarikat. Di Sibu, industri ini telah diterokai sejak tahun 1930 lagi. Kawasan utama industri ini di Sibu terletak di Sungai Bidut, Sungai Maaw iaitu 18 syarikat, Rantau Panjang 17 syarikat, Salim atau Stabau empat syarikat, dan Sungai Merah tiga syarikat. Kini, Sibu adalah dianggap sebagai nadi ataupun pusat pembinaan dan pembaikan kapal negara. Industri ini memberi peluang pekerjaan kepada 2,000 orang di Sibu.

Limbungan kapal di Sibu berupaya membina kapal-kapal daripada jenis kapal bekalan, kapal barangan, kapal penumpang, feri, bot tunda, kraf pendaratan sehingga kapal pengorek. Kapal-kapal buatan Sibu telah dieksport ke lebih 30 buah negara di rantau ASEAN, Timur Tengah, Afrika malah ke Eropah dan Amerika. Akan tetapi, banyak isu dan cabaran yang dihadapi oleh mereka. Kini, polisi Perkapalan Indonesia yang melindungi pemain industri tempatan untuk menggalakkan pembuatan kapal di Indonesia, telah mengurangkan eksport kapal ke pasaran paling besar tersebut untuk Sibu dan Sarawak amnya.

Saya mencadangkan supaya industri pembinaan dan pembaikan kapal di Sarawak perlu dijadikan industri pembuatan dan perkhidmatan teras untuk diberi keutamaan dibangunkan dan dikembangkan terutama di kawasan Sibu.

Kerajaan melalui MIDA perlu meletakkan industri ini sebagai *promoted industry* di Sarawak dan dengan itu layak mendapat insentif tambahan atau baru terutama bagi pembesaran limbungan dan perniagaan.

Selain itu, mereka juga menghadapi cabaran kekurangan bantuan kewangan akibat pasaran industri perkapalan global yang lemah, sehingga 85 peratus input industri iaitu bahan mentah, enjin, peralatan dan komponen adalah diimport. Oleh itu, mereka sentiasa terdedah kepada ketidakpastian bekalan dan perubahan turun naik mata wang.

Saya mencadangkan supaya bantuan kewangan melalui pinjaman mudah dengan kadar faedah yang rendah diberikan kepada mereka. Mereka juga mempunyai isu kekurangan tenaga kerja terlatih tempatan. Mereka terpaksa bergantung kepada pekerja luar terutama dari Indonesia. Tambahan pula, kekurangan penggunaan

teknologi, sistem dan proses pembinaan kapal yang terbaru tidak dapat dimanfaatkan bagi mengurangkan kos kerana kekurangan modal dan kepakaran terkini.

Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan memberi bantuan latihan teknikal kepada dan kemahiran bagi meningkatkan skim modal insan tempatan bagi mengambil alih atau mengganti pekerja mahir luar negara. Kerajaan juga boleh memberi insentif bagi penggunaan teknologi sistem dan proses baru dan terkini dalam industri pembinaan dan pembaikan kapal.

Cabaran lain seperti penempatan semula limbungan kapal termasuk bagi tujuan pembesaran tapak dari Sungai Bidor dan Rantau Panjang di Sibu ke Tanjong Manis di Mukah meningkatkan kos operasi terutama logistik.

■1540

Pembinaan jambatan sungai yang terendah terutama di Igan dan Lebaan menghalang pembinaan kapal-kapal yang lebih besar. Oleh itu saya juga menyeru supaya kerajaan negeri dan tempatan membuka dan memperuntukkan kawasan-kawasan baru yang lebih luas untuk penempatan industri pembinaan dan pembaikan kapal di Sibu dan Sarawak secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, pelabuhan Bintulu merupakan satu-satunya pelabuhan gas asli cecair, *liquefied natural gas* (LNG) yang terkemuka di dunia. Ia telah beroperasi sejak 1983 dan mempunyai kemudahan seperti LNG dan bukan LNG serta terminal kontena yang telah meningkat berkali ganda. Walau bagaimanapun, rantau ini telah menjadi lebih berdaya saing dan Bintulu perlu menarik perhatian menerusi industri yang menambah nilai. Oleh sebab Bintulu mempunyai kawasan lapang tambahan untuk dikembangkan, kita perlu mempunyai strategi ke arah pembangunan yang berbeza untuk menarik perhatian industri bernilai tinggi termasuk *upstream and downstream* dari segi LNG. Kita mesti mula mengeksport perkhidmatan nilai tambah untuk LNG dan untuk ini kita memerlukan dana bagi industri ini supaya kita dapat menarik pelabur yang tepat.

Untuk merealisasikan ini, saya ingin mencadangkan bahawa Bintulu diwartakan sebagai zon bebas dalam bidang kuasa Akta Zon Bebas 1990. Terdapat banyak zon bebas di Semenanjung, namun tidak ada satu pun pelabuhan zon bebas yang berintegriti di Sarawak. Kita dapat melihat dengan jelas bagaimana Singapura telah berkembang pesat dengan zon bebas mereka. Pelabuhan Kelang juga telah melakukannya, begitu juga dengan Pulau Pinang dan Johor. Negeri-negeri ini kini beroperasi sebagai pelabuhan zon bebas yang mampu menarik pelabur-pelabur antarabangsa melabur. Pelabur mengiktiraf kemudahan yang terdapat di zon bebas terutamanya kemudahan seperti mengurangkan formaliti kastam. Saya percaya zon

bebas telah berjaya membantu meningkatkan pembangunan ekonomi di negeri-negeri ini.

Sarawak perlu berusaha untuk bersaing dengan segala perubahan ekonomi yang diperlukan pada masa ini. Zon bebas mencerminkan gaya baru yang beralih dari pembangunan zon pemprosesan eksport klasik ke zon pendekatan pembangunan *multisector*. Saya amat yakin jika ini dapat dilakukan, operasi di pelabuhan di Bintulu akan dapat ditingkatkan dan kita dapat mencapai lebih banyak peluang pada masa yang akan datang. Saya ingin tekankan di sini bahawa zon bebas juga diangkat sebagai tunjang untuk meningkatkan kemahiran teknologi. Dengan menjadikan Bintulu sebagai zon bebas, ia akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Bintulu secara khususnya dan rakyat di Sarawak secara umumnya. Ia juga akan meningkatkan aktiviti perdagangan di Intra-Sarawak antara Sabah-Sarawak, Sarawak Borneo dan Sarawak-Semenanjung Malaysia.

Kita juga perlu memberi tumpuan kepada perkhidmatan penghantaran yang seimbang di antara import dan eksport ke Sarawak. Pada masa ini, terdapat ketidakseimbangan di antara import dan eksport. Oleh itu, kos logistik untuk bahan yang diimport ke Sarawak menjadi lebih mahal. Kira-kira sebanyak 50 peratus hingga 60 peratus kontena yang diimport perlu dihantar semula dari pelabuhan Sarawak. Sekiranya kita dibenarkan menyimpan kontena-kontena ini, kadar pengimportan akan menjadi lebih murah.

Rakyat Sarawak akan menikmati produk yang lebih murah disebabkan kos logistik yang lebih murah. Pada masa yang sama, Pelabuhan Bintulu boleh menarik lebih banyak panggilan langsung (*direct calls*) dari pelabuhan-pelabuhan antarabangsa yang lain. Ia juga mampu menjadikan *hub transshipment* (alih muatan) di mana rakyat Sarawak boleh mendapat manfaat daripadanya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan semasa Belanjawan 2020 bahawa, sebanyak RM55 juta telah diperuntukkan untuk menyokong infrastruktur Taman Perindustrian Samalaju di Sarawak. Oleh itu, Bintulu sebagai zon bebas akan terus membangunkan industri Samalaju sambil memajukan projek ini. Jadi, saya mengalu-alukan pengumuman belanjawan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya percaya dengan Pelabuhan Bintulu sebagai zon perdagangan bebas, ia akan membawa banyak kesan positif dari segi sosioekonomi kepada Bintulu dan Sarawak.

Dengan itu saya menyokong Belanjawan 2020, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lanang

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya *confuse* ini, sebab apa tadi selepas Yang Berhormat Keningau sepatutnya Yang Berhormat Paya Besar. Selepas itu berpusing sana kemudian balik *mari* ke Yang Berhormat Grik atau Arau, tetapi nampaknya Yang Berhormat bagi sebelah sana, jadi giliran kami macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya dapat kerana ada permintaan. Mereka ada *flight*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya pun ada *flight* pada pukul 6.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak mengapa, ini kawasan Perlis sahaja. Baik terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *The only flight to Alor Setar today.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah pun ada *flight* juga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: So, saya hendak tanya macam mana kedudukannya sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya, macam mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Macam mana kedudukan kami sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada ruang masa lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan, bukan. Masalahnya kami ada hal negara yang besar juga. Jadi, hendak kena tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sama, sama yang lain sama juga. Keputusan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi giliran itu jangan dihilangkan. Boleh ambil *next flight*. Macam saya Alor Setar tidak boleh lagi, sekarang kena balik dengan kereta sudah. So, sekarang saya hendak tanya macam mana penggiliran berterusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, saya sedang mengaturkan giliran yang terbaik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi ini bermakna sekejap lagi selepas Barisan Nasional, Barisan Nasional lah untuk balik ke kuota awal.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada *possibility* tidak mengapa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua tidak boleh pusing-pusing dunia itu baru balik ke kami.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami 58 buah kerusi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, faham. Saya jemput Yang Berhormat Bintulu, selaku Ketua Parti Progresif Demokratik, silakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas tentang atas Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dalam kerajaan yang baharu iaitu Kerajaan Pakatan Harapan yang sudah memerintah selama setahun lima bulan lebih. Di dalam masa pemerintahan, pada mulanya rakyat sungguh gembira fasal Kerajaan PH memberitahu Malaysia Baharu, Harapan Baharu. Setiap hari rakyat mengharap. Akhirnya, rakyat berasa sengsara, kesusahan kerana semua barang naik harga. Kerajaan PH beritahu rakyat GST dihapuskan semua harga akan diturunkan. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan hapuskan GST, SST adalah cukai termurah. *If we compare GST and SST*, harga barang di bawah SST lebih tinggi daripada harga barang di bawah GST.

Yang Berhormat Menteri Kewangan tolonglah perjelaskan kenapa menyatakan cukai SST adalah termurah. Rakyat mahu tahu kenapa akhir sekali rakyat ditipu. Rakyat minta saya tolong tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, mengapa Yang Berhormat Menteri Kewangan suka buat pengumuman tetapi di bawah cerita lain. Inilah Menteri Kewangan memang kadang-kadang syok sendiri. Inilah kongkalikung punya. *[Dewan tepuk]*

Di dalam masa PH baharu perintah, cerita pada umum negara hutang trilion, negara sudah mahu bankrap. PH tubuh tabung untuk kutip derma untuk bayaran hutang negara. Akan tetapi, PH sudah memerintah lebih 500 hari. Sehingga kini, dunia dan bank-bank tempatan telah mengesahkan negara tidak bankrap. Ini kerana Kerajaan Pakatan Harapan sudah berjaya menjual bon lebih dari 87.8 bilion, sebanyak RM80.5 bilion dalam bon tempatan dan sebanyak RM7.8 bilion bon samurai.

Bertanya kepada Menteri Kewangan, sebanyak RM87.8 bilion ke mana dan juga membayar hutang. Telah bayar hutang apa? Kenapa sehingga hari ini tidak nampak hutang negara dikurangkan atau turun. Hutang negara pada zaman pemerintahan kerajaan yang lepas sebanyak RM686.8 bilion, namun semenjak PH ambil alih Putrajaya, hutang negara melonjak kepada RM810 bilion. Saya ingin bertanya kepada

Menteri Kewangan, semenjak Kerajaan PH memerintah, hutang negara telah lebih sebanyak RM124 bilion.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mahu lajulah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mahu laju. Sahabat saya Yang Berhormat Bintulu, kerajaan baharu telah menjarah duit daripada Petronas, telah jual harta-harta dalam negara, telah memungut derma daripada orang awam, kononnya mahu bayar hutang, tetapi hutang meningkat. Ini bermakna hutang tidak dibayar, duit itu pergi mana agak-agaknya?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itulah, ambil ucapan Yang Berhormat Kinabatangan sebagai sebahagian daripada ucapan saya, nanti dia jawablah. Itu pun nanti saya pun ada tanya. Ke mana semua duit itu, memohon Menteri Kewangan untuk memberi *details* setiap bayaran hutang yang telah dibayar. Ini membuktikan negara ini tidak bankrap, negara kita masih sihat dan berdaya saing serta mampu untuk membayar bon di luar negara dan bon tempatan.

Ini jelas terbukti apabila negara Jepun masih boleh memberi bon samurai sebanyak RM7.3 bilion daripada Malaysia dan Yang Berhormat Menteri Kewangan juga pernah menyebut bahawa kerajaan masih menanti tambahan bon samurai dan bon panda.

■1550

Jadi, apa sahaja yang mereka katakan selama ini adalah tuduhan liar semata-mata dan langsung tidak berasas. Mereka sudah menipu seluruh rakyat Malaysia dan menyebarkan fitnah serta hasutan kepada rakyat untuk membenci kerajaan dahulu sahaja, kepada penderma-penderma terutama sekali kepada penderma-penderma Tabung Harapan. Mana itu wang sudah pergi juga?

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apa tujuan kita memohon dari negara luar? Jawapannya sangat mudah. Yang Berhormat Menteri Kewangan selalu kata negara membayarkan hutang yang sangat tinggi, jadi bon ini akan digunakan untuk menabung bayaran hutang negara. Akan tetapi, apa terjadi sekarang adalah langsung tidak masuk akal. Hutang negara pada zaman pemerintahan kerajaan yang lepas ialah sebanyak RM686.8 bilion.

Namun, semenjak Pakatan Harapan ambil alih Putrajaya, hutang negara melonjak kepada RM810 bilion. Ini menunjukkan dalam masa kerajaan yang lepas itu dalam 60 tahun, hutang setiap tahun *average* purata RM11 bilion. Kerajaan Pakatan Harapan membina binaan hutang negara sebanyak RM124 bilion dalam setahun lima

bulan, bermakna purata RM7.5 bilion setiap bulan. Rakyat kata inilah memang Pakatan Harapan hebat tetapi mesti mahu minta dijelaskan kenapa begitu banyak wang dipinjam, negara masih lagi dalam kesusahan.

Rakyat memohon Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberi butiran yang lengkap mengenai jumlah hutang keseluruhan negara dan hutang yang manakah yang telah dilangsaikan oleh kerajaan dan membayar menggunakan bon. Saya memohon maklumat lengkap ini diberikan kepada keseluruhan rakyat Malaysia. Kalau wang itu tidak digunakan untuk bayar hutang, mana itu wang pergi? Tolong beri laporan yang lengkap. Rakyat cukup sedih Kerajaan Pakatan Harapan selalu gunakan cerita mengenai korupsi, salah guna kuasa dan hutang bertrilion lalu mereka memohon pinjam bon daripada Jepun dan China serta contoh, mereka jual habis aset-aset strategik milik negara seperti yang berlaku di Khazanah Nasional dan Tabung Haji dengan alasan untuk mengurangkan hutang negara. Kerajaan dahulu cari aset-aset pun begitu susah, Pakatan Harapan hari ini jual aset dengan senang-lenang. Rakyat kata Kerajaan Pakatan Harapan yang membuat hutang dan menjual semua aset negara tetapi ekonomi masih lagi turun merosot.

Justeru, saya memohon Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk menyenaraikan kesemua aset strategik yang telah dijual, dijual kepada siapa dan berapa nilai jualannya? Adakah penjualan aset ini menerusi tender atau tidak? Kalau tidak, tolong jelaskan kenapa tidak. Tolonglah kemukakan jawapan dengan jelas kepada kami kerana rakyat yang hendak tahu siapa yang mengambil alih semua aset ini. Semua aset telah jual, mana semua wang pun pergi?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak melahirkan rasa sedih kerana masih banyak lagi bantuan ke Sarawak yang kita masih belum dapat. *Please don't give 1001 reasons to us Sarawakian.* Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa Bajet 2020 ini, Sarawak mendapat peruntukan tertinggi berbanding dalam bajet yang lepas. Tolong jangan bercakap hanya untuk mengambil hati kami dan jangan anggap bajet ini sebagai halwa mata dan telinga kami. Saya mahu beritahu Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak perlu sampai jauh mana. Sebagai Yang Berhormat Menteri Kewangan kena faham atas peruntukan Artikel 112(d) Perlembagaan Persekutuan mengenai *special grant to Sabah and Sarawak.*

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri Kewangan, Kerajaan Persekutuan telah menjelaskan cuma RM16 juta geran khas tersebut semenjak tahun 1969. Saya akui Yang Berhormat Menteri Kewangan memperuntukkan *provision special grant* dua

kali ganda dari bajet yang lepas bersamaan RM32 juta, namun Sarawak adalah negeri terbesar di Malaysia. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan selaku akauntan, dari tahun 1963 sehingga kini berapa hutang Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri berdasarkan Artikel 112 Perlembagaan Persekutuan mengenai *special grant to Sabah and Sarawak*? Biarlah Kerajaan Persekutuan membayar balik hutang tersebut kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Kerajaan Negeri Sarawak sudah banyak kali cukai eksport minyak dan gas kepada semua syarikat minyak yang menjalankan kerja berkaitan petroleum dalam negeri kami. Semua syarikat lain telah membayar cukai tersebut. Namun sedihnya hanya Petronas sahaja yang masih gagal membayar cukai tersebut. Walaupun dimaklumkan bahawa mereka mempunyai peruntukan untuk bayaran tersebut, tetapi masih menunggu lampu hijau dari Kerajaan Persekutuan. Apa ini? Ini hak rakyat Negeri Sarawak. Kenapa kamu masih lagi menghalang hak kami? Rakyat persoalkan hak-hak ini mustahak untuk Sarawak. *This is for our living and development especially to upgrade our infrastructure needs. We demanded an immediate action from Federal government.* Jangan aniaya kami orang Sarawak.

Pemimpin Pakatan Harapan di Sarawak hendak bayar begitu susah tetapi kali ini hendak *politicize* kata peruntukan yang paling besar sudah beri kepada Sarawak. Tolonglah, saya harap pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan di Sarawak tolonglah buat analisis, kita orang Sarawak mestilah lawan untuk hak Sarawak. Walaupun sudah menjadi Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri dalam Kerajaan Pakatan Harapan, jangan lupa diri sendiri. Mestilah lawan untuk hak-hak negeri Sarawak. Kalau kali ini Kerajaan Persekutuan begitu susah bagi keadilan bajet kepada Sabah dan Sarawak terutamanya Sarawak, Petronas sudah hisap ataupun sedut seberapa banyak *oil and gas* daripada negeri Sarawak. Saya mohon cadang untuk keadilan Sarawak, saya ingin mencadangkan kerajaan negeri meningkatkan cukai eksport minyak dan gas kepada 10 peratus hingga 15 peratus untuk membela nasib rakyat Sarawak dan membangunkan negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sentuh Kementerian Kesihatan. Saya telah sudah cari sebuah daerah di Spaoh dan juga berapa kali saya sudah persoalkan isu ini. Di kawasan ini sudah ada populasi seramai 30,000 orang. Saya minta Klinik Kesihatan Spaoh di naik taraf menjadi klinik desa ataupun hospital daerah Spaoh. Ramai orang dan hari-hari pesakit tunggu begitu lama. Satu MA ratio 75 pesakit. Inilah peralatan-peralatan di kawasan klinik kesihatan pun banyak kurang. Saya hendak minta ini, bilalah ataupun ada cadangan kah hendak naik taraf peralatan di Klinik Kesihatan Spaoh?

■1600

Bagi Hospital Bintulu pula, perlulah menambahkan peralatan dan kemudahan hospital serta menaik taraf peralatan dan kemudahan yang lama. Adakah kementerian mempunyai cadangan untuk menaik taraf *expansion* Hospital Bintulu? Ini kerana Hospital Bintulu merupakan hospital yang strategik perlulah menampung penduduk-penduduk daripada Belaga, Hulu Rajang atau kawasan Bintulu. Boleh tambah lagi kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tambah sedikit lagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tambah sedikit ya. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sentuh tentang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenai isu subsidi ini. Tahun ini saya faham dalam Belanjawan 2020 ada sediakan RM170 juta. Saya terima banyak aduan daripada rumah panjang ataupun kawasan luar bandar ada kuota sebulan ialah 20 ribu liter untuk diesel. Akan tetapi, sudah satu tahun hingga sekarang baru hantar 600 liter. Mana agen minyak pergi? Tiap-tiap bulan ada 20 ribu sekarang sudah berapa bulan. Tidak akan 10 bulan baru hantar 600 liter. Mana lain-lain? Siapa sudah minum ini?

Tong gas juga, banyak tempat tong gas sepatutnya mahu bagi 100 tong sebulan tetapi baru dua tong sampai. Mana ini tong-tong pergi? Siapa lagi ataupun mana satu hantu sudah makan habis ini tong gas? Ini lah rakyat di kawasan luar bandar cukup sedih fasal Timbalan Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hari-hari cerita dia jaga kepentingan luar bandar dan juga dia memastikan ini akan dihantar sampai pos-pos ataupun stesen-stesen sampai hari ini, tetapi apa pun tidak sampai. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaslah habis-habisan. Siapa dapat ini kontrak? Ini kontrak saya difahamkan semua *kawtim* mana-mana agensi ada terlibat dalam penguat kuasa, semua orang ada *share*. Adakah ini berlaku atau tidak?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sila menggulung.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, saya menggulung. Saya harap dia faham daripada Sarawak, dia hari-hari kata Sarawak luar bandar begitu susah. Janganlah dibiarkan, jangan pakai mulut atau turut melalui media ataupun sosial media,

politicize – kita punya hebat tetapi hujung-hujung rakyat mati kudasai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya giliran. Sebab kami dah *miss* dua kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau. Sabar menanti. Sabar itu keimanan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan soal sabar. Soalnya, saya terpaksa menunggu dah dua hari. Saya tahu saya dipermainkan dengan hebatnya. *No problem*. Akan tetapi, tunaikan janji. Saya tahu memang PH selalu mungkir janji.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Janji akan sentiasa ditunaikan Yang Berhormat Arau. Sabar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, tidak apa. Saya harap Tuan Yang di-Pertua tunaikan janji sebab Tuan Yang di-Pertua bukan menentang Sultan Selangor kan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila duduk. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau selepas itu Yang Berhormat Kimanis dan Yang Berhormat Paya Besar. Sila.

4.03 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya dapat menyertai perbahasan Belanjawan 2020. Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan ada membentangkan MDEC diamanahkan untuk melatih usahawan mikro digital dan pakar teknologi bagi memanfaatkan *e-marketplaces* dan platform media sosial dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Soalan saya untuk jawapan kementerian - Menteri Kewangan adalah, adakah ini mencukupi dan beberapa usahawan PKS...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kuorum tidak berapa cukup lah.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: ...yang disasarkan. Apakah kriteria untuk memilih PKS untuk menikmati peruntukan ini? Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan juga membentangkan sebanyak RM738 juta untuk RISDA dan FELCRA untuk melaksanakan pelbagai program penjana pendapatan yang akan memberi manfaat kepada 300 ribu pekebun kecil RISDA dan RM100 ribu berserta FELCRA...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 13, nampak Dewan kita ini tidak cukup kuorum jadi minta buat *ruling*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bunyikan loceng. Sila. Yang Berhormat Tebrau sila duduk sekejap. Bunyikan loceng satu minit. Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di luar sila masuk ke Dewan.

[Loceng dibunyikan]

[Ahli-ahli dikira; lebih 26 ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya menyambung. Jadi saya minta Menteri yang berkenaan untuk memberi penjelasan apa program-program yang sedang dan telah dirancang? Adakah program-program yang disediakan terbukti akan merealisasikan matlamat yang disasarkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu kajian semula Akta Kerja 1955 bagi memastikan akta tersebut kekal relevan dengan keperluan pasaran tenaga kerja semasa, adalah baik secara amnya dalam perkara mempertambah baikkan pengendalian aduan gangguan seksual dan pemantapan peruntukan berkaitan larangan diskriminasi dalam pekerjaan contohnya agama, kaum dan jantina.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha ini tetapi pada masa yang sama saya bimbang peningkatan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari dan memanjangkan kelayakan bayaran lebih masa daripada RM2,000 kepada RM4,000 sebulan akan membebankan majikan jika pertumbuhan ekonomi tidak ketara. Harap Menteri boleh meyakinkan kesemua majikan dalam perkara ini.

Ada mekanisme perlindungan sosial pekerja akan bertambah baik dengan memperluaskan KWSP dan PERKESO bagi membolehkan caruman oleh mereka yang bekerja sendiri. Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengalu-alukan usaha ini kerana selalunya orang yang paling memerlukan perlindungan daripada kemalangan atau kehilangan mata pencarian tidak ada KWSP dan PERKESO. Justeru itu, usaha kerajaan dalam perkara ini harus dipuji.

Dalam Belanjawan 2020, terdapat sebanyak RM783 juta untuk membaik pulih sekolah daif di Sabah dan Sarawak.

■1610

Saya ingin tahu macam mana dengan sekolah-sekolah daif di Semenanjung yang berusia 25 tahun ke atas. Banyak kemudahan tidak mencukupi dan rosak.

Dalam perkara lain, saya dapati ada RM23 juta untuk memastikan sekolah mempunyai kemudahan mesra OKU untuk mencapai sasaran penolakan sifar, dengan izin *zero reject*. Saya minta Menteri yang berkenaan untuk menyenaraikan sekolah-sekolah yang diutamakan untuk mendapatkan kemudahan ini sebab RM23 juta kelihatan sebagai satu angka yang kecil.

Dalam Belanjawan 2020, didapati juga RM5.9 bilion bagi program TVET bagi tujuan pembangunan modal insan yang amat diperlukan, oleh sebab ramai pemuda khususnya lelaki kurang berminat mengikuti pendidikan yang fokus kepada akademik. Jadi saya berharap kursus-kursus yang disediakan memenuhi keperluan pasaran dan juga tahap belajar seperti kecekapan untuk membaca dan menulis kerana ada ramai yang hanya ada pendidikan hingga darjah enam sahaja.

Sekiranya kursus disediakan tidak memerlukan peperiksaan, akan menarik lebih ramai pemuda-pemuda bukan Melayu untuk menyertai program TVET. Macam mana dengan pemuda-pemuda yang tiada dokumen kad pengenalan tetapi hanya ada sijil kelahiran? Bolehkah mereka ini diberi peluang untuk menyertai program TVET? Saya amat berharap mereka ini dapat dipertimbangkan untuk mengurangkan permasalahan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan menyokong agensi kebajikan dan NGO amat dihargai. Saya memohon Menteri Kewangan memberi maklumat lanjut dalam perkara-perkara di bawah. Macam mana RM575 juta yang disediakan akan memanfaatkan 137,000 warga emas dengan pendapatan isi rumah di bawah garis kemiskinan. Terdapat ramai warga emas yang menumpang kediaman dengan saudara mara atau anak mereka. Jika pendapatan kasar diguna pakai untuk perkiraan kemiskinan, ini akan menjejaskan mereka yang anak mereka masih menampung kos pendidikan anak-anak mereka. Saya berharap *disposable income* dengan izin akan diguna pakai untuk buat perkiraan paras kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati juga RM10 juta diperuntukkan kepada MaGIC dan RM10 juta kepada MySafe bagi menyokong Pertubuhan Perusahaan Sosial untuk membantu meningkatkan kesejahteraan sosial ekonomi dalam membina komuniti adalah satu usaha yang baik. Akan tetapi saya hendak tanya, adakah kerajaan sedia

untuk membantu dan menggalakkan lebih banyak *social enterprise* dengan izin ditubuhkan untuk menjana pendapatan bagi masyarakat OKU.

Dalam belanjawan, saya dapati ada RM30.6 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan dan di antara semua program yang dirancang adalah memperuntukkan RM59 juta untuk menambah bilangan ambulans melalui kerjasama dengan perkhidmatan ambulans NGO. Saya memang mengalu-alukan usaha ini. Akan tetapi saya mendapati semua NGO yang memberikan perkhidmatan ambulans, mereka menghadapi satu kekangan iaitu mereka tiada *paramedic team* dengan izin. Itu akan menghalang atau mengehadkan perkhidmatan mereka untuk membantu Kementerian Kesihatan. Jadi saya berharap Kementerian Kesihatan akan ambil perhatian dalam perkara ini untuk kerjasama dengan perkhidmatan ambulans NGO ini untuk menyediakan lebih banyak lagi *paramedic team*.

Saya juga mendapati dalam belanjawan, komitmen kerajaan untuk memperuntukkan RM85 juta untuk melancarkan aliran trafik kenderaan melalui CIQ JB dan *second link*. Ini adalah satu usaha yang saya amat hargai. Saya dengan ini memohon Menteri yang berkenaan untuk mengumumkan atau mengemukakan jadual pelaksanaan dan tarikh dijangka akan siap supaya 300,000 rakyat yang berulang-alik ke Singapura tahu jadual itu dan akan bersabar apabila kerja-kerja menaik taraf dijalankan.

Di Belanjawan 2020, didapati ada satu skim *Rent to Own* untuk pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500,000 yang akan membantu mereka yang tidak mampu membayar deposit 10 peratus dan sukar mendapatkan akses pinjaman bank. Saya mengalu-alukan usaha ini juga tetapi saya memohon pencerahan daripada Menteri Kewangan. Jika seorang telah menyewa tetapi tidak menerima tawaran untuk membeli rumah itu selepas lima tahun, adakah rumah itu akan menjadi pemilikan bank yang membeli daripada pemaju bagi tujuan menyewa kepada pembeli? Kalau ini adalah kenyataan akan jadi pemilik bank, ini bermakna bank kemungkinan akan memiliki banyak rumah demikian.

Lagi satu usaha oleh kerajaan adalah menurunkan nilai ambang bagi kondominium dan pangsapuri di kawasan bandar daripada RM1 juta kepada RM600,000 pada tahun 2020 untuk pemilikan asing. Ini adalah satu langkah yang baik bagi mengurangkan lambakan kondominium dan pangsapuri yang tidak terjual.

Tuan Yang di-Pertua, jika kesemua lambakan dapat dijual, maka RM8.3 bilion wang asing akan mengalir masuk ke pasaran tempatan dan duit ini akan memacu ekonomi negara kita.

Saya mengalu-alukan peruntukan RM5 juta untuk Jawatankuasa Pilihan Khas tetapi mengapa tidak ada peruntukan tambahan untuk PAC untuk memperkasakan perjalanan tugas mereka seperti peruntukan untuk buat *site visit* dan sediakan *locker* dengan izin untuk Ahli-ahli PAC untuk menyimpan fail-fail dan dokumen-dokumen penyiasatan.

■1620

Saya juga ingin memohon Menteri Kewangan untuk memberikan maklumat lanjut bagaimana Jabatan Kastam Diraja Malaysia boleh mendaftarkan kesemua pembekal perkhidmatan asing supaya mereka membayar cukai perkhidmatan digital?

Akhir sekali, usaha kerajaan untuk mengurangkan jumlah cabutan khas yang dibuat oleh operator nombor ramalan dari 11 kali kepada lapan kali adalah tidak mencukupi. Pada pendapat saya, saya ingin bercadang semua operator nombor ramalan menggunakan satu sahaja ramalan nombor untuk membantu mereka yang membeli nombor ramalan tidak perlu membeli nombor yang sama di semua operator. Jadi, dengan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong Belanjawan 2020. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kimanis.

4.21 ptg.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta di dalam perbahasan ke atas ucapan Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab menjamin pembangunan fiskal dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat negeri Sabah, terutama sekali dari segi ekonomi, keselamatan dan juga taraf kehidupan.

Harus diingatkan bahawa salah satu daripada sebab kenapa rakyat Sabah ingin untuk bersama-sama membentuk Malaysia dahulu, adalah disebabkan janji Almarhum Tunku Abdul Rahman di mana beliau telah menjanjikan bahawa Sabah dan Sarawak jikalau bersama-sama membentuk Malaysia akan mendapat pembangunan yang sama dan selari dengan Malaya. Namun, sehingga kini, janji terus lubuk tersebut belum dapat

dilaksanakan sepenuhnya. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada peruntukan Belanjawan 2020, di mana peruntukan perbelanjaan pembangunan boleh dikatakan sebagai antara yang tertinggi buat masa ini dengan peruntukan Sabah sebanyak RM5.2 bilion dan Sarawak sebanyak RM4.4 bilion.

Memang tidak dinafikan bahawa secara dasarnya dilihat seolah-olah Belanjawan 2020 ini mengutamakan pembangunan Sabah dan Sarawak, namun, adakah ia selaras dengan pendapatan Kerajaan Persekutuan melalui hasil sumber asli dari kedua-dua negeri ini? Apakah yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum PRU dahulu dengan hanya lebih kurang 17.4 peratus sahaja daripada perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk negeri Sabah dan juga Sarawak. Sekiranya perbelanjaan Kerajaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak kekal pada kadar sebegini, maka rakyat Sabah dan Sarawak tidak mungkin merasai penunaian janji Almarhum Tunku Abdul Rahman Al-Haj.

Kita semua sedia maklum, bahawa menurut MA63 Sabah berhak ke atas 40 peratus daripada hasil yang diperolehi Kerajaan Persekutuan di Sabah. Bagaimana pula dengan 10 peratus daripada hasil minyak dan gas seperti yang termaktub di dalam Jadual 10, Perlembagaan Persekutuan? Ini juga tidak ditunaikan. Adakah kita tidak menghormati Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian MA63? Meskipun, Kerajaan Sabah dan Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan jumlah lima peratus pada tahun 1976, jumlah ini sudah tidak adil pada zaman sekarang. Jika kita mengambil kira kadar inflasi dan kos harga barangan pada masa kini, bagaimanakah pembangunan fiskal dapat dilaksanakan dengan hanya lima peratus daripada hasil minyak sedangkan Sabah adalah pengeluar minyak yang terbesar di Malaysia?

Kita juga tahu bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengutip jumlah cukai yang tertinggi iaitu RM137.035 bilion. Tidakkah Sabah dapat diberikan apa yang telah dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan? Jika selama ini Yang Berhormat Menteri Kewangan bercakap bahawa Kerajaan Persekutuan sememangnya hendak membayar apa yang tertunggak kepada Kerajaan Sabah, tetapi kewangan semasa tidak mengizinkan. Semestinya jumlah kutipan cukai yang tinggi baru-baru ini telah mengubah situasi kewangan Kerajaan Persekutuan seperti yang telah terbukti dalam Belanjawan 2020 yang telah pun dibentangkan oleh beliau. Untuk itu, saya ingin sekali lagi mendapatkan kepastian dari Menteri Kewangan, bilakah Kerajaan Persekutuan dapat memulakan bayaran apa yang tertunggak oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Sabah?

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya masih ingat lagi Yang Berhormat Menteri Kewangan pernah berjanji bahawa 50 peratus oleh hasil cukai pendapatan Kerajaan Persekutuan daripada Kerajaan Sabah akan dikembalikan. Bukan 40 peratus seperti yang rakyat Sabah minta, tetapi lebih lagi beliau berjanji dan kembalikan 50 peratus. Namun, itu pun belum lagi terlaksana. Kita minta 40 peratus, Tuan Yang di-Pertua, dia *tie* pergi 50 peratus. Akan tetapi, sehingga hari ini, habuk pun kita tidak nampak.

Sebenarnya kami rakyat di Sabah, akan gembira dengan pengambilan 40 peratus hak kami. Namun, dilihat dengan pembentangan Belanjawan 2020, ini pun tidak menampakkan perkara ini. Inikan pula janji manis Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberikan 50 peratus dulu atau adakah ia satu penipuan lagi kepada rakyat Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu cadangan kepada Menteri Kewangan. Adakah boleh atau tidak, apa kiranya Kerajaan Sabah mengutip sendiri hasil serta cukai seperti yang telah termaktub di dalam Perlembagaan dan Sabah akan mengambil 40 peratus, manakala 60 peratus diberikan kepada Kerajaan Persekutuan? Kalau Menteri Kewangan bijak, saya percaya dia akan mengambil iktibar daripada cadangan saya ini. Saya tidak tahu kalau Ahli Yang Berhormat Kinabatangan dan Ahli Yang Berhormat Putatan bersetuju dengan cadangan ini?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Setuju Yang Berhormat Kimanis.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih. Ini perasaan orang-orang Sabah, Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam perbahasan Parlimen kali ini dan sebelumnya, hampir semua Ahli Parlimen Sabah mengutarakan perasaan yang seolah-olah rakyat Sabah ini dianaktirikan dan tidak diambil kira tentang keadaan kita dari segi ekonomi, keselamatan dan taraf hidup.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cuma, Yang Berhormat Kimanis, saya tidak tahulah Yang Berhormat Batu Sapi dan Yang Berhormat Silam bersetuju kah atau tidak.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kimanis, sedikit sahaja boleh *tak*?

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Tunggu, tunggu. Saya juga ingin bertanya dengan Yang Berhormat Batu Sapi dan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mereka tidak sokong ini, yang sokong Arau sahaja.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Terima kasih juga Yang Berhormat Arau, tetapi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, tetapi Arau bercadang...

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Saya percaya oleh sebab Ahli Parlimen Batu Sapi teragak-agak untuk menyokong fasal nanti bos marah kerana menyokong hal-hal seumpama ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kimanis, sedikit sahaja ya?

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Ya, ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ingin mencadangkan supaya minyak yang diambil daripada kawasan, Sabah mengikut undang-undang supaya 60 *percent* diberikan balik kepada Kerajaan Sabah, bukan 40 *percent*, tetapi 60 *percent*. Akan tetapi, minyak yang duduk dalam kawasan Federal, dibagi mengikut apa yang telah dijanjikan. Oleh sebab kita tahu bahawa dalam rang undang-undang tanah di Malaysia, di Semenanjung daripada *shoreline to* tiga batu nautika ialah hak *state*. Tiga batu nautika ke atas ialah hak *Federal*. Di Sabah, Sarawak 10 batu nautika. Jadi, adakah Yang Berhormat Kimanis mahu cadang yang duduk di dalam kawasan Sabah 60:40? Kita tahu Pengerusi Petronas yang buat perjanjian dengan negeri-negeri ada di sini iaitu Yang Berhormat Gua Musang.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Saya setuju dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Arau. Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat Arau juga berperasaan sedemikian, saya berasal daripada Sabah dan juga rakan-rakan daripada Sabah – biarpun mungkin berbeza ideologi politik, tetapi kita merasai bahawa kita telah pun diketepikan.

■ 1630

Tuan Yang di-Pertua, janganlah dibiarkan rakyat Sabah terus merasakan kekecewaan dan di anak tiri kan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa apa-apa penyelesaian. Tuan Yang di-Pertua, sudah 56 tahun. 56 tahun Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun belum sapa 56 tahun masih muda lagi. Berlalu namun rakyat Sabah masih menunggu apa yang telah dijanjikan dan merupakan hak rakyat Sabah. Kami adalah orang yang sangat penyabar Tuan Yang di-Pertua sama juga dengan Tuan Yang di-Pertua dan janganlah uji kesabaran kami ke tahap maksimum.

Para pemimpin yang mengasaskan MA63 dan membentuk Malaysia dahulu telah pun telah meninggal kita tanpa hasil usaha dan penilaian janji mereka kepada rakyat Sabah. Sehingga kini visi serta janji mereka belum terlaksana lagi. Ini merupakan satu pengkhianatan terbesar kepada mereka dan juga rakyat Sabah secara menyeluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir jangan sampai anak-anak Sabah turun ke jalan-jalan raya untuk menuntut hak-hak mereka. Tuan Yang di-Pertua ini bukan satu ugutan. Bukan satu ugutan bahawa kemungkinan besar sekiranya kita diketepikan juga maka pada suatu hari kelak anak-anak Sabah juga macam juga Bersih di Semenanjung akan turun di jalan-jalan raya.

Malaysia adalah negara kita bersama jadi seharusnya apa yang telah dijanjikan harus dilaksanakan Sabah menuntut keadilan ini. Soalan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, berapa peratusan projek di Sabah di dalam Belanjawan 2016 yang telah dilaksanakan? Apakah projek-projek di Sabah belum terlaksana di dalam Belanjawan 2019 dan adakah projek yang belum dilaksanakan tersebut akan diteruskan di dalam Belanjawan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang isu data Jabatan Statistik Malaysia dan isu Pendatang Tanpa Izin. Menurut Jabatan Statistik Malaysia, jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2019 dianggarkan sebanyak 32.6 juta orang. Daripada jumlah itu, 29.4 juta orang ataupun 9.2 peratus adalah warga negara dan meningkat kepada 29.1 juta kepada pada tahun 2018.

Soalan pertama saya, bagaimanakah kadar kesuburan jumlah ataupun *the fatality rate* yang menurun ini memberikan kesan kepada jumlah penduduk Malaysia serta demografi komposisi penduduk? Soalan kedua saya, di bawah Kerajaan Pakatan Harapan berapakah jumlah kewarganegaraan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara terutama sekali oleh Jabatan Pendaftaran di Sabah dan daripada jumlah kewarganegaraan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara apakah pecahan mengikut negara asal terutamanya dari negara China dan Filipina?

Seterusnya, izinkan saya menyentuh isu Pendatang Tanpa Izin yang kian hari menjadi lebih rumit untuk diselesaikan terutama sekali di Sabah. Saya akui bahawa sememangnya tidak mudah untuk isu Pendatang Tanpa Izin ini diselesaikan apatah lagi yang melibatkan hubungan kita dengan negara luar serta isu-isu hak asasi manusia.

Namun sedemikian, kita minta Kerajaan Persekutuan agar lebih teliti serta memberi keutamaan mencari jalan penyelesaian kepada isu ini. Pemberian pas-pas baharu tidak kiralah apa nama yang diberikan sekali pun hanya merumitkan lagi keadaan dengan memberikan alasan agar pendatang-pendatang tanpa izin ini untuk

terus menetap di Sabah tanpa menzahirkan hasrat untuk kembali ke negara asal mereka. Jangan sampai Tuan Yang di-Pertua anak cucu kami menjadi pendatang di negeri sendiri. Suatu hari nanti disebabkan populasi Pendatang Tanpa Izin ini kalau sekiranya tidak dikawal dan melebihi populasi penduduk tempatan. Dengan izin *god forbid our children may have a country, but not a home. What I mean by that* Tuan Yang di-Pertua bahawa kita mempunyai negara Malaysia kemungkinan Sabah akan hilang.

Sekiranya ini berlaku dan kita mempunyai kuasa termasuk kuasa menentukan ke mana hasil minyak dan gas kita digunakan maka tanpa hasil daripada Sabah dan Sarawak saya kurang pasti Yang Berhormat Arau kurang pasti kalau Yang Berhormat Arau setuju dengan saya kemungkinan besar beberapa negeri di Semenanjung boleh mufliis tanpa menerima hasil daripada Sabah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau setuju, Arau setuju.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau Tuan Yang di-Pertua memang bijak. Dia tahu dalam keadaan sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat Arau dan jangan sampai ada di antara pengundi tidak tahu berbahasa Malaysia Tuan Yang di-Pertua namun dapat menentukan arah tuju negara kita di masa hadapan.

Ahli-ahli Dewan yang berasal di Semenanjung jangan anggap ini adalah masalah yang dihadapi oleh rakyat Sabah sahaja kerana senario ini juga akan membawa kerugian pada negeri-negeri di Semenanjung. Soalan saya, apakah langkah untuk mengehadkan pas baharu yang diberikan ini dan bagaimanakah pemberian pas-pas ini dapat menyelesaikan masalah Pendatang Tanpa Izin negara terutama sekali di Sabah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh bagi jalan sedikit Yang Berhormat? Yang Berhormat Kimanis, masalah yang kita hadapi, kita ada pemimpin-pemimpin dari Sabah dalam Kerajaan Pakatan Harapan. Akan tetapi, mereka seolah-olah tidak menyuarakan masalah ini, jadi, apakah pandangan Yang Berhormat berhubung masalah sebegini?

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Kinabatangan, itu adalah satu-satunya fakta kenapa kita tidak dapat menyelesaikan masalah kita sehingga 56 tahun. Sehingga sekarang ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah duduk oleh sebab keselesaan kedudukan mereka dan tanpa mengambil kira keadaan rakyat kita dan saya berucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan biarpun masa dahulu dalam Barisan Nasional sering mengutarakan kepentingan-kepentingan rakyat Sabah. Saya harap Yang Berhormat Kinabatangan akan jadi satu contoh kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Saya juga mengalu-alukan MP Putatan orang yang muda dan saya percaya dia juga cinta kepada rakyat Malaysia dan cinta kepada rakyat negeri Sabah dan mudah-mudahan sama-sama kita biarpun berbilang perbezaan ideologi politik terimalah kita sama-sama mempertahankan hak-hak rakyat Sabah demi untuk masa hadapan anak cucu cicit kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Saya menggulung. Jadi, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang mulia ini, seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada laporan daripada *Reuters* yang telah menyatakan bahawa India telah berhenti membeli minyak kelapa sawit bagi menghantarkan bulan November dan Disember tahun ini daripada Malaysia kerana terdapat khabar peningkatan cukai import terhadap minyak kelapa sawit daripada Malaysia yang dilaksanakan oleh Kerajaan India.

Saya satu ketika dahulu Tuan Yang di-Pertua pernah menjadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Komoditi selama dua penggal dan saya tahu keadaan cara macam mana kita hendak mengatasi masalah seumpama ini. Soalan saya, apakah kesan kepada harga serta stok kelapa sawit negara sekiranya perkara ini berlaku dan apakah langkah penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi menyelesaikan masalah ini. Sebab ia melibatkan beratus ribu rakyat Malaysia yang mengharapkan kelapa sawit ini menjadi satu Komoditi yang membawa kepentingan mereka. Apakah pihak kerajaan akan menggunakan penyelesaian secara diplomatik? dan apakah hubungan diplomatik antara negara kita dengan India masih lagi kukuh seperti dahulu?

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan mengingatkan Kerajaan Pakatan Harapan betapa pentingnya hubungan diplomatik negara kita dengan negara-negara luar dikukuhkan dan apabila kita tidak mengambil penyelesaian secara diplomatik dan tidak mengukuhkan hubungan diplomatik kita dengan negara luar maka rakyat kita akan menerima kesannya. Dengan izin *there no trade without diplomatic relation*.

Sekian ucapan saya dan saya mengucapkan terima kasih ke atas peluang perbahasan rang undang-undang pembekalan 2020 pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar. Selepas itu, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Masjid Tanah. Selepas itu Yang Berhormat Arau.

■ 1640

4.40 ptg

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi ruang dan peluang untuk turut serta membahaskan Bajet 2020 yang telah dibentangkan tempoh hari oleh Yang Berhormat Bagan. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita sedia maklum, populasi negara kita makin hari makin meningkat walaupun terdapat banyak dakwaan dan kajian-kajian *imperial* yang menyatakan bahawasanya kadar kelahiran negara kita agak berkurang kalau dibandingkan dengan tahun 70-an, tahun 80-an yang menjadikan jumlah populasi negara kita pada hari ini adalah 31.97 juta orang. Tetapi apa yang saya ingin memberi tumpuan dalam perbahasan kali ini adalah, adakah Bajet 2020 ini menunjukkan sifat kepada populasi sebenar negara kita.

Kerana apa Tuan Yang di-Pertua, daripada 31.97 juta, anak muda yang berumur 40 tahun ke bawah melibatkan jumlah 21.46 juta, lebih kurang 67 peratus. Jadi saya lihat Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Dewan yang mulia ini Bajet 2020 langsung tidak memberi tumpuan kepada anak muda. Kerana apa, kerana anak muda di luar sana amat memerlukan sebuah dasar, amat memerlukan sebuah polisi dan inisiatif yang memberi tumpuan kepada anak muda. Bajet 2020 merupakan titik mula untuk pembentukan sebuah rancangan Malaysia yang baru iaitu Rancangan Malaysia Ke-12. Tetapi yang amat mengecewakan Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2020 ini langsung tidak memberi perhatian kepada 67 peratus anak-anak muda di Malaysia.

Saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lakukan pada hari ini, kita mesti memahami bagaimana konsep ekonomi yang sebenar seperti mana yang telah diperkenalkan oleh Profesor Ekonomi Klasikal Profesor yang mempunyai kepakaran ekonomi, Prof. RM Solo pada tahun 1997 mengatakan jika kita ingin meningkatkan *our* GDP, KDNK kita ke satu tahap yang lebih tinggi, maknanya kita mesti memberi tumpuan kepada tiga perkara. Perkara pertama berkaitan dengan tenaga buruh, perkara kedua yang melibatkan persediaan modal kapital dan perkara yang ketiga iaitu produktiviti. Akan tetapi apabila perkara pertama sudah tidak dipenuhi iaitu populasi 67 peratus, saya yakin itu sebab *our* GDP, *our national* GDP jatuh kepada tahap 4 daripada 5.7 peratus.

Saya yakin kalau ini berterusan, bajet yang menjadi titik mula kepada Rancangan Malaysia Ke-12 akan merencatkan pertumbuhan seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi untuk melakukan suatu wawasan yang baru

menggantikan Wawasan 2020. Saya agak kecewa Tuan Yang di-Pertua, apabila melihat bagaimana dasar-dasar dibuat, dasar-dasar yang ingin memberi tumpuan kepada ekonomi digital tetapi ekonomi digital ini seolah-olahnya hanya dimomokkan dengan perkara-perkara yang cantik tetapi sebenarnya ia tidak sampai ke akar umbi. Bajet 2020 bukan satu inklusif, hanya tertumpu kepada pembekal seperti mana yang telah dinyatakan oleh Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita berhadapan dengan suatu keadaan anak muda dihimpit, anak muda begitu terkesan, anak muda begitu keliru dengan apa yang berlaku. Anak muda bukan zaman anak muda dahulu Tuan Yang di-Pertua. Anak muda hari ini merupakan anak muda yang telah dihasilkan oleh Falsafah Pendidikan Negara. Anak muda yang kritikal, anak muda yang mempunyai pengetahuan melebihi generasi terdahulu.

Kenapa anak muda alah anak muda yang tergolong dalam kumpulan milenia. Apabila saya sebutkan perkara ini, anak muda bertanya kepada saya, anak muda juga telah menyatakan komen-komen mereka di media sosial. Hari ini kerajaan menyalahkan bagaimana *tension world trade* di antara Amerika dan China. Ada juga faktor *brexit* dimasukkan dalam tinjauan ekonomi 2020 untuk mencari alasan kenapa *our* GDP berada di tahap 4 *series*. Bukan seperti mana pentadbiran Barisan Nasional tempoh hari dalam keadaan 5 *series*.

Tuan Yang di-Pertua, BMW 5 *series* dengan BMW 4 *series*. Itu sebabnya saya yakin dan percaya anak muda bertanya kepada saya, bagaimana papan bursa di Nikkei Japan, bagaimana di JCI Indonesia, Set 50 di Thailand, STI di Singapura, KOSPI di *South Korea*, Australia ASX 200. Mereka tahu dan yakin bahawasanya berlaku penurunan mata pada tahun 2018. Tetapi apakah jawapan pihak kerajaan apabila anak muda membangkitkan fakta-fakta yang sudah pastinya menunjukkan tidak ada alasan yang munasabah kenapa negara kita ada kejatuhan dari segi mata di peringkat bursa saham. Kita tahu *Kuala Lumpur Composite Index* melibatkan 30 *company* yang dinilai supaya sama ada melihat sama ada papar bursa kita naik atau turun.

Saya hendak baca Tuan Yang di-Pertua, tahun 2016 kepada tahun 2017 berlaku penambahan mata akhir September 10,303 mata yang melibatkan penambahan pelaburan sebanyak RM16 bilion. Saya juga yakin 2017 kepada 2018, ada sedikit penambahan RM10 bilion dengan catatan kenaikan mata 37.57. Akan tetapi yang menghairankan saya Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Dewan yang mulia ini mengapa 2018, 2019 seperti mana yang telah diletakkan dalam Buku Tinjauan Ekonomi 2020

bahawasanya akhir September 2018 kita mencatat mata di bawah FBMKLCI 1,793.15 mata jatuh 209.24 mata yang menyebabkan kerugian negara sebanyak RM161.8 bilion.

Kalau ini yang kita sifatkan sebagai, ini kerana perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dengan China. Ada juga yang saya sebutkan tadi *brexite factor*. Tetapi saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, kenapa Nikkei Japan meningkat pada tahun 2019 daripada 2014 kepada 21,798, kenapa Thailand meningkat kepada 1,091, kenapa Singapore meningkat kepada 3,134, kenapa South Korea meningkat kepada 2,082, kenapa Australia juga meningkat kepada 6,736. Tidak ada alasan kenapa saya Tuan Yang di-Pertua jumpa ramai kawan-kawan saya yang berkhidmat dalam bank-bank dunia seperti JP Morgan. Apa kata mereka kepada saya dan mereka minta saya sampaikan di Dewan yang mulia, keadaan sekarang ini adalah *foreign investment*, *foreign investor* takut dengan polisi-polisi yang telah dinyatakan oleh Kerajaan PH, kerajaan hari ini, polisi-polisi yang tidak jelas.

Mereka pergi kepada perkara-perkara yang kosmetik, mereka bermain angka tetapi fundamental struktur tidak dibetulkan dan ini semua akan merosakkan apa yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya, dalam Dewan yang mulia ini banyak membincangkan tentang strategi-strategi Pakatan Harapan atau Pakatan Rakyat dahulu-dahulu kala.

Masihkah ahli Dewan yang mulia ini ingat bagaimana seorang Ahli Parlimen telah mencadangkan supaya kerajaan memperuntukkan RM6 bilion supaya memberi pendidikan percuma kepada anak-anak Malaysia, anak-anak muda dijanjikan dengan pendidikan percuma. Hapus PTPTN, hanya memerlukan RM2 bilion setahun. Hapus yuran supaya yuran universiti percuma melibatkan RM791 juta, bagi elaun sara hidup RM5 ribu seorang melibatkan RM2.75 bilion dan Tabung Pinjaman IPTS sebanyak RM450 juta. Jumlah setahun hanya diperlukan untuk RM6 bilion.

Itu sebabnya saya beritahu kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua dan anak-anak muda di luar sana, apabila kita bercakap, kita mesti mengota apa janji kita. Kerajaan hanya perlukan RM6 bilion. Kalau RM6 bilion ini telah dicatatkan dalam formula-formula yang begitu sehingga mempengaruhi anak-anak muda pada PRU yang lepas, kenapa tidak laksanakan. Kalau lah ada peningkatan kapital daripada RM6 bilion lebih kurang 20 peratus, kita hanya memerlukan lebih kurang penambahan RM1.2 bilion menjadikan RM7.2 bilion.

■1650

Akan tetapi, sudah ada kuasa untuk membentuk kerajaan, sudah ada kuasa untuk lakukan sesuatu perkara tetapi kenapa kerajaan hari ini tidak melakukan perkara

tersebut? Saya hendak beritahu, apakah kesilapan *Budget 2020*? Kalau betul-betul Kerajaan Pakatan Harapan ini adalah bajet untuk anak muda, laksanakan pendidikan percuma, kerana apa? *Malaysia@Kerja* melibatkan RM6.5 bilion lebih RM500 juta daripada yang diperlukan pada perkiraan awal RM6 bilion. *eWallet*, RM450 juta. Program Sarapan Percuma melibatkan RM1.67 bilion. Total semua Tuan Yang di-Pertua, RM8.15 bilion.

Kalau betul kerajaan hari ini sayangkan anak muda kerana kerajaan telah mengubah umur 18 tahun, memberi ruang kepada anak muda untuk buat keputusan, tolong anak muda di luar sana berikan pendidikan percuma. Hanya RM7.2 bilion dengan peningkatan 20 peratus daripada formula Ahli Parlimen tempoh hari. Itu sebabnya saya yakin Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sayangkan kepada anak muda, 67 peratus anak muda di luar sana, kita tidak akan abaikan pembangunan belia, Tuan Yang di-Pertua.

Saya amat kecewa Tuan Yang di-Pertua, apabila Majlis Belia Malaysia langsung tidak ada nama dalam Bajet 2020. Majlis Belia Malaysia sudah termaktub dalam Akta 668. Perkara 49(1), Majlis Belia Malaysia ialah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan. Mana nama Majlis Belia Malaysia dalam peruntukan yang disebut dalam perkara RM138 juta hanya diberikan kepada Kelab Pemuda, YPC dan MFLS. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, kalau MBM ini sudah termaktub dalam rang undang-undang, MBM ini telah *governed by* Akta 668 tetapi kita serahkan kepada YPC. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Bagan, adakah Yang Berhormat Bagan bersetuju supaya Hari Belia 2020 nanti, ucapan daripada wakil belia datang daripada YPC bukan datang daripada Majlis Belia Malaysia? Sejarah telah membuktikan, Yang Berhormat Bagan. Sejarah telah membuktikan bahawasanya Majlis Belia Malaysia ini adalah institusi yang mencadangkan supaya bahagian belia di bawah Jabatan Kebudayaan ketika itu diangkat menjadi sebuah kementerian. Jangan lupa jasa anak-anak dan pemimpin-pemimpin belia di seluruh negara.

Saya juga agak hairan Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini mendapat tepukan yang amat tinggi, amat riuh apabila Yang Berhormat Bagan umumkan bahawasanya RM8 bilion diperuntukkan untuk ekonomi agenda memperkasakan bumiputera. Akan tetapi, adakah kita lupa bahawasanya tahun 2019, RM7.8 bilion telah diperuntukkan untuk memperkasakan agenda bumiputera? Hanya peningkatan lebih kurang lima peratus. Akan tetapi yang paling mengecewakan saya Tuan Yang di-Pertua, kenapa hanya kontrak-kontrak di kementerian-kementerian diletakkan hanya 30 peratus sasaran. Tuan Yang di-Pertua, dalam pentadbiran kerajaan terdahulu, kita tidak pernah meletakkan hanya 30 peratus. Saya yakin dan percaya, sepatutnya kontrak-kontrak di

kementerian-kementerian diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Dahulunya Tuan Yang di-Pertua, 80 peratus. Jangan bagi peningkatan lima peratus tetapi kita kurangkan daripada 80 peratus kepada 30 peratus. Kita kurangkan 50 peratus hak kontraktor bumiputera dalam Bajet 2020.

Ini sebenarnya satu penghinaan yang cukup besar. Ini sebenarnya akan melumpuhkan kegiatan usahawan-usahawan muda, kerana apa? Dalam bajet hari ini Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada latihan kemahiran pertanian dipotong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Bangun]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya bagi selepas ini. Pembangunan Komuniti dipotong, Pembangunan Belia dan Sukan dipotong, Majlis Sukan Negara dipotong, Institut Sukan Negara dipotong, Pembangunan Kemahiran Belia dipotong, PR1MA untuk rumah anak-anak muda dipotong, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda juga dipotong. Apa lagi yang tinggal Tuan Yang di-Pertua untuk anak muda? Itulah sebabnya anak muda di luar sana agak rasa resah dan gelisah kerana anak muda bukan sahaja berada di bandar, Tuan Yang di-Pertua. Anak muda berada di seluruh pelosok negara. Anak muda memerlukan sebuah dasar, sebuah bajet yang menyokong anak-anak muda yang seramai 67 peratus. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tak bagi pun?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bagilah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Setuju kah Yang Berhormat Paya Besar jika anak-anak muda ini dilatih menjadi usahawan? Walhal mereka apabila menjadi usahawan, mereka boleh mencari kehidupan yang lebih baik dan bukan hanya makan gaji. Ini kerana makan gaji ini pendapatannya adalah terhad. Akan tetapi, peruntukan Kementerian Pembangunan Usahawan baru lebih kurang RM500 juta sahaja. Peruntukan yang terlalu amat kecil jika kita bandingkan dengan kementerian-kementerian lain. Bererti, hasrat kerajaan untuk membentuk anak muda menjadi usahawan itu adalah suatu yang hanya omong-omong sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat Paya Besar?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menggulung sekali Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Itu sebabnya saya sifatkan Bajet 2020 ini sebagai satu bajet kosmetik, bajet yang hanya nampak cantik. Tuan Yang di-Pertua ada *Facebook*. *Instagram* ada Tuan Yang di-Pertua? Di dalam gambar *Facebook* dan *Instagram* ini semua cantik tetapi bila berjumpa berdepan, nampak

jerawatnya Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak sebutkan, bajet kosmetik ini ialah bajet yang meruntuhkan jiwa anak muda. Anak muda gembira apabila dapat RM500 sebulan kali dengan 12 bulan, kali dengan dua tahun berjumlah RM12,000. Akan tetapi anak muda rupa-rupanya tahu Tuan Yang di-Pertua, bajet ini bajet kosmetik. Dimasukkan dalam EPF, umur 60 tahun akan dapat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lakukan pada hari ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sampai bila hendak berakhir ini?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: ...mesti refleksi kepada 67 peratus populasi Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita betul-betul menyayangi anak muda, tolong pastikan pendidikan percuma ini dijuarai oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, masa sudah tamat Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih anak muda Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Selepas itu Masjid Tanah ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selepas itu Yang Berhormat Masjid Tanah dan Yang Berhormat Kota Samarahan.

4.56 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2020 yang mana kita melihat bajet ini adalah bajet yang terakhir untuk Rancangan Malaysia Kesebelas dan menjelang Rancangan Malaysia Kedua belas pada tahun hadapan. Jadi saya ingin tahu, apakah pencapaian yang telah dicapai dalam Rancangan Malaysia Kesebelas? Berapakah projek yang telah berjaya dilaksanakan? Berapakah projek yang masih gagal? Berapakah projek yang masih dalam pembinaan sehingga sekarang? Saya ingin tahu juga, berapakah jumlah bajet yang disediakan dalam Bajet 2020 ini untuk negeri Kelantan? Saya ingin minta

penjelasan, sejauh mana usaha dan kesungguhan Kerajaan Pakatan Harapan untuk mengatasi masalah hutang negara?

Kalau kita merujuk dalam kerangka keberhasilan kementerian, di mana kita melihat peratusan indeks sasaran yang diletakkan Peratusan Pelupusan Hutang Kerajaan Persekutuan hanya kurang daripada 55 peratus pada tahun 2019 dan kurang daripada 55 peratus daripada tahun 2020. Kenapa tidak diletakkan angka sasaran yang tepat seperti tahun 2018, diletakkan angka 51.2 peratus? Jadi, adakah sasaran sebenar yang lebih spesifik untuk kerajaan Pakatan Harapan menjelang 2020 dan untuk mencapai *target* sebenar untuk kita berdepan dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas nanti?

Begitu juga kita lihat daripada prestasi mengurusperdanakan TVET. Kita melihat bagaimana sasaran lepasan sekolah TVET hanya diletakkan 32 peratus dan kenaikan hanya 0.96 peratus berbanding tahun 2018. Adakah ini memenuhi prinsip mengurusperdanakan TVET? Peruntukan yang dicanangkan dalam bajet sebanyak RM5 bilion tetapi hanya menyasarkan *target* hanya satu peratus. Atau adakah ini prestasi yang hendak ditunjukkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan hari ini?

Saya ingin penjelasan juga iaitu berkenaan dengan lima projek yang dijanjikan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas kepada negeri Kelantan. Jadi, saya ingin tahu status terkini sebab menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesebelas, kita lihat lima projek ini masih belum lagi selesai termasuk projek LPT3 bermula dari Gemuruh ke Tumpat, Projek Jalanraya Pasir Puteh – Machang – Jeli. Begitu juga Projek Pembinaan Jambatan Palekbang di Kota Bharu. Saya ingin tahu statusnya. Projek Pembinaan Lebuhraya *Central Spine Road* Kota Bharu – Kuala Krai dan juga menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu. Jadi sejauh mana dan bilakah projek ini akan diselesaikan?

Begitu juga saya ingin penjelasan tentang status terkini tebatan banjir di Rantau Panjang sebab isu utama sekarang ialah isu keselamatan bukan semata-mata isu ekonomi.

■1700

Apabila negara Thailand di sebelah negara jiran kita telah menyiapkan hampir keseluruhan tebatan banjir yang hanya berdekatan dengan Sungai Golok di Rantau Panjang. Sudah tentulah apabila datang musim tengkujuh, isu yang paling besar ialah keselamatan rakyat sekiranya hujan lebat berlaku, banjir besar berlaku, mungkin rumah-rumah rakyat di sekitar sungai akan hanyut. Jadi saya ingin tahu apakah sebenarnya *priority* yang telah diletakkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan hari ini. Kalau Pulau

Pinang boleh diberi RM100 juta untuk projek LRT untuk aliran ringan, macam mana, kenapa yang sering ini isu keselamatan rakyat.

Jadi, saya ingin tahu apa halangan yang menyebabkan projek ini lambat walaupun sudah disebut projek ini diluluskan tetapi terlalu lambat. Jadi, saya ingin tahu macam manakah perancangan kerajaan untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan segera demi keselamatan rakyat. Begitu juga pembangunan di sekitar Pekan Rantau Panjang yang seharusnya menjadi tanggungjawab sebab ia adalah pintu masuk daripada Thailand ke Malaysia. Jadi, apakah program terutama di bawah Kementerian Pelancongan untuk menarik ramai pelancong masuk terutama ke negeri Kelantan.

Saya ingin tahu juga tentang projek 5G di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Jadi dalam kita lihat dalam penerangan yang telah diberikan kepada kami dalam Dewan ini daripada 32 lokasi dan enam negeri yang terlibat tidak termasuk negeri Kelantan. Jadi saya ingin tahu bilakah projek 5G ini akan dilaksanakan di negeri Kelantan? Berapakah peruntukan yang disediakan untuk projek 5G ini di negeri Kelantan? Saya ingin tahu juga Tuan Yang di-Pertua iaitu berkenaan dengan pemberian royalti yang menjadi isu hangat kepada negeri Kelantan.

Jadi saya ingin tahu berapakah jumlah yang telah di bayar untuk tahun 2017, 2018 dan 2019? Berapakah jumlah sebenar yang layak Kelantan dapat kalau dikira lima peratus daripada jumlah hasil dan kalau dikira 20 peratus jumlah hasil sebagaimana janji Kerajaan Pakatan Harapan dalam Manifesto Pakatan Harapan, berapakah yang sebenarnya yang rakyat Kelantan dapat? Begitu juga saya ingin tahu jumlah hasil minyak dan gas yang telah dan sedang dikeluarkan melalui telaga minyak yang ada dalam medan pengeluaran minyak dalam perairan Kelantan termasuk di kawasan bertindih.

Saya ingin penjelasan hasil minyak yang telah dikeluarkan daripada tahun 1992 sehingga 2019. Saya harap perkara ini dijawab dengan jelas, kalau tidak dapat melalui lisan, mesti melalui bertulis. Saya harap perkara ini dikotakan oleh pihak kementerian. Begitu juga saya ingin penjelasan iaitu berkaitan dengan menyentuh isu berkaitan dengan kebajikan kaum pekerja. Kita berterima kasih berbagai-bagai inisiatif yang telah dibuat untuk menjaga kebajikan hal ehwal kaum pekerja dan janji Pakatan Harapan untuk membela nasib pekerja.

Akan tetapi, malang sekali saya kesal sekali apabila kita mendapat maklumat Menteri Sumber Manusia telah membohongi Dewan ini dalam masa penggulungan Akta Perhubungan Perusahaan 1955 di mana dalam pindaan tersebut, Menteri mengatakan

bahawa libat urus runding telah dibuat dengan pemegang taruh terutama yang melibatkan MTUC, MEF dan agensi yang berkaitan. Sedangkan maklumat dan aduan yang kami terima bahawa tindakan Menteri meminggirkan, malah perkara ini tidak dapat dimuktamadkan dalam mesyuarat terakhir. Kemudian, terus pindaan ini dibawa kepada AG dan untuk dibentangkan kepada Kabinet dan dibawa ke Parlimen.

Jadi saya ingin tahu kenapa tindakan Menteri meminggirkan NLAC ini dan sebenarnya ini juga melanggar Konvensyen 144 dan begitu juga melanggar ratifikasi yang telah di tandatangan oleh Malaysia pada tahun 2002. Jadi saya harap perkara ini dapat penjelasan sebab kita tidak mahu Menteri yang menjaga kerajaan ber-*territory* dengan mengatakan sesuatu yang tidak benar. Saya ingat saya ingin sebuah kerajaan yang jelas.

Begitu juga saya ingin penjelasan dengan pelaksanaan gaji minimum yang telah dicadangkan oleh pihak kementerian. Kita berterima kasih di atas usaha untuk meningkatkan pendapatan kaum pekerja. Soalnya sekarang ialah gaji minimum yang disebutkan di antara inisiatifnya ialah RM1,200 kepada golongan pekerja dalam di bandar-bandar utama. Saya ingin tahu apakah maksud istilah bandar-bandar utama? Apakah ciri-cirinya dan apakah pindaan terhadap Akta Pekerja telah dibuat? Ini sebab kita dapat maklumat dalam Akta Gaji Minimum Kebangsaan, tidak ada istilah gaji minimum bandar utama. Macam mana perkara ini dimasukkan di dalam bajet sedangkan akta belum dipinda?

Sekiranya berlaku pelanggaran contohnya, majikan enggan melaksanakan arahan gaji minimum di bandar utama RM1,200 sebulan, apa punca kuasa untuk kita ambil tindakan kepada majikan? Ini sebab tidak ada dalam akta. Adakah perkara ini, inilah cara Pakatan Harapan memerintah dengan kerana hendak mendapat *mileage* politik, melaksanakan sesuatu yang belum dipinda dalam akta. Jadi saya ingin penjelasan perkara ini.

Begitu juga berkaitan dengan kebajikan kaum pekerja terutama yang berkaitan dengan kaum wanita. Jadi kita berterima kasih di atas banyak program yang dilaksanakan untuk kebajikan kaum wanita. Akan tetapi, saya ingin tahu apakah insentif yang diberi terutama pekerja-pekerja swasta. Kebajikan pekerja mereka sebab tugas wanita ini cukup besar. Jadi saya ingin tahu, apakah pindaan akta dibuat dan sejauh mana inisiatif yang telah dibuat dan kesedaran telah diberi kepada majikan terutama kebajikan kaum wanita. Terutama di sudut jadual kerja yang fleksibel, terutama dari sudut *sharing time*. Contoh, satu *post* perlu dibuat. Mungkin satu jawatan bekerja *sharing time* untuk memudahkan ibu yang bekerja.

Jadi perkara ini perlu dilaksanakan untuk memastikan kebajikan wanita yang bekerja sama ada di sektor awam ataupun swasta. Saya sangat kesal masih wujud diskriminasi di kalangan kaum pekerja. Terutama kaum wanita-wanita yang hendak mematuhi pakaian patuh syariah. Jadi saya ingin tahu apakah tindakan telah dibuat oleh pihak kerajaan terutama Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan hak melaksanakan agama yang dijanjikan, yang dijamin dalam perlembagaan dapat dilaksanakan dalam negara. Ini sebab kita lihat pada hari ini, ada pekerja yang mereka berdepan dengan majikan yang menghalang mereka untuk solat. Ada yang meletakkan masa yang tidak sesuai untuk solat.

Ada majikan yang menghalang wanita Islam berpakaian menutup aurat. Apakah tindakan kerajaan hari ini? Di mana sebelum ini janji kerajaan untuk menyelesaikan isu ini. Sampai hari ini kita lihat pramugari masih lagi berpakaian tidak menutup aurat. Paling malang lagi, terutama dalam syarikat penerbangan MAS. Bagaimana pramugari dan pramugara kita dipaksa menghidangkan arak? Saya sangat sedih melihat apabila mereka menghidangkan arak, dalam hati mereka menangis tidak setuju. Jadi apakah tindakan terutama Menteri Agama kita yang ada dalam Dewan? Bertanggungjawab, memantau isu-isu yang berkaitan kepentingan dan umat Islam.

Begitu juga janji kerajaan untuk menyerapkan jawatan kerja Kafa dengan jawatan tetap. Akan tetapi, apa yang kita lihat hari ini, isu ini tidak berlaku. Walau bagaimanapun, dinaikkan elaun RM100. Kita berterima kasih, tetapi adakah memadai dengan RM100 ini dan apakah penyelesaian jangka panjang terhadap isu guru Kafa.

Begitu juga kita berterima kasih di atas berkaitan dengan kenaikan pemberian elaun kepada anggota bomba. Kita amat terharu apabila kematian berlaku kepada saudara Muhammad Adib Mohd Kassim. Kita sangat berterima kasih di atas besar jasa mereka. Begitu juga banyak anggota bomba yang terkorban sebelum ini. Apakah kerana hendak menyelesaikan isu supaya tidak ada tekanan, perkara ini disegerakan. Saya harap elaun-elaun kritikal ini bukan sahaja kepada anggota bomba, termasuk jururawat dan agensi-agensi beruniform yang lain yang mempunyai sumbangan yang besar kepada negara hendaklah dipertimbangkan daripada masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan masalah kekeluargaan. Di mana kita melihat isu yang besar dalam negara kita hari ini ialah isu bagaimana keruntuhan institusi keluarga, isu perceraian yang semakin tinggi. Jadi saya ingin tahu apakah usaha dan saya tak nampak dalam bajet ini untuk menangani isu yang berkaitan dengan institusi keluarga. Sama ada berkaitan dengan isu perceraian, rogol, begitu juga berkaitan dengan jenayah, penderaan. Berapakah peruntukan yang telah

diperuntukkan dan apakah usaha untuk menangani isu keganasan rumah tangga yang masih meruncing dalam negara, kehilangan kanak-kanak yang masih berlaku? Jadi saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan yang diberi dan apakah program-program yang dilaksanakan?

Saya ingin tahu apakah program pemantapan ilmu kepada ibu bapa? Ini sebab hari ini ibu bapa berkejar mencari rezeki kerana berdepan dengan kos hidup yang tinggi. Tidak cukup membina keluarga hanya dengan kemantapan ekonomi. Keluarga perlu dimantapkan dengan ilmu iman, perlu dimantapkan dengan jati diri untuk kita membina generasi yang cemerlang. Jadi saya tidak nampak dalam usaha yang serius daripada dalam bajet ini untuk memastikan lahirnya sebuah keluarga yang mantap dan cemerlang. Jadi saya ingin tahu apakah program yang telah dibuat untuk melahirkan keluarga yang mesra, dasar-dasar kerajaan yang mesra keluarga supaya dapat melahirkan keluarga yang seimbang.

■1710

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan aspek kesihatan. Kerajaan juga memperluaskan skim perlindungan kesihatan kepada B40 yang memerlukan perlindungan.

Saya ingin tahu juga ialah apakah usaha kerajaan untuk memperhebatkan lagi menangani masalah kesihatan mental yang semakin meningkat di kalangan B40 dan M40 dan keseluruhan peringkat umur bermula daripada sahaja sekolah. Begitu juga cuti kuarantin terutama yang berhadapan dengan penyakit berjangkit berbagai-bagai penyakit berjangkit yang sedang menular hari ini, sudah tentu menjadi tekanan kepada ibu bapa yang bekerja. Jadi, apakah kerajaan akan memperkenalkan satu cuti khas cuti kuarantin kepada keluarga yang berdepan dengan anak-anak yang kena penyakit berjangkit ini.

Begitu juga saya ingin penjelasan iaitu berkaitan dengan peranan guru. Kita lihat peranan guru sangat besar dan kita sangat kesal bagaimana kita dikejutkan ada 402 buah sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah bermasalah pada tahun 2017. Apakah status sekolah itu pada hari ini? Apakah program-program yang telah diwujudkan untuk menyelesaikan masalah remaja yang keciciran terutama di luar bandar? Lagi kanak-kanak yang mempunyai masalah di sekolah bantuan kerajaan mahupun swasta, sejauh mana kerajaan berhasrat menambah kebaikan pengesanan masalah dan pelaksanaan serta keberkesanan program *vaccine* terutama kanak-kanak OKU terutama di sekolah-sekolah luar bandar.

Saya juga kesal laporan yang kita terima, ada satu portal yang menyebutkan bahawa bagaimana komik Asia sedang diedarkan dalam sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah jenis kebangsaan yang mana komik ini dalam dinamakan Program Inisiatif Jalur dan Jalan. Saya ingin tahu apakah pemantauan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Pendidikan sebab kita dapat makluman dalam komik ini adalah satu perkara dakyah untuk memberi kefahaman seolah-olah memperkenalkan perjuangan DAP itu sendiri. Jadi, saya ingin tahu apakah perkara ini benar dan saya minta Kementerian Pendidikan memantau perkara ini. Saya ingin menyentuh juga Tuan Yang di-Pertua iaitu berkaitan ...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Pohon.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Akhir sekali, minta Tuan Yang di-Pertua ya iaitu isu berkaitan dengan akhbar harian Makkal Osai Tamil...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa telah tamat Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:... yang mana saya sendiri tidak pandai Bahasa Tamil, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat kita ini hendak apa ...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *[Tidak jelas]* Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya tidak ada masa ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, tidak ada masa, memang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Jadi, kita melihat

...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Bagaimana isu akhbar harian Makkal Osai Tamil ini di mana pada tarikh 15 Oktober 2019, muka surat 7 di mana tajuknya Malaysia Sri Lanka isu LTTE.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Isu LTTE dibangkitkan secara tiba-tiba, dalam surat khabar itu menyatakan bahawa isu LTTE ini dibangkitkan secara tiba-tiba adalah sebagai drama untuk kemenangan '.... Raja Bakshi' di Sri Lanka pada pilihan raya 16 November 2019. Jadi, saya ingin tahu apakah pemantauan dibuat terhadap semua akhbar-akhbar ini. Ini kerana di sini menuduh

PDRM dan Kerajaan Malaysia telah menolong mereka untuk mencapai kemenangan dan penangkapan warga Malaysia untuk kepuasan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ini fitnah yang dibawa dalam surat khabar Makkal Osai Tamil bertarikh 15 Oktober 2019. Saya harap pemantauan dibuat oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Jadi, saya harap perkara ini dapat perhatian.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sila berikan kerjasama, masa sudah tamat lama.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Okey, ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya sudah tiga kali minta Yang Berhormat menggulung.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta maaf Yang Berhormat Tumpat ya kerana masa tidak mengizinkan, saya pun ada banyak lagi poin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Masjid Tanah dan selepas itu oleh sebab Yang Berhormat Kota Samarahan telah menunggu sejak semalam, saya menggunakan budi bicara kuasa, saya melanjutkan persidangan hari ini 15 minit untuk Yang Berhormat Kota Samarahan. Sila Yang Berhormat Masjid Tanah.

5.14 ptg.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kerana saya juga turut diberikan peluang untuk sama-sama membahaskan berkenaan dengan Belanjawan 2020 pada petang ini. Jadi, saya teruskan kepada poin saya Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyentuh tentang kenaikan harga petrol pada tahun depan yang mana ini telah membuat rakyat kita semakin resah dan semakin gelisah terutama sekali untuk golongan yang kurang berkemampuan. Apabila minyak naik maka benda lain pun

turut naik, apa yang pastinya kos kehidupan sara hidup juga terus naik. Walaupun ada subsidi yang disasarkan pada pemilik kereta ataupun motor, yang tidak ada kereta dan motor juga turut terkesan. Ini kerana mungkin mereka mempunyai tanggungan keluarga yang besar dan juga keluarga yang ramai.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang rumah yang daripada RM1 juta terus diturunkan kepada RM600,000 yang mana ini benar-benar dikatakan pemaju didahulukan, warga asing diutamakan. Ada dua perkara negatif yang berlaku pada rakyat yang mana apabila ia berlaku harga rumah di bandar-bandar utama akan jadi lebih mahal sebab kena bersaing dengan warga asing yang ingin juga mengambil peluang untuk membeli rumah tersebut. Keduanya, rumah mampu milik akan jadi lebih sedikit sebab pemaju boleh saja membuat pilihan untuk membina rumah yang lebih mahal kerana mereka tahu kalau tidak boleh jual maka mereka akan jual terus kepada warga asing.

Ini seolah-olah membayangkan bahawa kerajaan kita mengambil jalan pintas untuk menyelesaikan masalah dan memberikan persepsi kepada rakyat bahawa sesuatu yang berlaku di belakang tersebut. Malah, kerajaan juga dilihat tidak prihatin kerana seolah-olah menekan dan juga tidak hirau tentang masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong hasrat murni kerajaan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Jadi, saya ingin menyentuh tentang projek kemudahan *infra* pengangkutan laut di dalam Parlimen Masjid Tanah melalui pembinaan KLIP iaitu Kuala Linggi International Port di dalam kawasan Kuala Linggi yang boleh dijadikan sebagai kemudahan tambahan bagi perdagangan negara. Ia dijadikan sebagai hab logistik kargo, penyatuan kargo, *bunkering* dan juga tempat untuk dibaiki kapal tetapi saya mengharapkan agar apa yang dapat dimanfaatkan selain daripada ruang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Saya benar-benar berharap agar kerajaan juga dapat melihat dan jangan mengabaikan nelayan-nelayan kami yang lebih kurang 300 orang nelayan yang bergantung harap pada hasil lautan untuk mencari nafkah, mencari hasil lautan. Kalau dibinanya KLIP ini, apakah jaminan pada nelayan-nelayan ini tentang hasil laut yang akan terjejas. Tolong jaga nelayan-nelayan kami. Begitu juga dengan masalah alam sekitar. Saya mengharapkan bukan hanya masalah nelayan tetapi juga masalah alam sekitar juga akan mungkin juga turut terlibat.

Saya juga ingin menyentuh tentang Projek Empangan Sungai Jernih di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli yang dilaksanakan di dalam Parlimen Masjid Tanah agar dapat dilaksanakan dengan segera pada tahun hadapan dengan peruntukan

bajet tambahan daripada kerajaan dan juga saya harap ia dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong NFCP iaitu Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara untuk dibuat segera di kawasan-kawasan antara bandar-bandar sebagai pusat perhubungan antara bandar. Saya syorkan supaya kerajaan negeri juga untuk meluluskan tanah-tanah kerajaan digunakan dan dibangunkan dengan kemudahan NFCP ini dan secara tidak langsung dapat membangunkan kawasan-kawasan di dalam kawasan Parlimen Masjid Tanah. Malah, Parlimen Masjid Tanah menawarkan untuk dilaksanakan NFCP ini supaya ia dapat digunakan untuk *center* untuk permainan e-sport, pembangunan pusat agihan produk setempat dan juga stor digital dapat dilaksanakan. Malah pemberian geran dan kemudahan pajakan tanah bagi pembangunan NFCP di dalam kawasan Parlimen juga dapat dilaksanakan.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang soal pertanian. Anak-anak muda kita lihat sudah ada duduk di kampung, mengusahakan tanah sedia ada dan kita boleh tengok ramai yang berjaya. Cuma kerajaan kena dekati golongan ini. Apakah yang boleh kerajaan bantu supaya mereka ini terus kekal dan juga berdaya maju. Antara masalah utama yang dihadapi adalah penjualan harga hasil yang tidak stabil dan juga permainan orang tengah. Petani sudah keluarkan kos yang banyak, untuk cili satu tahun dua kali sahaja peluang untuk mereka dapat hasil. Akan tetapi harga hasil petani seolah-olahnya ditentukan oleh pemborong.

Malah, petani mengambil jalan sendiri dengan menjual – ambil inisiatif jual sendiri di kedai-kedai dan di tepi jalan. Ini menunjukkan petani sampai hendak buat dua kerja. Kasihan, hendak jaga hasil tanaman dan hendak jual sendiri hasil tuaian mereka. Kalau dapat diadakan pusat pengumpulan hasil tempat di Parlimen Masjid Tanah ia boleh menstabilkan harga.

Kita juga melihat bahawa kos barang meningkat dan kerajaan harus melihat golongan petani ini merupakan komuniti yang membantu industri makanan negara. Setiap musim petani perlu kita bantu. Bantuan baja, racun dan lain-lain sangat diperlukan untuk meringankan jerit perih mereka membantu tuaian di ladang dan belum kita cerita tentang masalah pekerja asing.

■1720

Kalau dapat dipermudahkan untuk kerajaan bantu dan kaji supaya petani ini mudah untuk mendapatkan *manpower*, dengan izin. Seterusnya juga, saya juga mengharapkan agar agensi-agensi juga dapat mengenal pasti dan bantu usahawan

kerana usahawan yang berjaya dapat menghasilkan lagi beberapa usahawan baharu. Manakala usahawan yang berjaya perlu ambil nasihat dan dijadikan sebagai mentor. Petani berpengalaman lebih faham situasi tempat dan permintaan pasaran dan kemahiran di kebun ladang. Agensi-agensi bantu petani dengan berkolaborasi bersama usahawan sektor berkaitan seperti *agrotourism*, agromakanan, produk-produk hiliran, konsultan dan juga pertanian 4.0. Jadi perlu untuk bantu mereka ini dengan geran dan bantuan perniagaan supaya mereka dapat kembangkan lagi usahawan tani mereka.

Jadi seterusnya, saya ingin menyentuh tentang bajet untuk anak muda. Kalau kita tengok bajet hari ini, kita boleh andaikan umpama tidak ada serinya, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada soal, tidak ada disebut tentang PTPTN, biasiswa, MyBrain. Tidak ada. Malah baucar buku juga tiada. Sunyi dan sepi. Negara maju sibuk banyakkkan bahan bacaan untuk kanak-kanak. Akan tetapi kita tengok Malaysia sebaliknya. Buku kanak-kanak, bahan bacaan kanak-kanak lebih banyak bahasa Inggeris di pasaran. Ada bahasa Melayu tetapi bahasa Indonesia. Buku semakin dilupakan dan industri buku, penerbit-penerbit ramai yang gulung tikar. Jadi macam mana kerajaan hendak membantu industri buku di negara kita Malaysia ini. Ini adalah satu masalah yang kritikal dan saya mengharapkan supaya kita memandang serius tentang perkara ini supaya industri buku di negara kita ini tidak dipinggirkan.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas inisiatif kerajaan untuk mengadakan graduan kerja untuk membantu graduan-graduan yang bekerja memandangkan jumlah hari ini yang menganggur lebih daripada 200,000 setakat suku tahun kedua bagi tahun 2018. Masalah menganggur ini adalah merupakan masalah ekonomi negara kita. Kalau kita tengok insentif yang diberikan, RM500 kepada setiap graduan adalah seperti tidak wajar. Bukan saya tidak setuju tetapi saya merasakan ia tidak realistik. Dari segi implementasinya bagaimana? Saya ingin bertanya kepada kerajaan bagaimanakah kerajaan boleh pastikan— kita dapat pastikan bantu mereka yang benar-benar menganggur ini dan saya khuatir kalau kita akan menggalakkan dengan insentif tersebut kita akan menggalakkan lebih ramai lagi penganggur yang menganggur secara sukarela. Kalau anak orang kaya tak apa, tapi kalau anak orang yang tidak berada, tidak berkemampuan, bagaimana? Sepatutnya kerajaan memanfaatkan wang tersebut sebagai latihan semula kepada graduan-graduan dalam usaha kita untuk memberikan nilai tambah kepada mereka seperti latihan komunikasi, latihan pengurusan kewangan, latihan berfikiran secara *analytical thinking* dan sebagainya.

Saya ingin juga menyentuh tentang wanita kerja. Syabas dan tahniah juga. Ini adalah satu perkara yang baik yang mana wanita boleh kembali berkerjaya setelah meninggalkan alam pekerjaan kerana urusan membesarkan anak dan sebagainya. Ini adalah sesuatu perkara yang saya kira cukup benar-benar memanfaatkan ramai wanita di luar sana yang berkorban jiwa dan raga untuk membesarkan anak-anak mereka. Cuma saya hendak bertanya, apakah justifikasi RM500 ini, yang insentif yang diberikan kepada— seolah-olah sebagai gaji ini di carum ke dalam KWSP. Ia pada pendapat peribadi saya, ia tidak membantu penjanaan ekonomi dan tidak membantu poket mereka. Akan tetapi ia akan hanya membantu dari segi pendapatan kerana ia disalurkan dalam tabung KWSP. Malah saya khuatir terdapat majikan juga sekadar mengambil kesempatan di atas insentif kerajaan dengan menawarkan gaji yang lebih rendah daripada yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang bajet pelancongan yang berjumlah RM1.1 bilion. Tahun 2020 adalah tahun penting, *Visit Malaysia Year*, Tahun Melawat Malaysia. Akan tetapi malang sekali apabila saya mendengar rata-rata kawan-kawan kita di dalam industri mengatakan dan juga mengadakan bahawa kempen ini tidak sepatutnya sebagaimana yang mereka harapkan. Apakah pengisian— saya ingin bertanya kepada kerajaan. Apakah pengisian yang kerajaan rancang untuk Tahun Melawat Malaysia 2020 ini. Yang kita dengar hanyalah logo, lagu dan juga tema. Belum ada lagi kempen-kempen yang serancaknya. Oleh sebab itulah bahan-bahan kempen— poster, pin sepatutnya sudah boleh beri sudah kepada Ahli Parlimen, sebahagian daripada untuk kita kempen. Hah! Yang ini tidak, kita dapat kempen Tabung Pahlawan sahaja yang kita dapat atas meja. Kempen untuk Melawat Malaysia tidak ada. Ramai Ahli Parlimen yang pergi ke luar negara, wakil Parlimen Malaysia dengan tangan kosong. Apa salahnya diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen, gambar-gambar, CD dan barang-barang ini untuk mereka kongsi kepada kawan-kawan di seluruh negara untuk mempromosikan kempen negara kita. Jadi saya harap ia...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri ambil perhatian ya. Ya sila.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Okey. Yang keduanya saya daripada Melaka. Melawat Melaka Tuan Yang di-Pertua bererti melawat Malaysia. Pada tahun 2017, RM16.9 juta. Pada tahun 2018, RM17.2 juta dan pada tahun 2019, setakat bulan Jun sudah pun sampai RM9 juta. Jadi mohon kementerian untuk lihat potensi dan bantu Melaka untuk melonjakkan lagi serta menambahkan lagi acara-

acara pelancongan dan juga buat kerjasama erat dengan kerajaan negeri untuk menambahkan lagi produk pelancongan negeri Melaka dan bukan hanya bersandarkan pada produk-produk yang lama. Ini tidak, asyik yang disebut lama. *Coconut shake*. Ya memang satu Malaysia datang ke Melaka hendak rasa kuih keria dan sebagainya, tapi kita hendak lebih banyak lagi produk-produk baharu. Saya amat cemburu dengan Pulau Pinang yang mendapat RM100 juta untuk...

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: [*Mencelah*] Tuan Yang di-Pertua, pohon Peraturan Mesyuarat, berkait dengan kuorum Mesyuarat. Cukup tak bilangan? Tak cukup rasanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Setiausaha. Sebenarnya masa sudah tamat sudah. Ya Setiausaha, sila kira.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Boleh teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Teruskan dahulu lah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya rasa ada cukup kuorum.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Jadi Melaka juga hendak juga bantuan seperti itu supaya kita dapat melonjakkan lagi kerana industri pelancongan di Melaka adalah merupakan antara pendapatan utama negeri Melaka. Oleh sebab itulah saya ingin bertanya, RM100 juta untuk Bukit Bendera ini, adakah ia di bawah sumber yang mana? Adakah di bawah DE atau OE? Mana lagi peruntukan pembangunan yang lain untuk disalurkan negeri lain, terutama Melaka.

Seterusnya saya ingin sentuh tentang Kumpulan Wang Warisan. Kalau dahulu kita pernah dapat RM35 juta untuk pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan, tapi hari ini kita tidak ada langsung. Apa akan jadi kepada bangunan-bangunan yang juga tapak-tapak warisan. Sayang, ia akan terbiar begitu sahaja. Sebanyak RM90 juta untuk kita punya Tahun Melawat Malaysia. Ia mungkin akan digunakan untuk promosi tempat pelancongan tapi bagaimana tentang sektor budaya? Sektor seni dan budaya juga harus dilihat. Kita hendak tengok juga ada pegawai-pegawai kebudayaan yang ditempatkan di pejabat-pejabat kedutaan Malaysia di luar negara supaya kita dapat sama-sama mempromosikan Malaysia dengan cara kebudayaan kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang *digital economy* dan Revolusi Industri 4.0. Saya baru sahaja melihat di *Twitter*, Les Copaque melalui filem Upin dan Ipin: Keris Siamang Tunggal telah pun dicalonkan sebaris dengan Frozen 2 untuk Oscar. Jadi saya ingin merakamkan ucapan tahniah. Ia bersama dengan 32

filem yang lain— filem animasi dan ini menunjukkan apa? Malaysia boleh. Malaysia boleh sebaris dengan negara luar, pengeluar antarabangsa untuk menghasilkan sesuatu yang hebat. Jadi, sejajar dengan Revolusi Industri 4.0, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas bajet khusus tentang berkaitan perkara ini. Namun begitu, jumlahnya masih sedikit dan lebih kepada lanjutan program yang sedia ada. Pemantauan dan ketelusan agensi yang mendapat bajet ini sangat penting bagi mengelakkan ketirisan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: MDEC, misalnya perlu pantau dan gunakan bajet ini supaya tidak ada lagi *roadshow* yang mewah, yang mempromosi dan menguntungkan syarikat digital asing di atas alasan untuk mendidik SME tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat. Sila menggulung ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: ...dan seterusnya saya harap juga kita dapat melihat juga dengan perkhidmatan-perkhidmatan untuk perkara yang melibatkan Revolusi Industri ini supaya kita hati-hati dengan penggunaan data peribadi kita. Seterusnya saya ingin mengharapkan kementerian juga dapat memberikan peluang juga sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi. Saya bersetuju. Macam mana kita hendak memperkasakan orang muda kita kalau kita sendiri tidak percaya dan kita tidak mendayakan mereka dengan memberikan peruntukan, dengan memberikan bantuan untuk program-program yang sebaiknya untuk orang muda, bagi Majlis Belia Malaysia ataupun persatuan-persatuan belia lain.

■1730

Saya juga mengharapkan supaya Kementerian Belia dan Sukan juga dapat memberi ruang dan juga memberi peluang kepada sukan-sukan massa untuk sama-sama berdaya saing dan mewakili negara seperti *dodge ball* untuk sama-sama dapat peruntukan dan memperkasakan dan membangunkan sukan ini ke tempat yang lebih baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Samarahan berbahas di bawah Perkara 12(3) sebagai pembahas terakhir hari ini. Sila.

5.30 ptg.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: *Bismillahi rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya di waktu akhir ini untuk sama-sama berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada isu pertama saya iaitu isu sekolah daif. Dalam Belanjawan 2020 Kementerian Pendidikan merupakan penerima peruntukan terbesar berjumlah RM64.1 bilion. Berdasarkan Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak sebanyak 1,020 buah sekolah telah dikategorikan sebagai sekolah daif. Daripada jumlah berkenaan, 415 buah dalam skala sekolah daif tahap tiga, dan 75 peratus daripada sekolah-sekolah berkenaan tidak lagi sesuai untuk digunakan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, ingin tahu, berapakah jumlah peruntukan untuk sekolah daif yang diluluskan untuk Sarawak 2020? Senarai sekolah yang diluluskan menggunakan peruntukan ini, dan berapa buah kah sekolah daif diluluskan bagi Kota Samarahan? Seterusnya, saya ingin hendak tahu juga berkaitan dengan bagaimana mekanisme pelaksanaan peruntukan berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada isu sekolah daif, saya ingin menarik perhatian kementerian tentang isu kesesakan sekolah di SMK Muara Tuang. Sekolah ini mempunyai jumlah kepadatan pelajar yang tinggi berbanding dengan kelengkapan sekolah. Ditambahkan lagi dengan keadaan struktur bangunan yang sungguh daif. Ini berlaku disebabkan oleh peningkatan pembangunan, dan juga peningkatan penduduk di kawasan berkenaan.

Oleh itu, saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah status gantian semula pembinaan SMK Muara Tuang. Sebenarnya projek gantian semula SMK Muara Tuang telah diluluskan pada tahun 2017 di bawah kerajaan terdahulu. Dan saya dimaklumkan projek ini diteruskan, dan kita ingin hendak tahu, sampai sekarang belum diketahui status pelaksanaan bagi SMK Muara Tuang.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang ingin saya kemukakan ialah berkaitan dengan pelantikan MPKK yang bagi kita merosakkan perpaduan di negeri Sarawak. Kerajaan Persekutuan akan mewujudkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ada kenyataan yang

dikeluarkan, menyatakan sebanyak RM100 juta geran diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada MPKK dan menggesa supaya Kerajaan Negeri Sarawak merestui kewujudan MPKK di negeri itu. Beliau juga menyatakan, Sarawak tidak akan dapat menikmati peruntukan RM100 juta tersebut sekiranya MPKK tidak mendapat taraf.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelantikan penghulu, ketua kaum, pemanca, temenggung, tuai rumah adalah dilantik oleh Pejabat Residen Bahagian dan Pejabat Daerah dalam memudah cara urusan pentadbiran di peringkat komuniti kampung.

Malahan dalam soal pemilihan ketua-ketua masyarakat ini, dilaksanakan dengan penuh berhati-hati dan mempunyai formaliti yang tersendiri, bukannya dilantik ataupun di bincang di kedai-kedai kopi. Mereka yang bakal dilantik menjadi ketua masyarakat...

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Yang Berhormat Kota Samarahan, mohon mencelah.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Tunggu. Masa saya sedikit ya. Tunggu dulu.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Bezakan ketua masyarakat dan ketua kaum sahaja.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Mereka yang bakal dilantik menjadi ketua masyarakat yang bertauliah akan menghadiri sesi temu duga, kursus, malahan perlu mempunyai kemampuan dalam mengurus tadbir sebelum layak untuk dipilih sebagai ketua masyarakat. Malah pada tahun lepas, ketua kaum, ketua masyarakat di negeri Sarawak kebanyakannya telah pun dianugerahkan Diploma Tadbir Urus oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Oleh hal yang demikian, sekiranya Kerajaan Persekutuan benar-benar berhasrat untuk membantu memajukan masyarakat di dalam kawasan luar bandar khususnya kampung, apa salahnya mengiktiraf JKK yang mana ketua kaum, ketua masyarakat merupakan pengerusinya.

MPKK pada kita akan memecahbelahkan dan mewujudkan lebih banyak kumpulan, puak-puak di peringkat komuniti dan dalam kampung. Sebaliknya, sebagai barisan pemimpin yang ikhlas, kita seharusnya mengutamakan keharmonian komuniti di kampung berbanding mengutamakan kepentingan politik dan peribadi.

Bagi saya, ini adalah budaya toksik yang makin menjadi-jadi pada masa ini. Tidak patut ada dua tuai rumah dalam sebuah rumah, tidak patut ada dua bapa dalam satu keluarga, tidak patut ada dua imam dalam satu saf. Oleh itu, saya menggesa agar pihak

Kerajaan Persekutuan mengkaji balik mekanisme terbaik untuk mewujudkan MPKK di Sarawak. Ia mesti dibuat secara teratur, sistematik dan dibuat secara betul.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang ingin saya kemukakan di sini adalah peruntukan menyukat tanah adat Sarawak. Sejak tahun 2010 sehingga tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM171,800 juta bagi program mengukur tanah terutamanya Tanah Hak Adat Bumiputera iaitu NCR menerusi Program Khas Bumiputera untuk Sabah dan Sarawak.

Sesungguhnya hasil bantuan dan ihsan kerajaan terdahulu, sebanyak 32,167 lot individu yang berkeluasan 79,484 ekar secara keseluruhannya telah mendapat Surat Hak Milik di bawah Kanun Tanah Negeri. Saya percaya, nada yang sama turut dilaungkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak dan juga kemungkinan Ahli-ahli Yang Berhormat Pakatan Harapan yang mahu isu dan pemberi hak milikan tanah NCR kepada rakyat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan di GPS amat kecewa dengan Belanjawan 2020 yang diumumkan, kerana tiada sebarang peruntukan bagi tujuan tersebut. Saya ingin bertanya, kenapa peruntukan ini dihentikan? Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pakatan Harapan Sarawak mahu sama-sama menggesa agar peruntukan bagi menyukat Tanah Adat dan Bumiputera ini diberi bagi mempercepatkan dan memudahkan usaha pengembalian Tanah Adat dan Bumiputera ini kepada rakyat. Jangan sesekali memutarbelitkan isu ini untuk *political mileage*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, pada penghujung tahun 2019, Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat sukatan perimeter berjumlah 800,196 hektar bersamaan dengan 2.175 juta hektar Tanah Hak Adat Bumiputera yang telah disukat secara perimeter. Daripada jumlah berkenaan, Kerajaan Negeri Sarawak telah berjayaewartakan seluas 718,522 hektar tanah NCR di seluruh negeri Sarawak. Sehubungan dengan itu, harapan kita agar kerajaan terus prihatin dan memberi peruntukan semula kepada tujuan berkenaan.

Isu keempat yang ingin saya kemukakan hari ini Tuan Yang di-Pertua, kuasa autonomi kesihatan. Ingin saya menarik perhatian Dewan mengenai isu perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negeri Sarawak. Seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, kesihatan merupakan salah satu perkara yang diletakkan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai Persekutuan.

Selain itu, melalui Perenggan-14, *Inter-Government Committee Report* (IGC) turut mengesyorkan bahawa perkara mengenai perubatan dan kesihatan diletakkan di bawah kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan- tertakluk kepada jaminan bahawa dasar

dan pentadbiran tempatan di Sarawak tidak akan diganggu sehingga Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju sebaliknya. Manakala peruntukan kewangan untuk perkhidmatan tersebut adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

■1740

Melalui Jawatankuasa Khas Kabinet yang ditubuhkan untuk menyemak semula pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963, salah satu proses yang dimasukkan adalah untuk menyemak semula prestasi pelaksanaan perkara-perkara di bawah kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan. Salah satu perkara yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Sarawak adalah perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negeri Sarawak yang kurang memuaskan.

Jika kita lihat khidmat untuk perubatan dan kesihatan di negeri Sarawak, terdapat pelbagai isu seperti masalah kekurangan doktor, kekurangan doktor pakar, isu bekalan air terawat, masalah *accessibility* jalan bertar ke klinik kesihatan, kekurangan perkhidmatan kesihatan di kawasan pedalaman, peruntukan perbelanjaan mengurus yang terhad dan lain-lain yang menyebabkan penyampaian perkhidmatan kesihatan di Sarawak terjejas dan tidak memuaskan. Oleh itu, selain daripada itu pertambahan penduduk di kawasan bandar dan juga pedalaman Sarawak turut memerlukan peningkatan kepada perkhidmatan kesihatan di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian sekiranya penilaian mendapati prestasi Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kuasa eksekutif dan kawalan kewangan berhubung perkara ini tidak memenuhi jangkaan dan aspirasi rakyat Sarawak, ingin saya cadangkan di sini agar perkara mengenai kesihatan dan perubatan dipindahkan dan diambil alih kepada kerajaan negeri di bawah Perkara 95C(1)(b) dibaca bersama dengan Perkara 80(4). Perlembagaan Persekutuan tertakluk kepada peruntukan kewangan daripada pihak Kerajaan Persekutuan, untuk menyediakan rawatan, perkhidmatan kesihatan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan permintaan rakyat Sarawak secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu yang saya ingin kemukakan adalah berkaitan dengan isu subsidi petrol dan kesan kenaikan harga minyak. Tuan Yang di-Pertua, Program Subsidi Petrol telah diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai langkah memberi subsidi minyak secara bersasar bagi membolehkan pengapungan harga minyak dilakukan pada tahun hadapan.

Namun, apa yang kita kluatir pada ketika ini ialah kesan kenaikan harga minyak terhadap inflasi dan kenaikan harga barangan secara keseluruhannya, berbanding

subsidi petrol yang diberikan kepada rakyat berjumlah secara puratanya RM1 sehari. Berikutan hal ini saya ingin hendak bertanya, apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian dalam mengawal harga barangan daripada terus naik, sejurus sahaja harga minyak diapungkan. Kebanyakan harga barangan di Sabah dan Sarawak lebih tinggi secara umumnya berbanding harga barangan di Semenanjung Malaysia.

Walaupun Dasar Kibotaj sudah dimansuhkan oleh kerajaan terdahulu namun pengimportan barangan dari luar yang kebanyakannya berpangkalan di Semenanjung Malaysia sebelum dibawa ke Sabah dan Sarawak dan ini telah menyebabkan harga barangan di Sabah dan Sarawak lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sila menggulung.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya. Saya ingin membawa satu lagi perkara iaitu menyentuh soal pembayaran cukai jualan negeri, produk petroleum sebanyak lima peratus yang telah dikuatkuasakan, yang mana masih lagi belum dijelaskan oleh Syarikat Petroleum Nasional iaitu Petronas.

Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri, ini adalah hak kami di bawah Perlembagaan dan kami hanya meminta apa yang sepatutnya. Kita dimaklumkan, pihak Petronas masih menunggu keputusan dasar daripada Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu sebelum membayar cukai berkenaan. Oleh sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri ambil maklum perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sarawak minta belanjawan ini biarlah adil. Memberi fokus kepada Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi, sebagai negeri yang terbesar dan juga sebagai pengeluar hasil yang tertinggi di Malaysia. Oleh itu kita bukan menagih simpati tetapi apa yang kita inginkan adalah untuk mengimbangi pembangunan di Sarawak yang memerlukan perbelanjaan yang lebih besar.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 21 Oktober 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.46 petang]